

# PARADIGMA SOSIAL 2021





## **COPYRIGHT**

Hak Cipta Penerbitan 2021 Institut Sosial Malaysia

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Institut Sosial Malaysia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mewakili pendapat dan pandangan Institut Sosial Malaysia.

Sebarang pertanyaan dan maklum balas boleh dikemukakan kepada:

**Kluster Repotori dan Dokumentasi**

**Institut Sosial Malaysia**

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Lot PT 13856, KM 6 Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban  
Sungai Besi  
57100 Kuala Lumpur

Tel: 03-7985 3333 Faks: 03-7985 3300

Emel: [info@ism.gov.my](mailto:info@ism.gov.my)

Web: [www.ism.gov.my](http://www.ism.gov.my)

# ISI KANDUNGAN

- 1 Kecederaan Dalam Sukan Pocket Bike Di Kalangan Kanak-kanak
- 6 Risiko Terhadap Kanak-kanak Di Media Sosial
- 10 Model Pendekatan Remaja Di Rumah-rumah Perlindungan Akhlak Berteraskan Al-quran
- 15 Dinding Kaca Dalam Sukan Permotoran
- 21 Pondok Warga Emas as Tourism Destinations: The Needs and Challenges in Malaysia
- 28 Pandemik COVID-19 Menguji Daya Tahan Perkhidmatan Awam
- 26 Persepsi Terhadap Rantaian Kepayahan Hidup Ibu Tunggal
- 43 Communicating Needs and Stress According to Maqasid Shariah Among B40 Women Entrepreneurs During Pandemic of COVID-19 in Malaysia
- 53 Dementia Hargai Masa Bersama
- 58 Fenomena Penuaan dan Penyediaan Sokongan Sosial
- 65 COVID-19 Ruang Untuk Pengembangan
- 70 Pengurusan Harta Mengikut Perspektif Islam
- 79 COVID-19 Pengadaptasian dan Risiko Penggunaan IOT Dalam Kalangan Warga Emas
- 86 Perbezaan Cabaran PDPR dan Pembelajaran di Sekolah Serta Kesannya Terhadap Pembinaan Karakter Kanak-kanak
- 92 COVID-19 Realiti Pelbagai Peranan Wanita Untuk Mengimbangi Kehidupan-kerjaya
- 101 Keutamaan Aset Bagi Ibu Tunggal Ketika Pandemik COVID-19
- 108 Panduan Penggunaan Konsep-konsep Dalam Wacana Tentang Keluarga
- 118 Bunuh Diri: Terpaksa Atau Dipaksa?
- 122 Millennials and Decision-making At The Workplace
- 128 NGO as an Alternative Solution in Addressing The People Needs and Human Rights

# SIDANG EDITORIAL

## PENGERUSI

Encik Mohd Hanapi Mohammad Hanipah

## KETUA EDITOR

Puan Hamidah Hassan

## EDITOR (DALAMAN)

Puan Nurulhuda Ismail

Puan Faizah Abdullah

Datin Dr. Rozbizah Abd Aziz

Puan Siti Mariam Sageh

Puan Noorhafiza Ahmad

Puan Dana Zulkeefly

Encik Muhammad Nadzri Murashid

Encik Saiful Bahari Mohd Said

Puan Nurul Farhana Khamsar

Cik Ida Suzita Sabu

## PENILAI (REVIEWER)

Prof. Dr. Azlinda Azman

Universiti Sains Malaysia

Prof. Madya Dr. Abdul Razak Abdul Manaf  
Universiti Utara Malaysia

Dr. Ahmad Shukri Abdul Hamid  
Universiti Utara Malaysia

Dr. Aizan Sofia Amin  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Hj. Abang Patdeli Bin Abang Muhi  
Dewan Bahasa dan Pustaka

Prof. Madya Dr. Norailis Ab. Wahab  
Universiti Sains Islam Malaysia

Puan Majidah Mat Jusoh  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Dr. Nor Jana Saim  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Norulhuda Sarnon@Kusenin  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Norliza Mokhtar  
Jabatan Kebajikan Masyarakat

Dr. Paramjit Singh Jamir Singh  
Universiti Sains Malaysia

Encik Syarizal Abdul Rahim  
Universiti Malaysia Kelantan

# NOTA EDITOR



## **Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...**

Dengan penuh rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, Institut Sosial Malaysia (ISM) telah berjaya menerbitkan majalah Paradigma Sosial bagi tahun 2021. Objektif utama majalah ini adalah untuk mengetengahkan pelbagai isu yang berkaitan sosial dan juga kemasyarakatan. Setinggi-tinggi tahniah kepada warga ISM yang terlibat dalam menghasilkan khazanah ilmu ini. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada para penyumbang karya di atas garapan ilmu yang menjadi pembakar semangat untuk tenaga penerbitan meneruskan usaha murni ini.

Ketika seluruh dunia termasuk Malaysia berdepan dengan situasi penularan pandemik COVID-19, rakyat Malaysia dari pelbagai kaum terus bersatu hati menghadapi pandemik ini dan implikasinya terhadap politik, ekonomi serta sosial negara. Sebanyak 20 artikel yang dipaparkan dalam majalah ini menyentuh mengenai isu-isu semasa sosial dan kemasyarakatan selain memaparkan pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam menyediakan kemudahan sosial, pelan tindakan serta langkah pencegahan yang bersesuaian demi kesejahteraan masyarakat.

Semoga majalah Paradigma Sosial menjadi sumber rujukan, panduan dan inspirasi kepada para pembaca. ISM amat mengalu-alukan sebarang idea, komen dan cadangan daripada pembaca bagi meningkatkan lagi kualiti penerbitan ini.

**Selamat Membaca!**





# KECEDERAAN DALAM SUKAN POCKET BIKE DI KALANGAN KANAK-KANAK

Syarizal Abdul Rahim  
Universiti Malaysia Kelantan  
Norailis Ab. Wahab  
Universiti Sains Islam Malaysia  
[syarizal.ar@umk.edu.my](mailto:syarizal.ar@umk.edu.my)  
[norailis@usim.edu.my](mailto:norailis@usim.edu.my)

Hafizh Syahrin Abdullah adalah nama yang tidak asing lagi bagi peminat-peminat sukan permotoran di Malaysia. Semangat berlumba di litar yang sentiasa membara membuatkan beliau bertahan dalam menghadapi jatuh bangun kerjayanya. Laluan ini bermula semenjak umurnya sembilan tahun dengan menunggang motosikal kecil atau lebih dikenali sebagai *pocket bike*. Motosikal ini didedikasikan kepada penunggang yang badannya bersaiz kecil serta berusia dalam lingkungan usia antara 5 hingga 12 tahun. *Pocket bike* merupakan titik permulaan yang baik untuk meletakkan asas yang kukuh dalam penglibatan di dunia sukan permotoran. Kenderaan Mini ini digunakan dalam usaha pada peringkat permulaan seseorang pelumba untuk mendapat akses kepada dunia perlumbaan di samping memudahkannya ketika berlakunya peralihan ke motosikal yang lebih besar.

Casis *pocket bike* ini adalah menyerupai motosikal yang lebih besar serta dilengkapi dengan gear automatik untuk kuasa pecutan yang tinggi serta digabungkan dengan saiz yang seimbang untuk pelumba cilik. *Pocket bike* boleh mencapai dengan enjin 40cc hingga 100cc.

Meskipun begitu, ia tetap dikira sebagai sukan lasak dan berbahaya. Kadar pemulihian mengikut umur juga boleh menjadi alasan untuk mengenal pasti dan memilih bakat-bakat cilik dalam mengambil bahagian kerana mereka sembah lebih cepat berbanding pelumba yang lebih berusia. Wrich (2020) dan Harvard (2018) bersepakat bahawa kesembuhan fizikal yang lebih cepat boleh membuat pelumba mengambil bahagian dalam perlumbaan lain dengan segera tanpa menunggu masa yang lama untuk pulih. Alasannya adalah kerana keupayaan badan untuk menyembuhkan kulit dan tulangnya menurun seiring dengan pertambahan usia. Farage et al. (2013) turut menyokong penuaan menjelaskan ~~menyokong struktur dan fungsi termasuk proses penyembuhan akibat luka.~~

Kebanyakan penaja pasukan telah membuat garis panduan yang jelas berhubung kecederaan dalam tempoh perlumbaan. Dalam setahun, seseorang pelumba perlu mengambil bahagian sebanyak mungkin seperti yang telah direncanakan di lokasi-lokasi berbeza di seluruh negara. Dalam konteks sukan

permotoran, semakin lama proses penyembuhan dan pemulihan bermakna pelumba motor akan terlepas banyak siri-siri latihan dan perlumbaan. Tambahan pula, pasukan dan pihak penaja yang terlibat juga perlu membayar semua bil hospital dan kos terapi yang dihadiri oleh pelumba berkenaan. Oleh yang demikian, pelumba tersebut berpotensi untuk dikeluarkan dari pertandingan (Adilah, 2020).

Contoh-contoh yang boleh dilihat adalah kecederaan buku lali yang dilalui oleh pelumba kelahiran Jerman, Stefan Bradl pada tahun 2013 ketika berusia 24 tahun. Ianya sembah dalam masa tiga minggu sahaja berbanding tempoh biasa iaitu enam hingga 12 minggu. Begitu juga dengan kecederaan pada jemari Marc Marquez (ketika berusia 22 tahun) yang cuma mengambil masa lapan hari berbanding empat hingga enam minggu untuk individu yang lebih berusia (Wrich, 2020). Kedua-dua kes itu berlaku ketika mereka masih berusia sekitar awal 20-an yang menunjukkan dengan jelas tentang bagaimana masa pemulihan pelumba yang luar biasa pada usia ~~kecemasan~~ mereka.

Jatuh terhempas apabila perlumbaan boleh menjadi mimpi ~~kecemasan~~ kepada pelumba kerana kelajuan yang luar biasa dalam pertandingan. Kecederaan itu boleh terjadi kerana jatuh terhempas, atau jatuh dihalang oleh pelumba lain akibat dari kemalangan yang berlaku di hadapan mereka dan tidak mempunyai masa untuk mereka mengelak seperti apa yang berlaku Marco Simoncelli di Litar Antarabangsa Sepang pada 2011 (Allison, 2020; Cobb, 2018; Kumar, 2019; Max Oxley, 2012). Namun dek semangat bertanding yang tinggi menyebabkan dalam kebanyakan kes, ramai pelumba akan kembali kepada motosikal mereka meskipun mereka mengalami kecederaan. Kemudiannya terus berlumba untuk memperoleh mata

dalam acara perlumbaan.

*National Institute of Arthritis and Musculoskeletal and Skin Diseases* di Amerika Syarikat melalui siri-siri penyelidikan mereka dengan menguar-uarkan bahawa kecederaan sukan yang paling biasa adalah disebabkan oleh kemalangan ketika pertandingan, amalan latihan yang lemah atau pengendalian *pocket bike* yang salah. Dengan memperkenalkan sukan ini, ia hanya boleh mendedahkan pelumba ~~kecemasan~~ kanak-kanak kepada risiko ~~untuk~~ kecederaan. Namun, langkah pertama adalah untuk mencegah kecederaan daripada berlaku dengan mempelajari ~~kecekapan~~ mengawal ~~kenderaan~~, memahami ciri-ciri keselamatan serta peraturan asas yang ~~tuntut~~ dalam sukan ini. Jika sejak kecil diajari tentang aspek-aspek ini melalui rutin yang tetap, para pelumba cilik pasti tegar untuk terus berkecimpung dalam sukan permotoran untuk jangka masa lebih lama.



Pertandingan pocket bike di Malaysia untuk pelumba kanak-kanak perlu mendapat kebenaran dari Motorsports Association of Malaysia (MAM) sebagai organisasi yang mengawalselia aktiviti-aktiviti berkaitan sukan permotoran di negara ini. Penyertaan dalam perlumbaan yang diiktiraf MAM diambilkira dalam portfolionya sebagai seorang pelumba. Mereka perlu mendapatkan perlindungan insurans, pengecualian dan pelepasan garis panduan liabiliti sebelum memasuki perlumbaan. Lazimnya, perlindungan insurans untuk aktiviti begini turut disediakan namun ibu bapa digalakkan untuk menyediakan sendiri perlindungan insurans tambahan bagi anak-anak yang berlumba. Ibu bapa berperanan untuk menyediakan perlumbaan lengkap yang dijamin kualitinya untuk melindungi fizikal pelumba. Penggunaan topi keledar yang diperakukan oleh badan piawaian yang khusus dan kasut perlumbaan yang direkabentuk untuk melindungi kaki pelumba dengan baik. Ibu bapa wajar menyiapkan diri dari segi mental, fizikal dan sumber kewangan untuk hal ehwal perbelanjaan kelengkapan untuk sesi-sesi latihan, perlumbaan dan pembiayaan perubatan. Memandangkan menjadi kelaziman untuk sukan pocket bike ini tidak melibatkan sebarang penajaan dari pihak luar.

Lebam dan retak terutamanya pada bahagian tulang selangka, lengan dan jari merupakan perkara biasa yang dialami oleh pelumba namun, alah tegal biasa. Jika berlaku kecederaan ringan akibat kemalangan di litar, pelumba akan mengendalikan sendiri. Hal sedemikian, semakin meningkat umur pelumba semakin berkurang bilangan kemalangan kerana kemahiran mengendalikan pocket bike yang semakin baik. Di samping itu, tanggungjawab pihak pengangur pertandingan juga penting untuk memberikan keutamaan kepada

keselamatan para pelumba seperti membuat pemeriksaan litar setiap kali sebelum dan selepas perlumbaan untuk memastikan litar selamat digunakan di sepanjang tempoh perlumbaan berlangsung. Selain itu, pihak pengangur perlu menyediakan penghadang kemalangan setiap selekoh litar.

Joel dan *The Council on Sports Medicine and Fitness* (2007) serta *American Academy of Pediatrics, Committee of Sports Medicine and Fitness* (2000) telah menggariskan beberapa panduan tambahan kepada pelumba cilik yang terlibat secara langsung, ibu bapa dan jurulatih untuk mengurangkan kadar kecederaan dalam sukan ini. Pertama, memberikan pendidikan yang betul mengenai aktiviti ketahanan (termasuk keadaan persekitaran seperti suhu, kelembapan relatif dan penghidratan yang wajai) iaunya harus menjadi sebahagian daripada proses latihan untuk mengurangkan kecederaan ketika berlumba di litar. Seterusnya, kanak-kanak ini digalakkan untuk diberikan sekurang-kurangnya satu hingga dua hari cuti dari latihan kompetitif dan perlumbaan untuk lebih bersedia dan sembah (anda mengalami kecederaan) dari segi fizikal dan psikologi. Akhir sekali, maklumat berhubung amalan pemakanan dan nutrien, keselamatan dalam bersukan serta mengelakkan latihan berlebih-lebihan untuk mencapai prestasi optimum dan kesihatan yang baik.

Roda-roda (2020) menguar-uarkan tentang sukan pocket bike hari ini yang dilihat semakin mendapat tempat di hati peminat sukan permotoran tempatan berdasarkan kepada sambutan ujibakat tahunan untuk SIC MiniGP. Begitu juga dengan sesi-sesi pemilihan Mini Cub Prix yang merupakan projek akar umbi Kementerian Belia dan Sukan (PETRONAS Malaysian Cub Prix Championship, 2019).

Ia memerlukan rutin yang konsisten untuk memastikan mereka fokus kepada persepsi bahawa sukan ini menyeronokkan, peluang untuk memperolehi kemahiran selain di sekolah dan mencipta semangat kesukuan yang tinggi di peringkat awal usia. Sukan ini juga merupakan satu norma baharu bagi ibu bapa dan anak-anak dalam mengeratkan lagi hubungan

kekeluargaan di samping menghabiskan waktu senggang bersama. Aktiviti ini dilihat boleh memupuk kemahiran berkomunikasi antara para pelumba cilik serta golongan ibu bapa yang turut serta hadir ketika sesi-sesi latihan dan perlumbaan diadakan sama ada anjuran kementerian maupun organisasi persendirian.

**Penghargaan:** Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta Pocket Bike Association Malaysia (PAM).

#### Rujukan:

- Adilah, A. (2020). *Super KIP Ternak Lembu*. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/11/646900/super-kip-ternak-lembu> [Tarikh capaian: 24/01/2021]
- Allison, A. (2020). *F1 and MotoGP Deaths: How Motorsport is Now Safer than Ever*. IntentsGP Ltd. <https://www.intentsgp.com/f1-and-motogp-deaths-how-motorsport-is-now-safer-than-ever/> [Tarikh capaian: 21/01/2021]
- American Academy of Pediatrics, Committee of Sports Medicine and Fitness (2000). *Climatic heat stress and the exercising child and adolescent*. Pediatrics; 106, pp.158–159.
- Cobb, H. (2018). *MotoGP Gossip: Rossi Continued Racing to Honour Simoncelli*. Crash Media Group. <https://www.crash.net/motogp/contentm/889919/1/gossip-rossi-continued-racing-honour-simoncelli> [Tarikh capaian: 20/01/2021]
- Farage, M. A., Miller, K. W., Elsner, P., and Maibach, H. I. (2013). Characteristics of the Aging Skin. *Advances in Wound Care*, 2(1), 5–10. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3840548/>
- Harvard, M. S. (2018). *Why Wound Healing Gets Harder As We Age: Controlling Underlying Conditions And Watching For Early Signs of Trouble Can Go A Long Way Toward Prevention*. Harvard Health Publishing. <https://www.health.harvard.edu/diseases-and-conditions/why-wound-healing-gets-harder-as-we-age> [Tarikh capaian: 15/01/2021]
- Joel S. B. and the Council on Sports Medicine and Fitness (2007). *Overuse Injuries, Overtraining, and Burnout in Child and Adolescent Athletes*. Pediatrics, June, 119(6), pp.1242-1245.
- Kumar, S. A. (2019). *Analyzing the Crash of Marco Simoncelli*. The Geek in Me. <https://sukesh.me/2019/10/23/analyzing-the-crash-of-marco-simoncelli/> [Tarikh capaian: 17/01/2021]

Max Oxley. (2012). *Marco Simoncelli: Unavoidable Tragedy?* Motor Sport Magazine. <https://www.motorsportmagazine.com/archive/article/january-2012/41/unavoidable-tragedy> [Tarikh capaian: 20/01/2021]

Motorsports Association of Malaysia (2020). <https://www.mam.org.my> [Tarikh capaian: 08/04/2021]

National Institute of Arthritis and Musculoskeletal and Skin Diseases (2020). *Sports Injuries in Youth: A Guide for Parents.* <https://www.niams.nih.gov/health-topics/sports-injuries-in-youth> [Tarikh capaian: 24/01/2021]

PETRONAS Malaysian Cub Prix Championship (2019). Sambutan luar biasa sesi pemilihan Mini Cub Prix 2019. <https://www.malaysiancubprix.com/sambutan-luar-biasa-sesi-pemilihan-mini-cub-prix-2019/> [Tarikh capaian: 08/04/2021]

Roda-roda (2020). Kejuaraan SIC MiniGP Pusingan 1: Qabil Irfan dan Muhd Hakim Danish Juara tirai pembukaan. <https://www.rodaroda.my/articles/dari-litar/926/kejuaraan-sic-minigp-membuka-tirai> [Tarikh capaian: 08/04/2021]

Wrich, S. (2020). MotoGP: *Bikes, Injuries and Superhumans.* Motorsport Media Ltd. <https://motorsport.radio/motogp-bikes-injuries-and-superhumans/> [Tarikh capaian: 20/01/2021]

# RISIKO TERHADAP KANAK-KANAK DI MEDIA SOSIAL

Norailis Ab. Wahab  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Syarizal Abdul Rahim  
Universiti Malaysia Kelantan  
[norailis@usim.edu.my](mailto:norailis@usim.edu.my)  
[syarizal.ar@umk.edu.my](mailto:syarizal.ar@umk.edu.my)



## PENGENALAN

Rangkaian sosial merupakan salah satu aktiviti atas talian yang popular seperti Facebook, Twitter dan Weibo. Kewujudan banyak dipengaruhi oleh perkembangan penggunaan peranti mudah alih. Pengguna rangkaian sosial mendapat manfaat daripada rangkaian yang diperluaskan dan keupayaan untuk terus berhubung dengan individu lain di mana-mana lokasi di pelusuk dunia. Menurut statistik baru-baru ini, menunjukkan lebih 1.1 bilion pengguna internet China dijangka akan mengakses rangkaian sosial pada 2025, berbanding 926.8 juta pengguna rangkaian sosial pada tahun 2020 (Clement, 2020). China adalah pasaran media sosial terbesar di dunia, dan ini diikuti oleh India dengan hampir 350 juta pengguna media sosial pada masa kini (Tankovska, 2021a). Menjelang 2025, dianggarkan sekitar 33.46 juta pengguna rangkaian sosial di negara ini, meningkat daripada kira-kira 29 juta pada 2019 (Hanadian Nurhayati-Wolff, 2020).

## Kanak-kanak dan Media Sosial

Pada tahun 2019 dan 2020, purata penggunaan media sosial harian pengguna internet di seluruh dunia berjumlah 145 minit sehari, meningkat daripada 142 minit pada tahun sebelumnya (Tankovska, 2021b). Sumber yang sama turut menunjukkan pada masa ini, rakyat negara Filipina yang paling banyak menghabiskan masa secara purata tiga jam dan 53 minit di media sosial setiap hari. Sebagai perbandingannya, di Amerika Syarikat hanya 2 jam dan 3 minit. Selain itu, 69 peratus daripada mereka yang berusia 12 hingga 15 tahun dilaporkan menggunakan Facebook, berbanding 62 peratus responden yang menggunakan WhatsApp. SnapChat dan Instagram menjadi pilihan alternatif bagi kanak-kanak di United Kingdom (Johnson, 2020). Walaupun terdapat beberapa rangkaian sosial utama yang menetapkan had umur minimum dalam tempoh perkhidmatan mereka, lima peratus kanak-kanak berumur 5 hingga 7 tahun mempunyai akaun media

sosial pada tahun 2018. Daripada satu kaji selidik di Malaysia pula, didapati terdapat 28.5 peratus pengguna internet adalah ibu bapa dengan kanak-kanak dan kanak-kanak secara individu berumur 5 hingga 17 tahun (*Malaysian Communications and Multimedia Commission*, 2018).

Dalam masyarakat di mana internet telah banyak mempengaruhi gaya hidup, celik digital telah menjadi bahagian penting dalam perkembangan kanak-kanak hari ini. Tinjauan mendapati sembilan daripada sepuluh kanak-kanak berusia 5 tahun kepada 17 menggunakan internet (*Malaysian Communications and Multimedia Commission*, 2018). Seterusnya, 91.8 peratus kanak-kanak yang ditemui mengakses aktiviti atas talian tanpa mengira masa melalui penggunaan telefon pintar. Justeru, ia telah menimbulkan tahap kebimbangan yang tinggi di kalangan ibu bapa seperti pendedahan kepada kandungan atas talian yang tidak ditapis, buli siber, berkomunikasi dengan orang yang tidak dikenali dan penipuan. Ibu bapa kini dicabar dalam memantau tingkah laku atas talian anak-anak dan memastikan keselamatan mereka di alam siber.

### Risiko Media Sosial kepada Kanak-kanak

Risiko atas talian melalui media sosial kepada kanak-kanak boleh berlaku melalui jejak digital, aktiviti buli siber, *cyberstalking*, *grooming* dan pornografi. Di mana sahaja kanak-kanak pergi dan apa sahaja yang dilakukan atas talian mudah dikesan melalui jejak digital. Sesetengahnya adalah sukarela (contohnya, dikebanyakan laman sesawang yang dilawati meninggalkan cookie pada peranti). Ia tidak terhad kepada siaran dan gambar di laman media sosial, komen tentang siaran dan gambar orang lain di media sosial, komen tentang blog dan lain-lain laman internet arus perdana seperti surat khabar dan majalah, serta *posting* di ruangan forum.

Rangkaian sosial membuka peluang lebih besar kepada pembuli siber dan *cyberstalking* (gangguan melalui internet). Pembuli siber mungkin bertindak sendirian atau lanjutan daripada buli dari dunia sebenar. Manakala, *cyberstalking* sering timbul apabila satu-satu persahabatan dimulakan, kemudiannya bergaduh atas talian dan hubungan diputuskan. Kedua-dua aktiviti ini mendatangkan risiko kepada kanak-kanak yang berada dalam situasi ini.

*Grooming* adalah pendedahan kepada kanak-kanak secara beransur-ansur kepada kandungan atas talian yang tidak sesuai dengan tahap umur sehingga mereka mula merasa normal seperti watak kartun yang digemari menunjukkan aksi lucu. Dengan cara ini, kanak-kanak secara beransur-ansur ketagih seksual sehingga mereka boleh dibawa ke dalam aktiviti seksual yang tidak diingini. Rangkaian sosial sama ada diketahui atau tidak diketahui serta akses tambahan yang tidak dipantau berpotensi sebagai sumber kepada aktiviti *grooming* di kalangan kanak-kanak. Ia mungkin menjadi masalah yang lebih serius jika kanak-kanak menggunakan ruang sembang atau forum yang khusus.

Sesetengah laman sesawang pornografi hanya memerlukan beberapa klik sahaja sengaja menggunakan nama domain yang serupa dengan laman sesawang yang disukai oleh kanak-kanak, tetapi dengan sedikit kesilapan contohnya *mikceymouse.com*. Oleh itu, besar kemungkinannya untuk kanak-kanak menemui bahan yang tidak sesuai dengan umur secara tidak sengaja.

Kebimbangan juga berlaku bila kanak-kanak menghabiskan sebahagian besar masa atas talian kehilangan atau tidak berusaha membangunkan kemahiran sosial seperti lisan, bukan lisan dan visual dalam mendapatkan ilmu serta

pengalaman kehidupan sebenar. Malahan, penggunaan internet secara kerap mampu mengurangkan keyakinan diri dan harga diri akibat dari kesan-kesan gambaran baik di media sosial. Makanya ia boleh mula kelihatan seperti kehidupan orang lain adalah lebih baik.

### **Mendepani Cabaran**

*American Academy of Child and Adolescent Psychiatry* (2020) mencadangkan tempoh masa yang tidak melebihi dua jam sehari di skrin bagi kanak-kanak berumur dari 5 hingga 18 tahun. *Medical Website* (2021) turut mengetengahkan beberapa cadangan tindakan untuk ibubapa dalam usaha mengoptimumkan masa atas talian bagi kanak-kanak.

*Melibatkan kanak-kanak dalam peraturan:* Ia akan menjadi lebih mudah jika kanak-kanak memahami mengapa peraturan ditetapkan dan mengambil bahagian dalam ketetapan peraturan penggunaan peranti. Izinkan mereka terlibat dalam membuat keputusan tentang diri mereka sebagai contoh, mereka boleh mempunyai lebih banyak masa di skrin pada hujung minggu dan dikurangi pada hari-hari biasa.

*Tetapkan peraturan tetapi izinkan beberapa kelonggaran:* Ia mungkin lebih mudah jika ibu bapa membenarkan kanak-kanak untuk berunding walaupun dalam peraturan. Sebagai contoh, jika mereka mempunyai rakan untuk berkomunikasi atas talian, mereka mungkin mahu sedikit lebih lama untuk berinteraksi pada hari berkenaan yang akan menyebabkan dikurangi masa di skrin pada keesokan harinya.

*Memantau dan menguatkuasakan:* Mengalihkan akses di kemudian hari adalah jauh lebih sukar daripada menafikannya pada kali pertama. Fikirkan sebelum ibu

bapa mengatakan ‘ya’ pada kali pertama kepada kehendak dan permintaan kanak-kanak. Ini mungkin kedengaran seperti tindakan keras, tetapi ia patut dilakukan dalam jangka masa panjang.

*Zon bebas teknologi:* Terutamanya pada aktiviti waktu makan yang melibatkan ahli keluarga dan di bilik tidur.

*Tawarkan pilihan aktiviti:* Aktiviti membuat kraf, memasak dan berkebun dengan kanak-kanak boleh dipertimbangkan untuk dilakukan mengikut kesesuaian tempat dan masa.

### **Kesimpulan**

Internet dan rangkaian sosial seharusnya digunakan sepenuhnya sebagai alat pengajaran penting, yang berguna dan bermaklumat tentang dunia sebenar. Apabila disebutkan tentang internet dan media sosial untuk kanak-kanak, ternyata perlu ada sempadan yang jelas. Kanak-kanak perlu tahu bahawa tabiat ini akan dibawa sehingga mereka dewasa, dengan memberi mereka peluang yang lebih baik untuk menggunakan media sosial dengan cara yang lebih sihat. Tanggungjawab kecil yang dipikul oleh kanak-kanak akan berkembang dari masa ke masa, membolehkan mereka bereksperimen dengan selamat dan gagal tanpa trauma. Ini adalah penting untuk kesihatan mental, keupayaan untuk membina dan mengekalkan hubungan mereka yang sihat dalam kehidupan. Sekali gus, meningkatkan keupayaan untuk melihat diri mereka dengan lebih baik berdasarkan kepada pengalaman di media sosial. Ibu bapa adalah model peranan untuk kanak-kanak bertindak dengan sewajarnya.

## Rujukan:

- American Academy of Child and Adolescent Psychiatry (Feb 2020). *Screen Time and Children*. [https://www.aacap.org/AACAP/Families\\_and\\_Youth/Facts\\_for\\_Families/FFF-Guide/Children-And-Watching-TV-054](https://www.aacap.org/AACAP/Families_and_Youth/Facts_for_Families/FFF-Guide/Children-And-Watching-TV-054) [Dicapai pada 10 Februari 2021]
- Clement, J. (2020). *Number of social network users in selected countries in 2020 and 2025*. Statista. <https://www.statista.com/statistics/278341/number-of-social-network-users-in-selected-countries/> [Dicapai pada 14 Februari 2021]
- Hanadian Nurhayati-Wolff (Jul 30, 2020). Malaysia: *Number of Social Network Users 2017-2025*. <https://www.statista.com/statistics/489233/number-of-social-network-users-in-malaysia/> [Dicapai pada 12 Februari 2021]
- Johnson, J. (June 24, 2020). *Time spent by children on TikTok, Instagram, Snapchat and YouTube in the UK 2020*. <https://www.statista.com/statistics/1124962/time-spent-by-children-on-social-media-uk/> [Dicapai pada 12 Februari 2021]
- Malaysian Communications and Multimedia Commission (2018). *Internet Users Survey 2018*. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018.pdf> [Dicapai pada 12 Februari 2021]
- Pirraglia, P.A., Kravitz, R.L. (2012). Social media: new opportunities, new ethical concerns. *J Gen Intern Med*, Vol.28, Iss.2, pp.165–166.
- Raise Smart Kid (2020). *Good and Bad Effects of Social Media on Teens and Kids*. <https://www.raisesmartkid.com/10-to-16-years-old/6-articles/43-facebook-myspace-twitter-good-or-bad-for-kids-brain> [Dicapai pada 16 Mei 2021]
- Tankovska, H. (Jan 28, 2021a). Number of global social network users 2017-2025. <https://www.statista.com/statistics/278414/number-of-worldwide-social-network-users/> [Dicapai pada 11 Februari 2021]
- Tankovska, H. (Feb 8, 2021b). Daily social media usage worldwide 2012-2020. <https://www.statista.com/statistics/433871/daily-social-media-usage-worldwide/> [Dicapai pada 15 Februari 2021]

# MODEL PENDEKATAN REMAJA DI RUMAH-RUMAH PEMULIHAN AKHLAK BERTERASKAN AL-QURAN

**Basirah Binti Abu Bakar**  
**University (MSU), Shah Alam**  
***basirah\_abubakar@msu.edu.my***

## PENGENALAN

Jenayah juvana merujuk kepada perlakuan jenayah atau anti-sosial dalam kalangan remaja. Juvana ialah mereka yang melakukan kesalahan jenayah yang berusia antara 10 hingga 18 tahun. Takrifan ini mengikut peruntukan akta Mahkamah 1974, terma juvana adalah merujuk kepada kelakuan yang tidak terkawal seperti lari dari rumah, membunuh, cubaan membunuh, merompak berkumpulan dan membawa senjata yang merbahaya<sup>1</sup>.

Usaha badan kerajaan dan NGO dalam menangani masalah jenayah dalam kalangan remaja adalah dengan mewujudkan rumah-rumah perlindungan akhlak. Rumah-rumah perlindungan akhlak remaja di Malaysia ialah institusi yang ditubuhkan sebagai tempat tinggal bagi remaja di bawah seksyen 61 Akta Kanak-Kanak 2001. Ia ditubuhkan bagi memberi pemulihan kepada remaja yang terlibat dengan jenayah (Perintah Percubaan) dan tidak terkawal. Selain itu, rumah perlindungan akhlak juga menjadi platform pendidikan kepada remaja bagi membina sikap positif, membentuk peribadi yang kukuh dan melengkapkan diri dengan keterampilan bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat<sup>2</sup>.

<sup>1</sup> Akta Kehakiman 1964, Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2006, Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 Secara Usaha Sama Dengan Percetakan Nasional Malaysia Bhd, 2006.

<sup>2</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, "Institusi Kebajikan", laman sesawang *Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat*, dicapai pada 2 April 2017, <http://www.jkm.gov.my/>.

Modul keagamaan yang dilaksanakan di rumah-rumah pemulihan akhlak masih terdapat kelompongan dalam menangani masalah tingkah laku remaja yang perlu dibaiki. Persatuan Siswazah Wanita Malaysia<sup>3</sup> merupakan sebuah entiti yang aktif dan berpengalaman luas dalam mengendalikan pelbagai program terhadap kumpulan sasaran ini. Menurut mereka, remaja Muslim di dalam rumah-rumah pemulihan akhlak kebanyakannya mempunyai asas agama Islam. Manakala dari segi ibadah, remaja boleh melaksanakan solat, puasa dan ramai juga diantara mereka yang boleh membaca al-Quran<sup>4</sup>. Namun, remaja lemah dari aspek akidah. Selain itu, mereka juga lemah dari segi penghayatan ilmu agama yang diajar semasa dalam tahanan<sup>5</sup>.

Rumah-rumah pemulihan akhlak di Malaysia mewujudkan kelas bimbingan farduan dan agama sebagai pendekatan pemulihian kepada remaja. Kelas bimbingan farduan dan agama adalah menekankan aspek akhlak, sirah dan hafazan surah-surah lazim dengan silibus yang telah ditetapkan<sup>6</sup>. Berdasarkan temu bual bersama pelajar di situ, mereka mengaku bahawa pendekatan hafazan al-Quran yang bersifat rutin semata-mata tanpa menerapkan elemen penghayatan akan membuatkan mereka mudah bosan<sup>7</sup>.

## REMAJA DAN CIRI-CIRI DI DALAM AL-QURAN

Terminologi berkaitan “anak”, “anak-anak” dan anak cucu di dalam al-Quran adalah sebanyak 68 ayat termasuklah terminology “remaja”<sup>8</sup>. Terminologi “remaja” di dalam al-Quran terbahagi kepada dua iaitu; *fata* dan *ghulam*. Selain itu, *sabi* dan *walad* juga boleh dikategorikan dalam kategori remaja. Ciri-ciri remaja di dalam al-Quran dapat dianalisis melalui jadual berikut:

Bil.	Ciri-ciri	Positif	Negatif	Berubah	Surah/Ayat
1.	Pengikut yang setia	✓			10:83
2.	Inkiuri yang tinggi			✓	12:36
3.	Tetap pendirian	✓			18:10
4.	Mudah dilentur			✓	18:13-14
5.	Sifat mudah kesal	✓			5:29-30
6.	Degil		✓		11:42-43

<sup>3</sup> Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) adalah sebuah NGO yang telah ditubuhkan sejak tahun 1979 dan dianggotai oleh siswazah-siswazah perempuan lulusan dalam dan luar negara. Sejak 10 tahun yang lalu, PSWM telah menjadikan kumpulan juvana atau banduan remaja sebagai salah satu kumpulan sasarnya. Datin Fauziah Ramly merupakan Yang Dipertua PSWM. Beliau banyak melakukan program-program motivasi dan sentuhan kasih bersama anak-anak tahanan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Malaysia.

<sup>4</sup> Datin Fauziah Ramly (Yang Dipertua Persatuan Siswazah Wanita Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 10 Ogos 2016.

<sup>5</sup> *Ibid.*

7.	Ego		✓		11: 42-43
8.	Berani dalam menyatakan sesuatu			✓	21:60
9.	Keimanan yang tinggi	✓			18:14-15
10.	Mengutamakan perasaan secara melulu		✓		5:27-28
11.	Cepat belajar			✓	5:31

**Jadual 1:** Analisis Ciri-ciri Remaja Dalam Al-Quran

Berdasarkan Jadual 1, ciri-ciri remaja di dalam al-Quran boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu; positif, negatif dan berubah-ubah. Berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang dinyatakan, kaedah pendekatan dan pemulihan yang betul dapat memupuk sifat positif para remaja. Al-Quran banyak memberi contoh bahawa ciri-ciri remaja cenderung kepada kebaikan berbanding ciri-ciri yang negatif.

Teori-teori Barat pula menyatakan bahawa usia remaja merupakan batasan umur yang mudah terdedah dengan pergolakan emosi dan mental yang negatif. Akan tetapi, ciri-ciri remaja juga boleh berubah-ubah. Perubahan itu dapat membuatkan mereka mudah cenderung kepada kebaikan atau keburukan. Sebagai contoh sifat ingin tahu remaja yang tinggi. Ia memberikan kebaikan sekiranya sifat ingin tahu mereka terhadap benda yang baik, dan keburukan terhadap inkiuri yang sebaliknya.

## PENDEKATAN REMAJA DI DALAM AL-QURAN

Terdapat tiga pendekatan utama yang dapat digali berkenaan dengan pendekatan terhadap remaja berteraskan al-Quran iaitu; motivasi dengan puji dan kata-kata yang baik, perintah yang ditujukan kepada hamba dan justifikasi perintah. Al-Quran menampilkan beberapa kaedah bagi memulihkan para remaja sama ada dalil jelas daripada Allah mahupun tidak melalui penceritaan. Kebanyakan pendekatan pemulihan yang dinyatakan di dalam al-Quran dapat dipetik daripada kisah-kisah di dalam al-Quran dengan mengambil *'ibrah* daripada kisah-kisah yang dirakam dalam al-Quran. Pendekatan ini bersandarkan kepada struktur ayat al-Quran yang berperingkat dalam mendekati remaja. Berikut merupakan langkah-langkah pemulihan.

<sup>6</sup> Wan Khatijah (Pegawai Penyelia Agama Asrama Bahagia Akhlak Kampung Pandan), dalam temubual dengan penulis pada 30 Mac 2017. Beliau merupakan seorang pegawai agama yang ditugaskan di Asrama Akhlak Kampung Pandan, Kuala Lumpur untuk mengajar kelas bimbingan agama.

<sup>7</sup> Dalam temubual pelajar dengan penulis pada 22 April 2017. Beliau merupakan seorang pelajar di Asrama Akhlak Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

<sup>8</sup> Deni Hamdani Firdaus, Yudi Sirajuddin Syarif, *Kamus Al-Quran: Cara Mudah Mencari Makna Dalam Al-Quran*, (Jakarta: Pustaka Ancala, 2008), 23.

## MODEL PENDEKATAN REMAJA DI RUMAH-RUMAH PERLINDUNGAN AKHLAK BERTERASKAN AL-QURAN

Pendekatan aqidah hendaklah ditekankan didalam pembangunan insan dan menjadi matlamat pelaksanaan sesebuah model. Ini bertujuan untuk membina hala tuju yang jelas dalam kehidupan remaja. Perkara-perkara yang perlu ditekankan dalam aqidah ialah tentang ketuhanan, wahyu dan kerasulan, syurga dan neraka, kebahagiaan dan keselamatan masa hadapan, serta kesabaran menghadapi ujian<sup>9</sup>. Dengan itu, kerangka konseptual pembelajaran dan pengajaran yang berterusan dan berkesan dapat dibentuk dengan penelitian yang khusus seperti dinyatakan di atas. Ahmad Mohd Salleh (2003) menyatakan konsep pembelajaran dan pengajaran terbentuk melalui kerangka konseptual yang mencakupi enam aspek utama iaitu:

1. Permulaan pengajaran
2. Set induksi
3. Kaedah
4. Bahan bantu mengajar dan bahan bantu belajar
5. Penilaian dan pentaksiran
6. Penutup



**Rajah 1:** Kerangka Koseptual Contoh Model Proses Pengajaran dan Pembelajaran  
Sumber: Kamaruddin (1996) dan Ahmad Mohd Salleh (2003)

Rajah 1 merupakan contoh model proses pengajaran dan pembelajaran terhadap model pendekatan remaja di rumah pemulihan akhlak berteraskan al-Quran. Pelaksanaan model ini dapat dilaksanakan di rumah-rumah perlindungan akhlak di Malaysia. Model ini juga boleh dijadikan garis panduan kepada guru-guru, kakitangan mahupun pihak NGO luar. Kerangka konseptual ini adalah peluang baru kepada pengkaji lain untuk menilai dan menguji model yang akan dibina.

<sup>9</sup> Ab. Aziz bin Mohd Zin, *Gerakan Dakwah Di Mekah dalam Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 108-109., 159.

Model ini menggunakan pendekatan celik al-Quran dengan kaedah ABAHATA. Ini disebabkan proses pembelajaran kaedah ini tidak memerlukan masa yang begitu singkat dan terlalu panjang. Selain itu, ia juga menepati variasi keberadaan remaja-remaja di rumah-rumah pemulihan akhlak di Malaysia. Di antara kriteria remaja yang mengalami perbezaan adalah:

- Mereka tidak selesa dengan suasana belajar dan sekolah.
- Kebanyakan dari mereka *slow learner* dan mempunyai kad OKU dalaman.
- Peruntukan yang diberi kepada institusi amat terhad.

Tiga komponen utama kaedah ini ialah membaca, menulis dan memahami asas-asas tajwid. Kaedah ini juga menggunakan pendekatan pedagogi iaitu berdasarkan Proses Pembelajaran Semulajadi (*Natural Learning Process*), *Fun and Active Learning* dan metodologi membantu daya memori:

1. Titian ingatan
2. Pergerakan tangan dalam memahami baris
3. Penulisan.

Peringkat kelas maksima 30 JAM	
<b>15 Jam</b>	Membaca dan menulis huruf hijaiyyah tunggal dan sambung.
<b>15 Jam</b>	Membaca bertajwid dan menulis ayat al-Quran lengkap dan berbaris.

#### **Jadual 2:** Peringkat Jam Belajar

Berdasarkan jadual 2, terdapat dua peringkat jam belajar. Setiap jam belajar meliputi lima belas jam. Lima belas jam pertama remaja akan dapat membaca dan menulis huruf Hijaiyyah tunggal dan sambung. Manakala lima belas jam kedua, remaja dapat membaca dengan bertajwid dan menulis ayat al-Quran lengkap berbaris menggunakan Rasm Uthmani. Pelaksanaan pembelajaran kaedah ABAHATA akan disampaikan secara berperingkat mengikut peruntukan masa yang telah disusun. Guru atau jurulatih akan mengajar remaja mengikut topik pembelajaran yang telah disediakan. Remaja akan dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis al-Quran dalam 30 jam.

#### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, setiap model yang hendak dianjurkan kepada remaja di dalam rumah-rumah pemulihan akhlak di Malaysia perlu dirancang dan dikemaskini semula. Ini adalah untuk mengisi kelomongan pengisian rohani terhadap remaja. Pendekatan model yang berteraskan al-Quran adalah jaminan bagi pemulihan terhadap remaja di rumah-rumah pemulihan akhlak.

<sup>10</sup> Proses Pembelajaran Semula Jadi adalah proses yang sama kepada kanak-kanak yang mula belajar berjalan. Ia melibatkan bayangan. Pelajar akan melihat pergerakan dan merakam semula pergerakan untuk melaksanakannya. Ini juga dikenali sebagai proses meniru semula gaya guru. Ellen Chris, *The Natural Learning Process, Music Educators Journal*, 2008 di laman sesawang <https://www.jstor.org> dicapai pada 28 April 2017.

# DINDING KACA DALAM SUKAN PERMOTORAN

Syarizal Abdul Rahim

Universiti Malaysia Kelantan

Norailis Ab. Wahab

Universiti Sains Islam Malaysia

[syarizal.ar@umk.edu.my](mailto:syarizal.ar@umk.edu.my)

[norailis@usim.edu.my](mailto:norailis@usim.edu.my)

## PENGENALAN

Kemenangan Ana Carrasco dalam Kejohanan Supersport 300 pada tahun 2018 sebagai sebuah revolusi (Wahid Ooi, 2018). Kali pertama seorang wanita memenangi perlumbaan motor antarabangsa sebagai satu peristiwa bersejarah - baik untuk wanita dan sukan permotoran secara umum. Selain itu, Saingan Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia Petronas 2016 telah menjadi platform empat orang wanita yang bertanding dalam kelas perlumbaan terbuka (mstar, 2016). Semenjak itu, tema wanita dalam sukan permotoran telah dibincangkan secara meluas oleh para pelumba dan profesional.

### Dinding Kaca

Kajian mengenai kerjaya wanita dalam industri yang dikuasai oleh lelaki menunjukkan tahap keyakinan kerjaya dalam bidang tertentu bergantung kepada pendidikan profesional, sosialisasi dan

kegigihan untuk kekal dalam industri berkenaan (Singh et al., 2018). Selain itu, Wang dan Degol(2017), Ganley et al. (2018), Vanderbroeck dan Wasserfallen (2017) turut bersepakat mengenai penglibatan wanita dalam industri yang dikuasai oleh lelaki seperti sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik. Manakala, isu-isu wanita dalam sukan juga banyak diketengahkan dalam penulisan Sherwood et al. (2018) yang mengkhususkan kepada organisasi-organisasi sukan. Namun begitu, cukup sedikit penulisan tentang wanita yang meneruskan kerjaya profesional dalam sukan permotoran (Gray, 2020; Matthews dan Pike, 2016; Papafilippou dan Bentley, 2017; Kochanek et al., 2021).

Bower et al. (2015) menjelaskan kepimpinan dari kalangan lelaki yang mendominasi industri sukan mewujudkan ketidaksamaanjantina di mana wanita tetap memegang peranan sokongan dengan

sedikit peluang dalam kemajuan kerjaya dan kepemimpinan. Barlow et al. (2020) menambah tentang kewujudan halangan yang ada terhadap pekerja wanita untuk mencapai jawatan di peringkat eksekutif seperti peluang pengembangan kerjaya yang berbeza, stereotaip gender untuk tugas tertentu, memilih peranan dan tanggungjawab yang kurang berisiko di tempat kerja. Mudrick et al. (2017) turut menyokong bahawa berlakunya peminggiran wanita ketika mengambil bahagian dalam arena sukan maskulin. Selain itu, isu-isu yang berkaitan dengan kesetaraan jantina terus memainkan peranan penting dalam organisasi sukan (Taylor dan Wells, 2017). Selain itu, terdapat penulisan-penulisan akademik lain yang meneliti hal ehwal wanita dalam organisasi sukan, media sukan dan bimbingan sukan (Soler et al., 2017; Taylor et al., 2018; Walker dan Sartore-Baldwin, 2013). Umumnya, wanita berpuas hati dengan pekerjaan mereka dalam bidang kewartawanan sukan tetapi dek diskriminasi, gangguan seksual dan kekecewaan yang dihadapi merupakan sebab utama mereka membuat keputusan untuk meninggalkan bidang ini (Whiteside dan Hardin, 2016).

Fenomena dinding kaca yang diteliti dalam artikel ini adalah berdasarkan ulasan-ulasan karya akademik terdahulu seperti yang dinyatakan oleh Anderson (2018), Henderson et al. (2017), Matthews dan Pike (2016) terutamanya yang mengkhusus kepada sukan permotoran.

### **Wanita dan Sukan**

Wanita yang meneruskan kerjaya dalam industri yang dikuasai oleh lelaki terus menjadi tumpuan kajian akademik khususnya, dalam pembinaan atletik, organisasi sukan dan kewartawanan sukan. Mereka telah berjaya menarik perhatian umum sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Miller, 2015; Laucella et

al., 2016; Schmidt, 2013; Soler et al., 2016).

#### *Wanita dalam Bimbingan Atletik*

Wanita terus mencari peluang dalam pelbagai arena kesukaran namun, rintangan dan cabaran kesetaraan masih wujud dalam bidang ini. Khususnya, kekurangan peluang bagi wanita dalam pembinaan atletik, kedudukan dalam kepimpinan, bimbingan dan pendidikan formal (Harvey et al., 2018; Taylor dan Wells, 2017; Walker dan Sartore-Baldwin, 2013). Kenyataan tersebut disokong oleh penurunan bilangan yang signifikan bagi jurulatih wanita sebagai satu kerjaya profesional (McCarthy, 2015; Machida-Kosuga et al., 2017). Miller (2015) menambah bahawa wanita membuat kemajuan besar dalam kebanyakan kerjaya yang dikuasai oleh lelaki termasuk perubatan, undang-undang, politik dan akademik namun, terdapat sedikit kemajuan peluang kerjaya dalam bidang sukan sebagai jurulatih. Walker dan Sartore-Baldwin (2013) juga berpandangan yang jumlah wanita masih rendah dalam jawatan sebagai pembimbing permainan bola keranjang kerana sukan ini bersifat maskulin, tahan terhadap perubahan dan eksklusif jantina. Bagi Aicher dan Sagas (2013), wanita meninggalkan kerjayanya dengan lebih cepat kerana meluangkan lebih masa untuk keluarga, kekurangan peluang kewangan dan memiliki kebolehupayaan yang rendah untuk perjawatan.

Darvin et al. (2018) menyatakan bahawa lelaki menunjukkan minat yang lebih besar terhadap peranan ketua pelatih dan harapan peribadi yang lebih besar untuk mendapatkan jawatan ini berbanding wanita. Selain itu, faktor-faktor seperti sosiologi, halangan struktur, serta perbezaan antara jantina mengenai niat kerjaya dan aspirasi jangka panjang menjadi pertimbangan tambahan yang menyebabkan jawatan ketua pelatih lelaki berada lebih tinggi daripada wanita

(Harvey et al., 2018; Taylor & Wells, 2017; Norman, 2012). Norman (2012) pula berpandangan bahawa wanita jarang mencapai kedudukan kepimpinan dalam organisasi sukan atau tahap kejurulatihan tertinggi tetapi masih berani mengambil tanggungjawab untuk membimbangi wanita lain.

Secara tradisinya, nilai-nilai wanita berbeza dengan lelaki di persekitaran tempat kerja, di rumah dan kehidupan peribadi. Didymus et al. (2016) telah membincangkan dalam kajian mereka bahawa jurulatih wanita menilai keseimbangan kerja-kehidupan, hubungan positif dengan rakan sekerja dan peningkatan keselamatan kerja. Wanita seringkali melebihi lelaki dalam pendidikan, latihan, dan pengalaman yang berkaitan dengan pembangunan bakat; namun, wanita mendapat peluang yang jauh lebih rendah dalam pelaburan modal insan ini (Taylor dan Wells, 2017). Bukti menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil wanita yang mendaftar dalam pendidikan bimbingan formal dan kemudian mengikuti karier dalam latihan sukan jika dibandingkan dengan rakan lelaki mereka (Fielding-Lloyd dan Mean, 2011). Ini disebabkan kerana lelaki memiliki ketegasan (Fasting dan Pfister, 2000).

Dengan kemasukan wanita pada tahap penyertaan yang lebih tinggi dalam kepimpinan bimbingan, kepimpinan pelatih, dan kepimpinan formal, diharapkan bilangan wanita dalam industri yang dikuasai oleh lelaki ini akan terus meningkat (Harvey et al., 2018; Miller, 2015; Taylor dan Wells, 2017; Walker dan Sartore-Baldwin, 2013). Selain itu, Lewis et al. (2015) menyatakan bahawa wanita yang berminat dalam kursus pendidikan sukan formal lebih cenderung mendaftar ketika peserta kelas semuanya perempuan.

### **Implikasi Teori**

Dua teori asas yang digunakan untuk melihat fenomena dinding kaca ini merangkumi teori kerjaya kognitif sosial (Lent et al., 1994) dan teori peranan sosial (Eagly dan Steffan, 1984). Teori kerjaya kognitif sosial menunjukkan terdapat tiga proses yang saling berkaitan termasuk bagaimana matlamat kerjaya dikembangkan, bagaimana minat kerjaya ditubuhkan, sama ada seseorang itu bertahan dan mencapai kejayaan dalam kerjaya. Selain itu, Gushue dan Whitson (2006) menjelaskan teori kerjaya kognitif sosial turut bergantung kepada faktor sosial seperti jantina, bangsa dan budaya yang mempengaruhi keyakinan keberkesanan diri individu yang akhirnya menentukan minat, tujuan dan tingkah laku kerjaya. Selain itu, tahap sokongan keluarga dan rakan, minat terhadap sukan permotoran dan budaya adalah faktor penentu bagi wanita yang memilih kerjaya dalam sukan ini.

Teori peranan sosial pula menggambarkan perbezaan tingkah laku jantina dalam memegang peranan sosial kerana berkaitan dengan pembahagian kerja (Eagly et al., 2000). Teori ini juga menunjukkan kepercayaan tentang yang wanita lebih cenderung menjadi suri rumah, memegang jawatan yang lebih rendah di tempat kerja sedangkan, lelaki dilihat bersikap tegas, berkemampuan, berwibawa dan cenderung untuk memegang peranan kepimpinan (Eagly dan Steffan, 1984).

### **Implikasi Praktikal**

Implikasi yang berkaitan adalah merangkumi manfaat program pendidikan dan kesedaran yang ditujukan untuk kanak-kanak perempuan dan wanita muda dengan tujuan mengumpulkan individu-individu yang mempunyai minat dalam

sukan permotoran. Selain itu, implikasi praktikal ini sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Carr et al. (2017) yang menunjukkan bahawa lelaki menduduki kedudukan kepimpinan dalam akademik dengan kadar yang lebih tinggi daripada wanita kerana sokongan oleh pelbagai pihak institusi. Selain itu, wanita yang terdedah kepada model peranan dalam industri yang dikuasai lelaki merasakan kekitaan dan kadar kesesuaian identiti yang lebih baik (Rosenthal et al., 2013).

Implikasi praktikal selanjutnya berkaitan dengan pengenalan sukan permotoran yang memainkan peranan penting bagi wanita yang akhirnya melanjutkan kerjaya dalam sukan tersebut. Anderson (2018) mencadangkan kajian di masa hadapan harus meneliti pelbagai jenis sukan permotoran serta budayanya di samping komuniti yang terlibat dalam perlumbaan. Matthews dan Pike (2016) menunjukkan perlunya penelitian di masa hadapan mengenai wanita di sukan permotoran yang berkaitan dengan persepsi terhadap kerjaya profesional dan perlumbaan motosikal dan kereta. Selain itu, wujud keperluan untuk mengkaji perihal wanita menerokai sukan permotoran sebagai pelumba profesional, peranan

kepimpinan dan sokongan (Henderson et al., 2017). Penting juga untuk meneliti alasan wanita mengejar kerjaya di sukan permotoran, faktor motivasi dan harapan peranan sosial dalam sukan ini. Seterusnya, fokus terhadap atas teori-teori peranan sosial berdasarkan peranan sosial antara jantina memungkinkan kajian lebih lanjut terhadap wanita dalam kerjaya yang tidak dikuasainya (Eagly dan Steffan, 1984).

## Kesimpulan

Ciri-ciri dan pengalaman latar belakang yang harus dimiliki wanita untuk terlibat dalam sukan permotoran dilaporkan dalam hasil kajian-kajian terdahulu. Namun, ada keperluan untuk wanita meneroka lebih jauh dengan mendapatkan pemahaman yang lebih baik dalam membentuk keputusan mereka berkaitan penglibatan dalam sukan ini. Penulis turut mengesyorkan agar kajian lanjutan dilakukan untuk lebih memahami pembinaan sukan, peningkatan kesedaran, sokongan dan kemajuan profesional. Ini termasuklah memahami manfaat wanita yang bekerja di sukan permotoran, peningkatan program pendidikan dan kesedaran bagi menghapuskan dinding kaca dalam sukan permotoran yang dikuasai oleh lelaki.

## Rujukan:

- Barlow, K., Barratt, C., Brooks, M., & O'brien, W. (2020). Gendered Experiences of Nursing Job Demands and Resources. *Journalcswb.Ca, December*. <https://www.journalcswb.ca/index.php/cswb/issue/download/15/10>
- Bower, G. G., Hums, M. A., & Grappendorf, H. (2015). Same Story; Different Day: Greatest Challenges of Women Working in Intercollegiate Athletic Administration. *International Journal of Sport Management, Recreation & Tourism*, 19, 12–39. <https://doi.org/10.5199/ijsmart-1791-874x-19b>
- Ganley, C. M., George, C. E., Cimpian, J. R., & Makowski, M. B. (2018). Gender Equity in College Majors: Looking Beyond the STEM/Non-STEM Dichotomy for Answers Regarding Female Participation. *American Educational Research Journal*, 55(3), 453–487. <https://doi.org/10.3102/0002831217740221>

Gray, E. G. (2020). Digital Window @ Vassar Feminized Automobility : *Racing the Car as a Cultural and Technological Artifact Feminized Automobility : Racing the Car as a Cultural and Technological Artifact Advised by James Challey and Jill Schneiderman.*

Kochanek, J., Davis, M., Erickson, K., & Ferguson, D. (2021). More than “just a driver”: A study of professional women racecar drivers’ agency in motorsport. *Psychology of Sport and Exercise*, 52(May 2020), 101838. <https://doi.org/10.1016/j.psychsport.2020.101838>

Matthews, J. J. K., & Pike, E. C. J. (2016). ‘What on earth are they doing in a racing car?’: Towards an understanding of women in motorsport. *International Journal of the History of Sport*, 33(13), 1532–1550. <https://doi.org/10.1080/09523367.2016.1168811>

mstar. (2016). *Empat Pelumba Wanita Uji Kemampuan Di Cub Prix*. <https://www.mstar.com.my/sukan/2016/04/27/empat-pelumba-wanita-cub-prix>

Mudrick, M., Burton, L., & Lin, C. A. (2017). Pervasively Offside: An Examination of Sexism, Stereotypes, and Sportscaster Credibility. *Communication and Sport*, 5(6), 669–688. <https://doi.org/10.1177/2167479516670642>

Papafilippou, V., & Bentley, L. (2017). Gendered transitions, career identities and possible selves: the case of engineering graduates. *Journal of Education and Work*, 30(8), 827–839. <https://doi.org/10.1080/13639080.2017.1375088>

Sherwood, M., Nicholson, M., & Marjoribanks, T. (2018). Women working in sport media and public relations: no advantage in a male-dominated world. *Communication Research and Practice*, 4(2), 102–116. <https://doi.org/10.1080/22041451.2017.1365176>

Singh, R., Zhang, Y., Wan, M., & Fouad, N. A. (2018). Why do women engineers leave the engineering profession? The roles of work–family conflict, occupational commitment, and perceived organizational support. *Human Resource Management*, 57(4), 901–914. <https://doi.org/10.1002/hrm.21900>

Soler, S., Prat, M., Puig, N., & Flintoff, A. (2017). Implementing Gender Equity Policies in a University Sport Organization: Competing Discourses from Enthusiasm to Resistance. *Quest*, 69(2), 276–289. <https://doi.org/10.1080/00336297.2016.1226186>

Taylor, E. A., & Wells, J. E. (2017). Institutionalized Barriers and Supports of Female Athletic Directors: A Multilevel Perspective. *Journal of Intercollegiate Sport*, 10(2), 157–183. <https://doi.org/10.1123/jis.2016-0041>


Vanderbroeck, P., & Wasserfallen, J. B. (2017). Managing gender diversity in healthcare: getting it right. *Leadership in Health Services*, 30(1), 92–100. <https://doi.org/10.1108/LHS-01-2016-0002>

Wahid Ooi Abdullah. (2018). *Ana Carrasco Wins 2018 World Supersport 300 (WorldSSP300) Title*. BikesRepublic.Com. <https://www.bikesrepublic.com/featured/ana-carrasco-wins-2018-world-supersport-300-worldssp300-title/>

Walker, N. A., & Sartore-Baldwin, M. L. (2013). Hegemonic masculinity and institutionalized bias toward women in men's collegiate basketball: What do men think? *Journal of Sport Management*, 27(4), 303-316. <https://doi.org/10.1123/jsm.27.4.303>

Wang, M. Te, & Degol, J. L. (2017). Gender Gap in Science, Technology, Engineering, and Mathematics (STEM): Current Knowledge, Implications for Practice, Policy, and Future Directions. *Educational Psychology Review*, 29(1), 119–140. <https://doi.org/10.1007/s10648-015-9355-x>

Whiteside, E., & Hardin, M. (2016). On Being a “Good Sport” in the Workplace: Women, the Glass Ceiling, and Negotiated Resignation in Sports Information. *International Journal of Sport Communication*, 5(1), 51–68. <https://doi.org/10.1123/ijsc.5.1.51>



# PONDOK WARGA EMAS AS TOURISM DESTINATIONS: THE NEEDS AND CHALLENGES IN MALAYSIA

**Norhayati Rafida Abdul Rahim, Safiyyah Ahmad Sabri, Ihab Ahmad Awais,**  
**Universiti Sains Islam Malaysia**  
**[norhayati@usim.edu.my](mailto:norhayati@usim.edu.my), [safiyyah@usim.edu.my](mailto:safiyyah@usim.edu.my), [ihab@usim.edu.my](mailto:ihab@usim.edu.my),**

## INTRODUCTION

The world's tourism map has opened its eyes and placed Malaysia as an exciting tourist destination. While there is an increase of foreign tourists yearly, promoting the country to ensure tourists get accurate info on tourism products and facilities is highly needed. Among Malaysia's tourism products include attractive landscapes, unique cultural and artistic performances, sports tourism and the always-preserved colonial legacy of historical heritage buildings. This positive performance has always been the agenda of Malaysia's economic development, with the target of the tourism industry going to have a permanent growth of around 8% in the 10<sup>th</sup> Malaysia Plan (RMK-10) by recording the number of tourist arrivals of 36 million tourists with RM115 billion in revenue (Utusan Online, 2016). To ensure sustainable growth, the government implemented various tourism-related plans, including developing religious tourism packages and scientific activities to have potential and a considerable

impact on Malaysia.

Referring to the Malaysia Tourism Attraction Tourism Profile in Malaysia, Islamic Tourism Centre (ITC), there are 80 mosques available throughout Malaysia to become a tourists' Islamic destination (Aniza, 2019). There is a demand for this 'spiritual' tourism stimulated by various factors, including tourists' desire to know more about Islam and find peace and happiness, especially for travellers in the senior category. The emergence of *Pondok* (known as a cottage in English) studies for senior citizens in Malaysia is also growing. *Pondok Warga Emas* (PWE) 's potential and benefits as the destiny of Islamic tourism destination should be further studied for its potentials and needs in the tourism industry as Muslim destinations worldwide.

The *Pondok* system has not yet been recognized as the premier education system even though there is *pondok*, and a new institution at present is set up

everywhere. There is an increase in the *pondok* system's additional features as additional features of *tahfiz* studies instead of the traditional education system. Some of the centres combine the elderly care centre and commercial health care (for example, the Al-Jenderami Foundation, Dengkil, Selangor). In the 11<sup>th</sup> Malaysia Plan of the Department of Statistics, Malaysia (Department of Statistics Malaysia, 2019), the first thrust highlights six target segments. One of them emphasizes supporting active ageing for senior citizens in Malaysia.

The Statistics Department of Malaysia (2019) found that the percentage of population 65 years and over (old age) increased from 6.3 per cent to 6.5 per cent in 2018, where the increase in the composition of the working-age population and the elderly affected growth in middle age in 2018, i.e., 28.6 years. Besides, an additional percentage among pension recipients in Malaysia becomes one of the PWE attractions in Malaysia. The number of pensioners is expected to increase to 1.5 million by 2050, considering the increase in Malaysians' life expectancy from 75 to 85 years (Ida, 2020). As of 2015, the number of pension recipients is reported to increase to 82,327 people from various categories of retirement in government employees' loss (Fakhriah, 2019).

This article reveals some findings on *Pondok Warga Emas* as one of Malaysia's Islamic Tourism Destinations. We interviewed five tourism agencies that provide tour packages in and out of the country. Principally they have no objections to getting the *Pondok Warga Emas*, as long as it brings revenues to the business. Since 1985, Malaysia has become a tourist destination, and there is an increase in foreign tourists yearly. In parallel with Islamic tourism destination growth, this study views *Pondok Warga Emas* or PWE as a business opportunity in Malaysia's Islamic tourism. PWE is a place for Muslims who emphasize the harmony of

community life. To what extent the PWE can be one of the Islamic tourism destinations? What are the needs for PWE? This article, thus, wishes to identify the needs factors for PWE as an Islamic tourism destination in Malaysia.

A qualitative approach was employed to obtain inputs through the interviews with five travel agencies that were randomly selected from the three regions, namely North (Perak and Kedah), south (Johor), east (Kelantan). The interviews used the semi-structured questionnaire, where other potential questions may follow necessarily. The locations were selected according to the size of the PWE population for each region in Malaysia.

### **Internal Needs of Pondok Warga Emas as Tourism Destinations**

According to the interviews, there are two frames of needs involved, namely, internal and external. This article found 13 mainframes that explained the internal needs of PWE in the landscape of Islamic tourism destinations (see Figure 2). As the number of references increases, the sections are perceived as having a greater emphasis on travel agencies than the others. It is found that all four respondents of travel agencies are concerned highly with shariah compliance and package/marketing frames. The second highest references are the package/marketing/promotion frame (4/35) which emphasize the selling points of PWE, which supposedly comes into the package for marketing and promotion. Some of the criteria are the well-known trainers, duration of the programme, social media use (such as Facebook, WhatsApp) and branding. The internal frame turns out to be how the travel agencies positively describe the needs. Based on the majority of references, the three respondents' lower references refer to six elements: environment, activities, facilities, contents, education, and relaxation.

The screenshot shows a news article from the website Muafakat Pondok SeMalaysia. The header includes links for 'utama', 'doa pilihan', 'info pmgs', 'khutbah terkini', 'pondok m'sia', and 'tokoh ulama'. A red banner at the top left indicates the date '18 JUL'. The main title of the article is 'Pondok tawar pakej pelancongan ilmu'. Below the title, it says 'Posted 18 Julai 2020 by Muafakat Pondok Malaysia in Berita Semasa. Tinggalkan Komen'. There is a 'Rate This' section with five stars. The article text discusses a tourism package offered by Bachok Pondok Kandis in Kelantan, which includes Islamic education and accommodation. It quotes the manager of the pondok and a representative of Syarikat Kelantan Biotech Sdn Bhd.

« Cari reda Allah dalam kepemimpinan      Ulamak tak boleh ikut, kalau bukan ulamak? »

## Pondok tawar pakej pelancongan ilmu

Posted 18 Julai 2020 by Muafakat Pondok Malaysia in Berita Semasa. [Tinggalkan Komen](#)

Rate This

**BACHOK:** Pelancong yang berminat mendalami ilmu agama di Kelantan berpeluang menimba ilmu melalui pakej pelancongan disediakan di Pusat Pengajian Pondok Kandis.

Pondok tersebut terletak di Kampung Kandis di laluan Bachok ke Tok Bali, Pasir Puteh.

Ketua Pendaftar Pusat Pengajian Pondok Ustaz Zamri Zahari berkata, usaha tersebut tertumpu kepada pakej melancong sambil belajar secara sistem pondok.

"Kami sudah selesai membina empat rumah pondok yang boleh didiami pelancong untuk mendalami ilmu agama ketika bertandang ke Kelantan.

"Dalam perancangan kita merancang membina sebanyak 20 pondok di samping wakaf dan laluan ke masjid. Pembinaan empat rumah pondok sebagai permulaan," katanya ketika ditemui di sini.


Menurutnya pembinaan empat rumah pondok tersebut hasil peruntukan daripada kerajaan negeri sebanyak RM100,000.

Kata beliau juga pondok pelancongan akan dibangunkan projek agro pelancongan dengan usahasama Syarikat Kelantan Biotech Sdn Bhd

**Figure 1: Pondok Tawar Pakej Pelancongan Ilmu (Muafakat Pondok SeMalaysia, 18 Julai 2020)**

Besides, two elements of internal needs received the majority, which are elements of packages and shariah compliance. Shariah law is the most crucial factor in considering an attractive destination and destination for Muslim travellers (Jafar & Noel, 2010). It was noteworthy that Islamic travellers are highly dependent on shariah, who guide them in their choice of tourism activities, destinations, hotels, tours, and food to perform religious rituals (Kessler, 2015). Muslim tourists adhere to Islamic principles that directly or indirectly influence Muslim travellers' decisions in choosing travel destinations (Zamani & Henderson, 2010). An increasing number of Muslims are concerned about products and services that complement their confidence in making travel decisions (Mohamed et al., 2011).

The article believes that the package of tourism that the PWE has to offer must consider Islamic values. Nur Sa'adah (2019) found that one of the services' needs is to comply with Islamic teachings' requirements. The concept of Islamic tourism should be parallel with social development, infrastructure, spirituality, Islamic education, ethics, and halal and haram (Siti Anis, 2015). The implementation of Islamic tourism is perceived as necessary to individuals, societies and the country.




**Figure 2: Bar Graph of Needs Frames according to Internal Factors**

The majority of the respondents perceived relaxation as a potential factor for tourists to choose PWE as the destinations (Chin Chiu Yin, 2017; Duman, 2012). According to Athena and Chang (2009), relaxation is the most crucial attribute in influencing Muslims' travel motivation. Since natural scenery provides an ambient environment that helps relax, they would be motivated to travel to those places (Jiang et al., 2018). It was found that when some Muslim tourists are away from home, they tend to feel free and more relaxed to achieve physical and psychological retrieval from stress. Muslim tourists might be motivated to travel to enjoy entertainment, sightseeing, leisure time, and experience other cultures, which is a form of relaxation (Kay, 2009).

In addition to that, promotion plays a vital role in making the PWE an Islamic tourism destination. Chin Chiu Yin (2017) views advertisement in the tourism destination by advising the government on tourism operations, including licenses and capacity development among human capitals in the tourism industry.

### **External Needs of Pondok Warga Emas**

As far as the external factors are concerned (see Figure 3), safety becomes a priority, one of the crucial attributes in tourists' travel decisions, including Muslim tourists (Muhammad Khalilur, 2014). The perceived risk of the places affects Muslim tourists choosing travel destinations (Raoul, 2006). Suppose those travel destinations can give a positive destination image free of terrorist attacks and provide the products and services that fulfil Muslim tourists' needs. In that case, they are willing to visit those places (Abdul et al., 2013). If Islamic religious attributes are available at those destinations, Muslim tourists would feel safe and ready to travel to those places (Mohamed et al., 2011).



**Figure 3: Bar Graph of Needs Frames according to External Factors**

The fact that the external factor does not show majority references, the relationship was mentioned by two respondents. Muslims are positively motivated to visit their relatives and friends to strengthen the bond of *sillaturrahim* within Ummah (Syeda & Evana, 2014). Travelling is considered a purposeful action that emphasizes Islamic motivations to improve the bond of *sillaturrahim* (Duman, 2011). Strengthening the bond of *sillaturrahim* is the social goal of Muslims that would positively motivate travel (Jafar & Noel, 2014). Having a good time, building friendship, and being with others within Ummah are considered social goals for Muslims whenever they travel (Duman, 2012).

## Conclusion

In conclusion, there is a market and needs for PWE as an Islamic tourism destination in Malaysia. The market is not limited to locals and foreigners who wish to gain knowledge and experience of senior citizens living in the pondok system. PWE must understand the positioning, in the landscape of tourism, in terms of role, functions, and needs. In the meantime, the Ministry of Tourism and Agriculture (MOTAC) may design a PWE model that suits the concept of Islamic tourism.

This article believes that PWE has greater potentials in the future, especially when Malaysia, Indonesia and Japan are among the ageing countries with the oldest population in 2030. Currently, Japan is the first rank in the top ten countries worldwide, with 28.4 per cent of its population (Xinhua, 2019). Thus, this study suggests that a further investigation should include the needs of PWE among foreign tourists in the aspects of attractions, activities, and facilities of PWE as an Islamic tourism destination.

## Acknowledgement

It is a great honour to receive research funds from the Islamic Tourism Center, MOTAC, known as Islamic Tourism Grants Scheme (ITRG) study. Without this grant, this study could not have been complete. A great thanks to all respondents who were involved in making this study a success.

## References

- Bernama (2009, 4<sup>th</sup> February). Industri pelancongan tergugat akibat pergolakan di Selatan Thailand. *MStar*. Retrieved from <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2009/02/04/industri-pelancongan-tergugat-akibat-pergolakan-di-selatan-thailand>
- Chin Chiu Yin, Chye Jin Yin Lee Sen Xin Liew Wen Ying (2017). Travel Motivation Among Muslim Tourists in Malaysia. *In a Project submitted to Faculty of Business And Finance Department Of Marketing*, Universiti Tunku Abdul Rahman.[Available Online] <http://eprints.utar.edu.my/2465/1/BMK-2016-1305062.pdf>. Accessed at 20<sup>th</sup> February 2021.
- Duman, T. (2012). The Value of Islamic Tourism: Perspectives from The Turkish Experience. *Islam and Civilisational Renewal*, 3 (4), 718 – 739.
- Fakhriah Said @ Hassan (2020). Statistik Bilangan Penerima Pencen Perkhidmatan Dan Terbitan Mengikut Tarikh Tamat Perkhidmatan Dan Jantina. *Data.gov.my*. [Available online] [https://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-bilangan-penerima-pencen-perkhidmatan-dan-terbitan-mengikut-jantina](https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-bilangan-penerima-pencen-perkhidmatan-dan-terbitan-mengikut-jantina)
- Kay, Pandora L. (2009). Cultural Experience Tourist Motives Dimensionality: A Cross-Cultural Study. *Journal of Hospitality Marketing & Management*, 18 (4), 329 – 371. <https://doi.org/10.1080/19368620802590217>
- Ida Lim (2020). Malaysia's life expectancy at birth increases to 74.9 years; longevity higher among females, Chinese. *Malay Mail* (23<sup>rd</sup> July 2020). <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/07/23/malaysians-life-expectancy-at-birth-increases-to-74.9-years-longevity-highe/1887299>
- Jafar, J., and Noel, S. (2014) Muslim world and its tourisms. *Annals of Tourism Research*, 14 (January 2014), 1 -19. <https://doi.org/10.1016/j.annals.2013.08.011>
- Jiang, S., Scott, N. & Ding, P. (2018). Motivations of experienced leisure travellers: A means-end chain study on the Chinese outbound market. *Journal of Vacation Marketing*, 25 (2), 225-238. <https://doi.org/10.1177/1356766718763694>
- Kessler, K. (2015). Conceptualizing Mosque Tourism: A central feature of Islamic and Religious Tourism. *International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage*, 3 (2), 11 – 32. doi:<https://doi.org/10.21427/D7RB0G>

Mohamed Battour, Mohd. Nazari Ismail, Moustafa Battour (2011). The Impact Of Destination Attributes On Muslim Tourist's Choice International Journal Of Tourism Research, 13 (6), 527 – 540.

Muafakat Pondok SeMalaysia (2020). Pondok tawar pakej pelancongan ilmu. [Available Online] <https://muafaqatpondok.wordpress.com/2020/07/18/pondok-tawar-pakej-pelancongan-ilmu/?fbclid=IwAR2chPc7027GfXCNouDWeCuoLYsUsL6j5ZaT21ZydZemalnUsymUuVqgHLg>. Accessed on 15<sup>th</sup> May 2021.

Muhammad Khalilur Rahman (2014). Motivating factors of Islamic Tourist's Destination Loyalty: An Empirical Investigation in Malaysia. *Journal of Hospitality and Tourism Management* 2(1), 63-77

Nur Sa'adah Muhamad, Syahnaz Sulaiman, Khairul Akmaliah Adham and Mohd Fuaad Said (2019). Halal tourism: literature synthesis and direction for future research. *Social Sciences & Humanities*, 27(1), 729-745.

Raoul, B. (2006). Tourism and the globalization of fear: Analyzing the politics of risk and (in) security in global travel. *Tourism and Hospitality Research*, 7(1), 64- 74.

Syeda, T. F., & Evana, N. D. (2014). Islamic tourism: in perspective of Bangladesh. *Global Journal of Management and Business Research: F Real Estate Event& Tourism Management*, 14(1), 21 26.

Siti Anis Laderlah (2015). *Concept of Islamic Tourism In Malaysia* (Bachelor Degree Dissertation). Selangor, Malaysia. Universiti Putra Malaysia.

Zamani-Farahani H, and Henderson J. C. (2010). Islamic tourism and managing tourism development in Islamic societies: the cases of Iran and Saudi Arabia. *International Journal of Tourism Research*, 12(1), 79–89.

# PANDEMIK COVID-19 MENGUJI DAYA TAHAN PERKHIDMATAN AWAM

Thamarai A/P M Munisamy  
Universiti Putra Malaysia  
[thamarai0807@gmail.com](mailto:thamarai0807@gmail.com)

## PENDAHULUAN

Penularan pandemik COVID-19 di negara kita menyerlahkan betapa pentingnya aspek keberkesanan pengurusan dan pengendalian sesuatu krisis berskala besar yang mempunyai impak langsung kepada pelbagai aspek kehidupan rakyat dan pembangunan negara. Secara umumnya, krisis bermaksud satu masalah besar yang muncul secara tidak dijangka dan memberikan kesan negatif kepada semua pihak yang berkepentingan. Pengurusan krisis pula bermakna kaedah yang sistematik dan tersusun dalam menangani sesuatu krisis yang berlaku (Bundy, et al. 2017). Ironinya baik organisasi maupun sesebuah negara sentiasa terdedah kepada pelbagai krisis dan apa yang penting pada ketika itu ialah kesediaan untuk berhadapan dengan situasi genting tersebut.

Penularan wabak COVID-19 hanya diisyiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sekitar bulan Mac 2020 (WHO,



2021). Setahun sebelum itu, Mesyuarat *Commonwealth Heads of Public Service* di London pada 25 hingga 27 Mac 2019 mengangkat tema mempertingkat daya tahan perkhidmatan awam sebagai agenda perbincangan utama. Suratan atau kebetulan, mesyuarat yang berlangsung di *Marlborough House, London* membincangkan strategi oleh perkhidmatan awam negara-negara Komanwel bagi memperkuuh sistem penyampaian perkhidmatan dalam mendepani cabaran global.

Menurut YBhg. Datuk Dr. Md Farid Md Rafik, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, jumlah penjawat awam secara keseluruhan adalah sebanyak 1.6 juta orang yang turut membabitkan sektor pendidikan, pasukan keselamatan dan tenaga kerja kesihatan yang lazimnya tidak diambil kira sebagai kakitangan awam di negara-negara lain. Menurut beliau, sekiranya ketiga-tiga sektor ini tidak diambil kira, ia hanya membabitkan

sejumlah 616,718 kakitangan (sehingga Mei 2018) ataupun nisbah 1:51 kepada rakyat Malaysia (Berita Harian, 2019). Justeru, bukan sahaja saiz perkhidmatan awam semakin membesar malah cabaran dan krisis yang dikendalikan oleh mereka juga semakin mencabar dan menguji daya tahan perkhidmatan awam.

Dalam lanskap perkhidmatan awam Malaysia, walaupun pelbagai mehnah dan rintangan datang menimpa, para penjawat awam tetap teguh berdiri memberikan perkhidmatan dengan setia kepada Kerajaan. Meskipun iklim politik negara bersilih cuaca, perlembagaan negara tetap dijunjung dan dipertahankan keluhurannya. Wabak pandemik COVID-19 sedikit sebanyak telah mengubah cara hidup masyarakat Malaysia khususnya budaya atau norma kerja penjawat awam. Justeru, adalah kritikal untuk perkhidmatan awam mempunyai daya tahan yang tinggi dan sentiasa responsif serta proaktif dalam menyelesaikan isu rakyat dan negara.

### **Pemikiran Kreatif dan Inovatif dalam kalangan Penjawat Awam**

Penjawat awam selaku penyedia perkhidmatan kepada rakyat, menggalas tanggungjawab untuk memikirkan kaedah-kaedah yang inovatif dan selari dengan perubahan dari semasa ke semasa agar rakyat mendapat perkhidmatan yang lebih berkualiti. Mungkin ada yang tertanya mengapa seseorang penjawat awam itu perlu berfikiran secara kreatif dan inovatif dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan? Ini adalah bagi memastikan tiada sebarang penyusutan kualiti penyampaian perkhidmatan demi menjaga nama baik dan imej negara. Berdasarkan kepada kata-kata mantan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dalam ucapan Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-Enam (MAPPA VI) di PICC pada tahun 2015 menyatakan bahawa tuntutan dan ekspektasi rakyat akan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Menurut beliau, perkara-perkara yang



telah memenuhi keperluan sebelum ini didapati tidak lagi memuaskan pada hari ini, dan perkara-perkara yang dianggap berkualiti pada masa kini, mungkin tidak lagi diterima pada masa akan datang (MAPPA VI, 2015).

Kini adalah masanya untuk penjawat awam mendepani cabaran mendatang melalui pemikiran kritis. Sebagai contoh, dahulu mesyuarat demi mesyuarat diadakan secara fizikal bagi membincang dan memutuskan sebarang keputusan penting, kini semua itu telah menjadi sejarah. Ini kerana semua mesyuarat atau perbincangan diadakan secara maya berikutan penularan pandemik COVID-19. Platform-platform seperti *Google Meet*, *Zoom*, *Skype* dan sebagainya kini merupakan norma baharu penjawat awam. Justeru kepekaan pemikiran dan sokongan oleh kemajuan teknologi maklumat telah membolehkan penjawat awam meningkatkan prestasi kerja di samping meneruskan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Namun begitu, sama ada kita sedar atau tidak, perkhidmatan awam di Malaysia sebenarnya mempunyai pesaing-pesaingnya tersendiri iaitu perkhidmatan awam di negara-negara lain. Perkhidmatan awam yang baik dalam sesebuah negara akan menarik minat pelabur-pelabur sama ada pelabur tempatan mahupun pelabur asing bagi memacu transformasi Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan pertumbuhan dan pembangunan inklusif menerusi penyediaan persekitaran yang kondusif dan baik bagi menarik perniagaan (Berita Harian, 2021). Apabila terdapat pelaburan yang banyak, ekonomi negara akan meningkat dan negara akan menjadi lebih makmur. Laporan *World Bank's Doing Business Report 2019*, menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-12 daripada 190 negara. Kedudukan

terbaik yang pernah dicapai oleh Malaysia ialah pada tahun 2014 iaitu di tangga ke-6 (*Doing Business*, 2019). Laporan ini sedikit sebanyak memberikan petunjuk kepada kita bahawa pesaing-pesaing kepada perkhidmatan awam di Malaysia sudah mula mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan mereka. Justeru, penjawat awam di Malaysia sudah seharusnya bersedia dalam melonjakkan prestasi dan penyampaian perkhidmatan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

### **Isu Integriti**

Isu integriti merupakan satu isu yang serius dan boleh membawa padah sekiranya tidak ditangani dengan sewajarnya (Veerasamy & Raja, 2014). Contohnya, jika terdapat seseorang pekerja yang kurang beretika dan bekerja dengan sambil lewa serta mempunyai sikap berlengah-lengah dalam menyiapkan sesuatu tugas, maka tugas yang seharusnya boleh diselesaikan dalam jangka masa singkat mungkin boleh bertangguh berminggu-minggu. Jika tugas tersebut bersifat rantaian kerja yang panjang, ia akan melewatkkan keseluruhan proses kerja. Natijahnya, akan timbul ketidakpuasan hati dalam kalangan pelanggan, dan imej perkhidmatan awam juga akan bertambah buruk.

Pembentukan budaya perkhidmatan awam yang berpegang kepada nilai-nilai berintegriti, profesional dan pantas dalam menunaikan amanah akan mewujudkan ekosistem perkhidmatan efisien dan efektif, serta meningkatkan sinergi antara sektor awam dan swasta dalam melawan COVID-19. Bagi meningkatkan reputasi perkhidmatan awam Malaysia, sebagai salah satu negara yang terbaik di kaca mata dunia, misalnya dalam usaha memerangi penularan wabak COVID-19, budaya berintegriti ini perlu wujud merentasi

skim perkhidmatan dan pangkat serta berupaya memupuk sifat kebersamaan antara Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

Pada tahun 2020, berlaku beberapa isu ketirisan integriti melibatkan anggota perkhidmatan awam terutamanya pihak berkuasa yang ditangkap dan dituduh kerana penyalahgunaan kuasa dan keterlibatan dalam penerimaan rasuah. Antara isu-isu yang didedahkan adalah penjualan kad pengenalan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara, penyalahgunaan kuasa oleh Jabatan Imigresen dalam memberi kelonggaran dan kemudahan kepada warga asing untuk masuk ke negara kita dan sebagainya. Kesannya, masyarakat mula memandang serong terhadap jabatan tersebut.

Ini membuktikan bahawa di sebalik semua pengorbanan penjawat awam terutamanya barisan hadapan dalam memerangi wabak penularan COVID-19 masih terdapat segelintir penjawat awam mementingkan diri sendiri dan membelaikan Sumpah Ikrar Penjawat Awam. Keunggulan dan mutu perkhidmatan awam dicalar oleh perbuatan sedemikian rupa, bak kata pepatah kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki dan memperkuatkannya isu integriti dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Antara usaha-usaha pernah dilaksanakan oleh Kerajaan ialah seperti Dasar Etika Perkhidmatan Awam dan Konsep Perkhidmatan Cemerlang; Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam, Dasar Penerapan Nilai-nilai

Islam Dalam Perkhidmatan Awam dan Dasar Tonggak Dua Belas (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2021). Dasardasar ini juga telah diperaktikkan dalam pelbagai program di peringkat organisasi seperti penggunaan tanda nama, piagam pelanggan, penggubalan kod etika kerja, manual kerja, fail meja, sistem pejabat terbuka, modul pengurusan integriti, hari bertemu pelanggan, pusingan kerja dan penubuhan pasukan pemantau (Mazilan et al., 2005). Komitmen kerajaan dalam meningkatkan integriti terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam telah dilakukan dari semasa ke semasa menerusi pelbagai cara. Antaranya seperti penubuhan Biro Pengaduan Awam (BPA) pada tahun 2000 yang membolehkan orang awam menyalurkan aduan secara terus ke Jabatan Perdana Menteri (Pekeling Perkhidmatan Awam BPA, 2010) serta penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada tahun 2004. Bagi sektor kerajaan, cabaran membentuk dan mengekalkan integriti perkhidmatan yang baik sememangnya berat untuk dipikul memandangkan saiz organisasi awam dan bilangan kakitangannya yang besar, bak kata pepatah berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Kesimpulannya, penjawat awam perlu lebih peka dan berhati-hati dalam menjalankan amanah yang diberikan. Sekiranya didapati terdapat penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa dalam kelangsungan kerja maka perlu melaporkan kepada pihak atasan atau pihak berkuasa untuk menutup ruang dan peluang yang menyebabkan berlakunya penyalahgunaan kuasa.

### **Pembudayaan Norma Kerja Baharu**

Pembudayaan norma kerja baharu ini merujuk kepada kebiasaan baharu iaitu melaksanakan kerja dari rumah.

Bekerja dari rumah (BDR) merupakan bentuk kerja fleksi yang bukan sahaja dapat mengurangkan kos operasi, malah meningkatkan produktiviti dan kepuasan bekerja khususnya dalam kalangan wanita yang berkerjaya dan berkeluarga (Rahman & Zahir, 2021). Misalnya, waktu bekerja yang lebih fleksibel dan mengikut penggiliran membolehkan penjawat awam mempunyai banyak pilihan supaya dapat bekerja dengan lebih selesa dan tenang tanpa sebarang tekanan. Dengan ini kerja dapat disiapkan dengan lebih efisien dan pantas. Namun begitu, penjawat awam yang terlibat dalam bidang kritikal dibenarkan untuk bekerja dari pejabat bagi mengekalkan kesinambungan perkhidmatan Kerajaan.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 mengenai dasar Bekerja Dari Rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menggariskan cara bekerja baharu perkhidmatan awam yang memberi ruang untuk mengimbangi keperluan melunaskan tugas kerja dengan memelihara keharmonian keluarga. Kesejahteraan psikologi juga amat mustahak kerana penjawat awam perlu mempamerkan ketenangan dan berdiplomasi setiap kali berurus dengan pelanggan. Daya tahan pegawai akan terserlah apabila masih mampu mengukir senyuman walapun tekanan kian bertambah.

Antara kelebihan BDR ialah dapat mengurangkan perbelanjaan terutamanya membabitkan kos pengangkutan sama ada kos pengangkutan awam atau kenderaan sendiri seperti kos petrol, tol dan parkir (Caligiuri & De Cieri, 2021). Hal ini sangat signifikan kerana kenaikan kos sara hidup pada hari ini menyebabkan penjawat awam dari kategori berpendapatan rendah dan sederhana dilihat semakin terhimpit untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Pada masa yang sama, budaya kerja yang lebih fleksibel ini membolehkan penjawat awam dapat meluangkan masa yang lebih berkualiti di rumah bersama kaum keluarga serta dapat mengurangkan tekanan di tempat kerja. Senario ini akan membolehkan penjawat awam dapat membahagikan masa dengan lebih baik serta dapat menyeimbangkan antara keluarga dan kerja. Perkara ini dapat melahirkan seorang penjawat awam yang efisien dan berdedikasi serta mewujudkan sebuah keluarga yang Bahagia (Rahman & Zahir, 2021).

Walaupun majoriti penjawat awam meraikan budaya kerja baharu ini, tetapi terdapat beberapa kekangan dan cabaran apabila melaksanakan konsep BDR secara menyeluruh. Antara cabaran yang dihadapi oleh Ketua Jabatan ialah perlu memastikan integriti, amanah dan tanggungjawab kakitangan yang bertugas di rumah dapat dijaga dan dipantau secara sistematik. Di samping itu, perlu ada penetapan sasaran kerja yang jelas melalui mekanisme yang efisien supaya dapat mengukur kuantiti dan kualiti kerja kakitangan yang melambangkan produktiviti dan keberhasilan organisasi.

Secara prinsipnya, di mana ada kemahanuan, di situ ada jalan. Kalau sebelum ini BDR dianggap sesuatu yang tidak mungkin dapat dilakukan atau dianggap bukan budaya kerja di negara ini, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dapat membuktikan ianya tidak mustahil. Justeru BDR bukan lagi satu pilihan sebaliknya BDR merupakan budaya kerja masa hadapan dan penjawat awam perlu bersedia untuk melazimi kebiasaan baharu ini.

## **Pendigitalan dan Peningkatan Mutu Perkhidmatan**

Era digitalisasi menuntut para penjawat awam untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam memanfaatkan teknologi *blockchain*. Perkongsian data dan maklumat akan menjadi faktor kejayaan kritikal dalam melonjak prestasi penyampaian perkhidmatan (Boukis, 2019). Justeru, dasar pelaksanaan *Digital Government Competency and Capability Readiness* (DGCCR) yang dipelopori oleh JPA amat penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan awam. DGCCR dirangka untuk membangunkan kemahiran dan keupayaan penjawat awam di semua peringkat dan peranan; merentasi semua aspek penyampaian perkhidmatan awam dalam usaha memastikan rakyat mendapat perkhidmatan terbaik melalui saluran digital (DGCCR, 2017). Ini kerana penjawat awam di semua peringkat dan merentasi semua skim perlu dimantapkan dengan kompetensi dan kemahiran untuk memanfaatkan teknologi digital agar menyumbang idea baru dan juga idea penambahbaikan bagi membawa perubahan ketara terhadap penyampaian perkhidmatan di peringkat masing-masing. Sekiranya penjawat awam semakin mahir menggunakan teknologi, antara kesan langsung ialah dapat mewujudkan lebih banyak perkhidmatan dalam talian kepada rakyat. Maka norma baharu ini akan memudahkan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan pada bila-bila masa tanpa perlu hadir secara fizikal ke pejabat kerajaan. Misalnya segala pertanyaan, permohonan dan pengisian borang semuanya dapat dibuat dari rumah masing-masing.

Seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020, Rangka Kerja DGCCR diterap ke dalam

perkhidmatan awam sebagai sebahagian daripada inisiatif Kerajaan untuk membangunkan model pengoperasian Kerajaan digital di mana Rangka Kerja DGCCR digunakan sebagai pendekatan berstruktur dan menyeluruh bagi menyediakan pengurusan bakat yang lengkap (Unit Perancang Ekonomi, 2018). Pelaksanaan ini juga selaras dengan dasar Wawasan Kemakmuran Negara (WKB), Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) yang dipelopori oleh MAMPU dan *Digital Economy Blueprint* (DEB) oleh Unit Perancang Ekonomi yang kesemuanya menekankan kepentingan pemantapan kompetensi digital dalam kalangan penjawat awam.

## **Penutup**

Pengisytiharan Proklamasi Darurat berdasarkan Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentunya akan menjadi medan ujian daya tahan perkhidmatan awam dalam mentadbir dan menguruskan negara mengikut lunas undang-undang yang ada. Darurat diisyiharkan kerana penularan wabak COVID-19 semakin membimbangkan dan dilihat sebagai suatu ancaman kepada keselamatan, kehidupan, ekonomi dan ketenteraman awam di seluruh Malaysia sekiranya ia tidak dibendung. Tempoh darurat juga akan memberikan ruang kepada Kerajaan untuk menumpukan pemulihan ekonomi negara selain menjamin dan mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam (Pengisytiharan Proklamasi Darurat, 2021). Jaminan oleh YAB Perdana Menteri bahawa jentera pentadbiran dan perkhidmatan awam Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak akan terganggu dengan pengisytiharan darurat ini, sedikit sebanyak akan memberi

keyakinan kepada penjawat awam untuk bertindak.

Pada hakikatnya, lebih cepat anggota perkhidmatan awam menerima norma baharu (*new normal*) ini, lebih cepat mereka dapat menyesuaikan dan melengkapkan diri serta berkhidmat untuk negara. Sekiranya pandemik COVID-19 ini tidak dapat dihapuskan dalam jangka masa yang singkat, sekurang-kurangnya perlu belajar untuk hidup bersama-

samanya dengan menjaga SOP yang ditetapkan iaitu memakai pelitup muka, kerap membasuh tangan dan menjaga penjarakan sosial ketika berada di khalayak ramai.

Akhir kalam, seluruh penjawat awam perlu bulatkan tekad, padukan semangat, perteguhkan iktikad, prihatin dan cakna untuk menjamin kebajikan rakyat, memulihkan ekonomi dan mengekalkan kedaulatan negara.

## Rujukan

Berita Harian, (2019). Saiz perkhidmatan awam Malaysia masih ideal. Diekstrak pada 8 Mei 2021 dari pautan <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/596164/saiz-perkhidmatan-awam-malaysia-masih-ideal>

Berita Harian, (2021). Kerajaan komited bekerjasama dengan pelabur asing, tempatan. Diekstrak pada 9 Mei 2021 dari pautan <https://www.bharian.com.my/bisnes/ lain-lain/2021/01/775134/kerajaan-komited-bekerjasama-dengan-pelabur-asing-tempatan>

Boukis, Achilleas. (2019). Exploring the implications of blockchain technology for brand-consumer relationships: A future research agenda. *Journal of Product & Brand Management*. <http://doi.org/10.1108/JPBM-03-2018-1780>.

Bundy J., Pfarrer M.D., Short C.E., Coombs W.T. (2017). Crises and crisis management: Integration, interpretation, and research development. *Journal of Management*. 43(6):1661–1692.

Caligiuri, P. M., & De Cieri, H. (2021). Predictors of Employees' Preference for Working from Home Post-Pandemic. *Business and Economic Research*, 11(2), 1. <https://doi.org/10.5296/ber.v11i2.18411>

Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR). (2017). Diekstrak pada 20 Februari 2021 dari pautan [https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/DGCCR-Digital-Accelerators-\(DA\)-Dan-DGCCR-Certified-Trainers-\(CT\)/](https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/DGCCR-Digital-Accelerators-(DA)-Dan-DGCCR-Certified-Trainers-(CT)/)

Doing Business 2019: A Work Bank Flagship Report (16<sup>th</sup> edition). (2019). World Bank. Diekstrak pada 20 Februari 2021 dari pautan [https://www.doingbusiness.org/content/dam/doingsBusiness/media/Annual-Reports/English/DB2019-report\\_web-version.pdf](https://www.doingbusiness.org/content/dam/doingsBusiness/media/Annual-Reports/English/DB2019-report_web-version.pdf).

Jabatan Perkhidmatan Awam. 2021. Dasar-dasar Perkhidmatan Awam. Diekstrak pada 10 Mei 2021 dari pautan <https://www.jpa.gov.my/pusat-media-mm/penerbitan/dasar>

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-enam (MAPPA VI), (2015). Ucapan Aluan-aluan. Diekstrak 19 Februari 2021 dari pautan <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=samsudinosman&id=2804>

Mazilan Musa, Izal Arif Zahrudin, Suzanna Che Moin (eds). (2005) Etika dan Integriti di Malaysia: Isu dan Cabaran. Institut Integriti Malaysia (IIM), Kuala Lumpur.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja dari Rumah (2020). Diekstrak pada 20 Februari 2021 dari pautan <https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2020/pp052020.pdf>

Pekeliling Perkhidmatan Awam BPA. (2010). Biro Pengaduan Awam. Diekstrak pada 22 Februari 2021 dari pautan <http://wwwpcb.gov.my/annual/Pekeliling%20Perkhidmatan%20Awam%20BPA.pdf>

Pelan Integriti Nasional. Edisi Ringkas (2004) Institut Integriti Malaysia. Diekstrak pada 20 Februari 2021 dari pautan [http://www.moa.gov.my/documents/10157/59280/ringkasan\\_mengenai\\_pelan\\_integriti\\_nasional.pdf](http://www.moa.gov.my/documents/10157/59280/ringkasan_mengenai_pelan_integriti_nasional.pdf).

Pengisytiharan Proklamasi Darurat. (2021). Diekstrak pada 20 Februari 2021 dari pautan <https://www.sinarharian.com.my/article/118661/GALERI/Pengisytiharan-Proklamasi-Darurat>

Rahman, K. T., & Zahir Uddin Arif, M. (2021). Working from Home during the COVID-19 Pandemic: Satisfaction, Challenges, and Productivity of Employees. International Journal of Trade and Commerce-IIARTC, 9(2). <https://doi.org/10.46333/ijtc/9/2/3>

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2018). Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 201-2020. Diesktrak pada 20 Februari 2021 dari pautan <https://www.epu.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/rancangan-pembangunan/rmk/kajian-separuh-penggal-rancangan-malaysia-kesebelas>

Veerasamy, L., & Raja, S. S. (2014). Integriti Dalam Perkhidmatan Awam Pada Era Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, 1957-1970. Sejarah, 23(1), 147-173. doi:10.22452/sejarah.vol23no1.7

World Health Organization (WHO), (2021). Timeline: WHO's COVID-19 response. Diekstrak pada 19 Februari 2021 dari pautan <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/interactive-timeline#!>

# PERSEPSI TERHADAP RANTAIAN KEPAYAHAN HIDUP IBU TUNGGAL

<sup>1</sup>Norailis Ab. Wahab  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Email: norailis@usim.edu.my

<sup>2</sup>Syarizal Abdul Rahim  
Universiti Malaysia Kelantan  
Email: syarizal.ar@umk.edu.my

## PENGENALAN

Wabak COVID-19 menjelaskan hampir semua segmen penduduk di dunia secara langsung sepetimana yang telah dilaporkan oleh United Nations (2021). *United Nations Children's Fund* (UNICEF) dan *United Nations Population Fund* (UNFPA) mendedahkan dalam satu kajian mereka di Malaysia bahawa isi rumah yang berpendapatan rendah di bandar sangat terjejas oleh pandemik ini. Ming (2020) berpandangan mereka memerlukan bantuan yang berupa peluang kerja, modal, ruang dan peralatan serta bantuan jangka panjang supaya mendapatkan nafkah untuk diri mereka sendiri dan menjalani kehidupan bermaruah. Apabila negara ini berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020, ibu tunggal merupakan antara golongan yang paling terkesan dek penutupan pusat penjagaan kanak-kanak dan

tadika. Malahan, Noorazura (2021) turut menyokong bahawa ramai ibu tunggal berusaha menghadapi cabaran dalam mengimbangi kerja dan membesarakan keluarga secara bersendirian. Ia didakwa menjadi punca kemiskinan, kesukaran membayar keperluan asas, termasuk makanan, sewa, utiliti, penjagaan kanak-kanak dan kegagalan sekolah anak-anak.

## Konsep Ibu Tunggal

ketika itu – memandangkan kumpulan umur 60 tahun ke atas diklasifikasikan di bawah kategori itu. Pada tahun yang sama juga, dijangkakan seramai 261,000 mengalami dementia di Malaysia (Statista Research Department, 2021). Bergantung kepada bagaimana kes ditakrifkan, anggaran kelaziman dementia boleh berkisar antara 2.4 juta hingga 4.5 juta individu di Amerika Syarikat (Holsinger et al, 2007). Di samping itu, ramai orang dewasa yang lebih tua melihat kesukaran dengan ingatan dan fungsi kognitif lain. Dementia mempunyai implikasi sosial dan ekonomi yang ketara dari segi kos penjagaan perubatan dan sosial secara langsung, termasuk kos penjagaan tidak formal. Pada 2015, jumlah kos masyarakat global berkaitan dementia dianggarkan berjumlah RM3,308 bilion, bersamaan 1.1% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) global. Jumlah kos sebagai sebahagian daripada KDNK berbeza daripada 0.2% di negara berpendapatan rendah dan sederhana kepada 1.4% di negara berpendapatan tinggi (World Health Organization, 2021).

Shih-Yin dan Lewis (2015) mengulas tentang konsep mesra dementia di Scotland dan Ireland, manakala di Amerika Syarikat pula tentang konsep boleh upaya dementia dan kesemua pelan tersebut adalah berstruktur. Pada pandangan pertama, masyarakat ini seolah-olah mempunyai segala-galanya untuk memastikan kehidupan yang baik untuk individu dengan dementia dan keluarga serta keinginan mereka untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. Perancangan tiga negara berkenaan dijangka akan mempunyai kakitangan dan penyedia perkhidmatan yang terlatih dalam jumlah yang besar (contohnya, penjagaan kesihatan, perkhidmatan sosial, sektor swasta) dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, dan kecekapan khusus dementia. Selain itu, padanan

yang sesuai antara pelbagai program dan perkhidmatan untuk menangani keperluan khas untuk individu dengan dementia serta keluarga mereka. Justeru warga komuniti yang menyedari dementia boleh mengetahui dengan lebih baik dan berinteraksi dengan rasa hormat apabila berhadapan dengan individu dementia. Wujud peluang untuk individu dengan dementia dan keluarganya untuk terus terlibat dengan masyarakat di samping pengubahsuaian keadaan persekitaran bagi memastikan keselamatan dan kebolehcapaian. Terakhirnya, aktiviti dan tempat yang sesuai untuk individu dengan dementia dan keluarga mereka.

### **Apakah dementia?**

Dementia menerangkan defisit kognitif yang berbilang termasuk kemerosotan ingatan dan sekurang-kurangnya satu gangguan kognitif berikut: *agnosia*, *aphasia*, *apraxia*, atau gangguan dalam fungsinya (Holsinger et al, 2007). Manakala Geldmarcher dan Whitehouse (1996) mengetengahkan konsep dementia sebagai sindrom klinikal yang dicirikan oleh kerugian yang diperoleh kognitif dan kebolehan emosi cukup teruk untuk mengganggu fungsi harian serta kualiti hidup. Istilah ini tidak membayangkan proses punca atau patologi tertentu. Lebih daripada 55 penyakit, sesetengahnya tidak produktif yang boleh menyebabkan dementia (Mayeux et al, 1993). National Institute of Aging (2021) pula menjelaskan bahawa dementia adalah kehilangan fungsi kognitif seperti pemikiran dan kemampuan mengingati. Dari segi pemikiran, dementia mampu mempengaruhi kebolehan tingkah laku sehingga mengganggu kehidupan dan aktiviti harian seseorang. Fungsi-fungsi ini termasuk ingatan, kemahiran bahasa, persepsi visual, penyelesaian masalah, pengurusan diri dan keupayaan untuk memberi tumpuan serta memberi perhatian.

Sesetengah individu yang mengalami dementia tidak dapat mengawal emosi yang berpotensi mengubah personaliti mereka. Dementia berkisar dari peringkat yang paling ringan, apabila ia baru mula menjelaskan fungsi seseorang, ke tahap yang paling teruk, apabila individu itu mesti bergantung sepenuhnya kepada orang lain untuk aktiviti asas hidup. Ia berlaku terutamanya pada lewat kehidupan; kelaziman adalah kira-kira satu peratus pada usia 60 tahun dan berganda setiap lima tahun, untuk mencapai 30 kepada 50 peratus menjelang usia 85 (Evans et al, 1989; White et al, 1986).

Dementia menjelaskan setiap individu berkenaan dengan cara yang berbeza, bergantung kepada kesan penyakit dan keperibadian seseorang sebelum menjadi sakit. World Health Organization (2021) telah menjelaskan tanda-tanda dan gejala-gejala yang dikaitkan dengan dementia boleh difahami dalam tiga peringkat seperti dalam Rajah 1 berikut.



Rajah 1: Tiga peringkat dementia dan simptom

Rajah 1 menunjukkan tiga peringkat berbeza dementia serta simptom umum yang ditunjukkan oleh individu-individu

tersebut. Peringkat awal dementia sering diabaikan kerana bermulanya individu menjadi pelupa, kehilangan Seterusnya, apabila dementia berlaku di peringkat pertengahan ini, tanda-tanda dan gejala menjadi jelas dan menyekat. Akhirnya, peringkat lewat dementia menunjukkan jumlah pergantungan yang tinggi dan tidak aktif. Gangguan ingatan adalah serius dan tanda-tanda fizikal dan gejala menjadi lebih jelas dan lebih menyekat.

### Penjaga Individu dengan Dementia

Tekanan fizikal, emosi dan kewangan boleh menyebabkan tekanan yang besar kepada keluarga individu dengan dementia dan penjaga, dan sokongan diperlukan dari sistem kesihatan, sosial, kewangan dan undang-undang. Alzheimer's Research UK (2015) telah mengetengahkan cabaran-cabarhan berkaitan termasuk:

- penjaga menguruskan perubahan yang sukar dalam tingkah laku dan keperibadian individu dengan dementia dari kalangan orang tersayang, termasuk pencerobohan dalam sesetengah kes. Penjaga berpotensi meninggalkan ahli keluarga sendiri sehingga berasa

terasing daripada aspek sosial di samping perlu menanggung kos tersembunyi.

- menghargai pengalaman dan keperluan memberikan ganjaran kepada penjaga di samping perkongsian beban tanggungjawab dengan ahli keluarga individu dengan dementia.
- perubahan tingkah laku dan keperibadian boleh menyebabkan penjaga melayan individu dengan dementia dengan cara yang berbeza, lebih seperti kanak-kanak. Hubungan penjaga dengan adik-beradik juga boleh menjadi tegang kerana peningkatan kekerapan dan masa penjagaan.
- memberi kesan kepada aspek kesihatan dari sudut psikologi dan fizikal. Keadaan ini memerlukan dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan kepada pakar perubatan bagi sebarang rawatan dan perubatan untuk individu dengan dementia.

Penjaga individu dengan dementia boleh mengendalikan cabaran sebenar dengan kekal positif, menguruskan kekecwaan, berehat, kekal sihat dan mendapatkan tidur yang diperlukan (Dementia Carer, 2021). Kajian-kajian dan bantuan dari kumpulan sokongan mampu memberikan pilihan untuk menguji kesediaan penjaga dalam melaksanakan tugas-tugas rutin penjagaan individu dengan dementia. Alzheimer's Association di Amerika Syarikat telah menggariskan beberapa panduan bagi penjaga individu dengan dementia seperti berikut:

**Menguruskan tahap tekanan** – Pertimbangkan bagaimana tekanan memberikan kesan langsung kepada badan seperti sakit perut dan tekanan darah tinggi. Begitu juga dengan ketenangan emosi yang dimiliki di sepanjang tempoh penjagaan individu dengan dementia.

**Realistik** – Penjagaan memberikan kesan yang berbeza kepada individu dengan dementia, meskipun akan ada tingkahlaku yang sukar dikawal. Oleh itu, hargai masa kini dan fokuskan kepada memori indah.

**Hargai diri sendiri** – Adalah normal untuk hilang kesabarannya ketika menjaga individu dengan dementia, namun penjaga telah cuba untuk melakukan yang terbaik.

**Rehat yang cukup** – Mencari ruang untuk memberikan masa kepada diri sendiri supaya lebih bertenaga dalam sesi penjagaan seterusnya.

**Terima perubahan** – Pastinya individu dengan dementia memerlukan perhatian dan kasih sayang dari penjaga.

## Kesimpulan

Pemahaman masyarakat terhadap dementia adalah terhad keimbangan tentang bagaimana mereka akan menghadapi individu dengan dementia apabila keadaan semakin merosot. Amalan klinikal untuk mengesan dementia akan terus berkembang, didorong oleh perubahan sistem penjagaan kesihatan khususnya di Malaysia yang berpandukan kepada penemuan-penemuan baru hasil kajian para penyelidik. Penilaian yang komprehensif dan diagnosis yang teliti boleh memberi keselesaan kepada individu dengan dementia dan keluarga untuk merencanakan asas yang kukuh bagi merancang penjagaan dimasa depan. Kejuran mengenai status kesihatan individu dengan dementia dapat membantu penjagaan kesihatan profesional dan ahli keluarga yang bertujuan untuk meminimumkan kesan negatifnya. Walau bagaimanapun, pada asasnya penjaga perlu positif menghadapi semua kesukaran dalam menyediakan penjagaan, tentang tanggungjawab untuk menyediakan yang terbaik dalam menjaga individu tersayang.

## Rujukan

- Alzheimer's Association (2021). Five tips for caregivers. <https://www.alz.org> [Tarikh capaian: 10/01/2021]
- Dementia Carer (2021). Looking after myself. [http://www.dementiacarer.net/looking\\_after\\_yourself](http://www.dementiacarer.net/looking_after_yourself) [Tarikh capaian: 15/01/2021]
- Geldmacher, D.S. and Whitehouse, P.J. (1996). Evaluation of Dementia. *New England Journal of Medicine*, Vol.335, Iss.5, pp.330-336.
- Mayeux, R., Foster, N.L., Rossor, M. and Whitehouse, P.J. (1993). The clinical evaluation of patients with dementia. In: Whitehouse PJ, ed. Dementia. Vol. 40 of *Contemporary Neurology Series*. Philadelphia: F.A. Davis, pp.92-129.
- Evans, D.A., Funkenstein, H.H. and Albert, M.S. (1989). Prevalence of Alzheimer's disease in a community population of older persons: higher than previously reported. *The Journal of the American Medical Association*, Vol.262, pp.2551-2556.
- White, L.R., Cartwright, W.S., Cornoni-Huntley, J. and Brock, D.B. (1986). Geriatric epidemiology. *Annu Rev Gerontol Geriatr*, Vol.6, pp.215-311.
- Holsinger, T., Deveau, J., Boustani, M. dan Williams, J.W. (2007). Does This Patient Have Dementia? *The Journal of the American Medical Association*, Vol.297, No.21, pp.2391-2404.
- National Institute of Aging (2021). Basics of Alzheimer's Disease and Dementia: What Is Dementia? Symptoms, Types, and Diagnosis. <https://www.nia.nih.gov/health/what-dementia-symptoms-types-and-diagnosis> [Tarikh capaian: 20/01/2021]
- World Health Organization (2021). Dementia. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/dementia> [Tarikh capaian: 16/01/2021]
- Borneo Post (2018). Malaysia an ageing nation by 2030., 2018. <https://www.theborneopost.com/2018/03/13/malaysia-an-ageing-nation-by-2030-minister/>. 13 March. [Tarikh capaian: 12/01/2021]
- Shih-Yin, L. and Lewis, F. M. (2015). Dementia Friendly, Dementia Capable, and Dementia Positive: Concepts to Prepare for the Future. *The Gerontologist*, Vol.55, Iss.2, pp.237-244.
- Statista Research Department (2014). Malaysia: projected number of people with dementia 2050. <http://www.statista.com/statistics/738332/malaysia-projected-number-of-people-with-dementia/> [Tarikh capaian: 9/01/2021]



# FENOMENA PENUAAN DAN PENYEDIAAN SOKONGAN SOSIAL KEPADA WARGA EMAS DI MALAYSIA

Norliza Mokhtar  
Jabatan Kebajikan Masyarakat  
[liza@jkm.gov.my](mailto:liza@jkm.gov.my)

## PENGENALAN

Pelbagai definisi telah diberi dan digunakan terhadap tahap umur seseorang manusia untuk ditakrifkan sebagai warga tua atau warga emas. Antaranya Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara, (1998) mentakrifkan warga tua sebagai golongan yang berusia 60 tahun dan ke atas. Manakala sesetengah negara yang lain mentakrifkan warga tua sebagai mereka yang berumur 65 tahun dan ke atas (World Health Organization, 2008). Kebanyakan pakar gerontologi di Malaysia pula mengkategorikan warga tua kepada dua kumpulan iaitu kategori pertama terdiri daripada mereka yang berumur 65 hingga 74 tahun yang ditakrifkan sebagai peringkat umur tua awal manakala kategori yang kedua ialah peringkat umur tua akhir iaitu mereka yang berusia 75 tahun ke atas (Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid, 2016).

Walau bagaimanapun konsep “tua” adalah fasa yang subjektif mengikut keadaan dan masyarakat tertentu. Di Malaysia misalnya, di era 1980an, seseorang yang sudah memasuki umur 40 tahun sudah dikatakan telah berada di fasa akhir kitaran hidup. Tetapi di negara maju peringkat tua bermula antara usia 60 hingga 65 tahun. Keadaan mula berubah apabila kadar jangka hayat manusia telah meningkat dan tafsiran “tua” telah turut meningkat. Tafsiran-tafsiran ini telah dibina mengikut polisi dan kepentingan tertentu di sesebuah negara berkaitan warga emas. Walau bagaimanapun, Malaysia sepakat menggunakan takrifan oleh *World Assembly on Aging* yang bersidang di Vienna pada tahun 1982 iaitu 60 tahun ke atas bagi menggambarkan usia sebagai warga emas atau “tua”. Takrifan ini juga selari dengan tahap umur bersara bagi mereka yang berkhidmat dengan perkhidmatan kerajaan.

## Trend Penuaan di Malaysia

Penuaan penduduk merupakan suatu fenomena sejagat yang dialami oleh semua negara di dunia. Walau bagaimanapun, negara maju mengambil masa yang lebih lama untuk mencapai status negara tua berbanding dengan negara-negara membangun (Naraval, 2017). Salah satu faktor adalah negara-negara membangun kini sedang melalui transisi demografi yang pesat iaitu kadar fertiliti dan kematian seiring dengan kemajuan teknologi. Peningkatan kualiti perkhidmatan dari segi kesihatan, rawatan, dasar kerajaan dan taraf hidup telah membawa kepada perubahan drastik dari segi peningkatan tahap kesihatan rakyat dan seterusnya memberi impak kepada jangka hayat penduduk. Perubahan ini secara langsung telah membawa kepada peningkatan kadar jangka hayat manusia dan penurunan ketara kadar kematian bayi. Di Malaysia, semenjak 1960-an telah berlaku peningkatan dalam jumlah warga emas ekoran penurunan kadar kelahiran dan kematian, penambahbaikan dalam kemudahan kesihatan dan peningkatan kawalan penyakit berjangkit. Kesannya, peratusan warga emas di Malaysia meningkat daripada 5.7 peratus pada tahun 1990 kepada 6.3 peratus pada tahun 2000 (Doris Padmin Selvaratnam, Nor Aini Idris, Norlaila Abu Bakar & Ong Bee Kim, 2009). Peningkatan bilangan warga emas ini bukan sahaja menggambarkan satu situasi perubahan demografi semata-mata tetapi terdapat implikasi yang lebih besar iaitu Malaysia dijangka menjadi negara tua pada kadar yang lebih pantas.

Peralihan kepada negara tua dan perubahan demografi bakal menyebabkan negara berdepan dengan pelbagai isu berkaitan warga emas. Beberapa perubahan telah mulai muncul yang berkaitan dengan kehidupan keluarga

termasuklah kanak-kanak dan warga emas. Senario semasa menunjukkan satu pertiga penduduk adalah kanak-kanak berusia 0 hingga 14 tahun yang memerlukan sebahagian besar daripada sumber pembangunan disalurkan kepada mereka terutamanya dari aspek penjagaan anak, pendidikan dan perkhidmatan sosial. Selain daripada itu, peratusan penduduk tua meningkat dengan cepat dan perlu ada perancangan yang lebih teliti untuk menampung keperluan warga emas (Aminah Abdul Rahman & Ismahalil Ishak, 2009) agar mereka tidak dianggap sebagai beban dalam keluarga.

Sejak beberapa dekad terdahulu hingga kini banyak kajian mengenai warga emas telah dihasilkan di pelbagai peringkat dan diterbitkan dalam bentuk penulisan dan wacana yang pelbagai. Namun beberapa persoalan berkaitan sosiodemografi dan ekonomi warga emas masih belum diteroka sepenuhnya. Modernisasi dan proses pembandaran yang terjadi khususnya di kawasan luar bandar dianggap sebagai pencetus utama yang telah mengubah profil sosial sekaligus membawa kepada perubahan struktur keluarga masa kini (Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail, 2010). Pembandaran dan modernisasi ini memperlihatkan perubahan struktur keluarga dan aturan tempat tinggal penduduk khususnya warga emas.

Pada tahun 1980 misalnya, daripada seramai 475,407 orang warga emas di Malaysia, seramai 54.7 peratus (291,881 orang) tinggal di luar bandar berbanding 45.3 peratus yang tinggal di kawasan bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1983). Pada tahun 1991 pula warga emas di Malaysia telah bertambah kepada 645,037 orang. Daripada jumlah ini, 351,995 orang (54.6 peratus) tinggal di luar bandar, berbanding 293,042

orang (45.4 peratus) di bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995). Pada tahun 2000 pula daripada 662,930 warga tua berumur 65 tahun dan lebih, 421,683 orang atau 63.6 peratus berada di luar bandar. Angka ini menunjukkan lebih ramai warga tua bertumpu di kawasan desa berbanding di kawasan bandar. Perubahan struktur demografi hanya merupakan salah satu dimensi yang muncul akibat pembandaran malah turut membawa kepada pelbagai impak positif dan negatif dalam masyarakat.

Tren ini disusuli selanjutnya dengan pelbagai isu lain yang lebih spesifik seperti isu penjaga, sumber kewangan yang tidak mencukupi dan kesunyian, sekaligus menjadi topik perbincangan hangat dalam kalangan pembuat dasar di peringkat negara dan antarabangsa. Sehubungan dengan itu, kertas ini membincangkan mengenai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) terhadap kumpulan sasar warga emas dalam konteks peranannya sebagai agensi utama yang mengawal selia hal ehwal kebijakan warga emas di negara ini.

### **Perkhidmatan Sokongan Sosial Kepada Warga Emas**

Setelah mencecah usia emas, kehidupan individu akan lebih banyak bergantung kepada individu lain di persekitaran. Didorong oleh keupayaan kendiri yang semakin berkurangan, kehadiran sistem sokongan luaran akan banyak membantu, bukan sahaja dari segi memenuhi keperluan fizikal malahan sebagai sumber sokongan mental juga. Interaksi yang berterusan dan konsisten melibatkan individu signifikan (*significant others*) adalah antara sumber sokongan

sosial yang utuh bagi mereka. Selain kehadiran individu tersebut secara fizikal, bentuk sokongan subjektif yang muncul daripada kehadiran mereka juga turut signifikan, misalnya sebagai sumber untuk berbincang masalah peribadi, menghulurkan bantuan, sebagai sumber rujukan dan bagi mengisi masa lapang.

Selain sistem sokongan informal ini, kehadiran sokongan formal atau institusi juga penting bagi warga emas. Namun kehadiran sistem sokongan sebegini tidak selalunya dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Hal ini mungkin disebabkan warga emas itu sendiri tidak mengetahui kewujudan unsur sokongan sedemikian atau mereka tidak melihat ianya sebagai sesuatu yang berguna untuk mereka. Justeru, warga emas perlu “diperkenalkan” dengan persekitaran yang lebih kondusif meliputi sumber sokongan daripada pelbagai pihak dan peringkat.

#### **a) Polisi Sosial Warga Emas**

Secara relatifnya, penduduk di sebuah negara semakin meningkat dari tahun ke tahun. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2000 mendapat terdapat seramai 1.4 juta orang warga emas yang berumur lebih daripada 60 tahun. Jumlah ini mewakili 6.1 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia pada ketika itu iaitu 23.5 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Berbanding dengan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang dijalankan pada tahun 2010, bilangan warga emas telah mencecah 2.3 juta orang (7.9%) daripada keseluruhan penduduk negara yang berjumlah 28.3 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk Negara (Dasar Warga Emas Negara, n.d.). Oleh kerana itu adalah wajar bagi pihak kerajaan untuk membuat persediaan daripada pelbagai aspek khususnya dari sudut pembuatan polisi dan dasar yang tertumpu kepada kebijakan dan perlindungan warga emas.

Dalam pelan pembangunan negara, warga emas tidak boleh dinafikan kepentingannya. Bagi menjamin kesejahteraan yang berterusan, warga emas perlu diberikan penyertaan sepenuhnya dan tidak boleh dikecualikan daripada mendapat manfaat ke atas setiap aspek pembangunan. Justeru JKM memainkan peranan yang penting dalam merangka pelbagai strategi bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada warga emas. Malah sejak penubuhan JKM pada tahun 1946, warga emas merupakan kumpulan sasaran terawal yang mendapat perkhidmatan khususnya dalam aspek penjagaan dan rawatan pemulihan.

Menyedari keperluan terhadap kepentingan warga emas, kerajaan Malaysia telah menggubal Dasar Warga Tua Negara (DWTN) pada tahun 1995 dan kemudiannya mewujudkan Pelan Tindakan Warga Tua Negara (PTWTN) pada tahun 1998. Dasar dan pelan ini kemudiannya telah dipinda dan diluluskan pada 11 Januari 2011 kepada Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN). Dasar ini merupakan hasil ratasertakomitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati. Hal ini dilihat boleh direalisasikan melalui cara mengoptimumkan potensi diri dalam aspek pgunaan sihat, positif,

aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup selari dengan arus pembangunan negara. Dasar ini juga diwujudkan sebagai suatu pelan tindakan warga emas yang komprehensif meliputi pelbagai bidang seperti ekonomi, kesihatan dan sosial (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).

Rentetan itu Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) diwujudkan sebagai suatu mekanisme pemantauan terhadap pelaksanaan dasar berkaitan warga emas dan pgunaan penduduk (Dasar Warga Emas Negara, n.d.). JKM merupakan sekretariat kepada Majlis ini yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Fungsi Majlis ini adalah untuk memastikan kelancaran pelaksanaan Dasar Warga Emas itu sendiri selain turut berperanan menangani isu-isu warga emas dan fenomena pgunaan. Peranan JKM dalam MPPWEN juga bergantung kepada peranan agensi-agensi kerajaan lain. Ini bagi memastikan kelestarian program dan pemantauan yang lebih teratur di peringkat pusat dan negeri. Pelaksanaan dan pemantauan ini adalah bersifat menyeluruh melibatkan aspek-aspek kesihatan, ekonomi, sosial dan rekreasi, pendidikan, pekerjaan dan perumahan.

### b) Pusat Aktiviti Warga Emas

JKM telah merancang dan melaksanakan beberapa inisiatif dan perkhidmatan sokongan khusus untuk golongan warga emas. Antara perkhidmatan tersebut adalah pewujudan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). PAWE ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan

sosial (*reaching out*) dan pembangunan (*developmental*) kepada warga emas (Pusat Aktiviti Warga Emas, n.d.). Antara objektif penubuhan PAWE adalah meluaskan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas, memberi ruang kepada mereka untuk berasa dihargai melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran mereka dan meningkatkan kualiti hidup selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif. Antara contoh aktiviti adalah program keagamaan, program rekreasi, program ceramah kesihatan dan latihan yang bersesuaian. Sehingga tahun 2020 sejumlah 143 buah PAWE telah diwujudkan dan menjelang tahun 2030, semua 222 kawasan Parlimen dijangka akan dapat diwujudkan PAWE bagi merealisasikan fungsi dan objektif tersebut.

### c) Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas

Di dalam budaya tradisional masyarakat Malaysia, adalah menjadi suatu kewajipan bagi setiap anak untuk menjaga orang tua mereka. Manakala bagi mereka yang tidak mempunyai anak, jiran tetangga dan ahli komuniti akan mengambil tanggungjawab tersebut (Awang, 1992). Walau bagaimanapun, arus pesat pemodenan dan perubahan persekitaran telah menyebabkan berlakunya kepincangan sosial di mana struktur tradisional seperti ini tidak lagi mampu dikekalkan. Orang tua tidak semestinya mempunyai penjaga terutamanya apabila anak-anak mereka telah berkeluarga dan persekitaran kejiranan dan komuniti tidak lagi kondusif sebagai sistem sokongan sosial. Oleh itu, tanggungjawab penjagaan ini telah jatuh kepada pihak berkuasa.

Sejak tahun 1970an, pihak kerajaan telah memulakan perkhidmatan terhadap orang tua dengan memberi

keutamaan kepada perkhidmatan jagaan dan pemulihan, pengurusan kewangan, bantuan perubatan serta perkhidmatan insitusi. Pada awalnya pelaksanaan program-program ini adalah berbentuk *ad-hoc* dan kerja-kerja sukarela. Walau bagaimanapun lama kelamaan ia telah distrukturkan. Sehingga ke hari ini, perkhidmatan institusi warga emas diurus dan dikawal selia oleh JKM bagi tujuan penjagaan dan perlindungan golongan tua yang merangkumi perkhidmatan pemeriksaan dan penjagaan kesihatan, bimbingan dan kaunseling, rekreasi, serta keagamaan (Zaimi Abdul Rani, 2007).

Pada masa yang sama, saiz keluarga yang semakin mengecil menjadikan tanggungjawab penjagaan orang tua semakin sukar dilunaskan terutamanya apabila anak-anak bekerja dan tinggal berjauhan daripada orang tua mereka. Oleh itu, tugas memberi jagaan kepada warga emas telah diserahkan kepada kerajaan. Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) merupakan dua jenis institusi kebajikan warga emas di bawah kendalian JKM. RSK menyediakan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan terhadap warga emas berumur 60 tahun ke atas yang daif serta tidak mampu mengurus diri manakala RE memberi penjagaan kepada warga emas terlantar. Salah satu aspek penting dalam kesejahteraan orang tua yang menjadi fokus institusi seperti RSK dan RE ini adalah dari segi penjagaan kesihatan fizikal. Semakin berusia seseorang itu, keperluan penjagaan kesihatan turut meningkat dan menjadi lebih kompleks dan memerlukan penjagaan yang rapi dan berterusan. Dalam hal ini, meskipun institusi bukanlah pilihan yang terbaik untuk warga emas meneruskan hidup, namun ia merupakan perkhidmatan sokongan struktural yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada mereka yang tiada alternatif lain.

## Kesimpulan

Penuaan merupakan isu yang kritikal yang sedang dihadapi bukan sahaja di negara ini bahkan seluruh dunia. Berdasarkan senario negara lain yang telah melalui pengalaman menjadi negara tua dan juga dari unjuran kependudukan domestik semasa Malaysia perlu melaksanakan persediaan yang rapi kerana tempoh masa untuk menjadi negara tua menjadi semakin singkat iaitu lebih kurang sembilan tahun sahaja lagi. Tumpuan tentunya terfokus kepada JKM untuk lebih agresif dalam membuat persediaan ini, mengambil kira statusnya sebagai sebuah agensi yang menetapkan warga emas sebagai salah satu kumpulan sasarnya.

Artikel ini secara sepintas lalu memperihalkan bagaimana Malaysia

melalui inisiatif yang dilakukan oleh JKM selaku agensi utama yang menguruskan hal ehwal warga emas telah dan sedang memperincikan pelbagai strategi melibatkan sistem sokongan terhadap golongan sasaran ini. Selain merangka polisi dan dasar warga emas yang komprehensif, JKM juga turut menumpukan perhatian kepada penyediaan prasarana dan perkhidmatan yang menjurus kepada jagaan dan peningkatan kualiti hidup warga emas, terutama bagi mereka yang memerlukan sokongan berbentuk institusional. Usaha JKM dalam melaksanakan pelbagai perancangan komprehensif ini perlu disebarluaskan dan difahami oleh segenap pelusuk masyarakat agar negara lebih bersedia menghadapi cabaran menjadi negara tua apabila tiba masanya kelak.

## Rujukan

- Zaimi Abdul Rani. (2007). *Social Welfare Policies and Services for the Elderly: A Country Report (Malaysia)*. Paper presented at the 5<sup>th</sup> ASEAN & Japan High Level Officials Meeting on Caring Societies: Collaboration of Social Welfare and Health Services, and Development of Human Resources and Community, Tokyo, Japan.
- Aminah Abdul Rahman & Ismahalil Ishak. (2009). *Profil keluarga di Malaysia & kesannya kepada masyarakat*, Seminar Institusi Keluarga Mendepani Cabaran Semasa Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Awang, Z. (1992). A caring society in Malaysia: A vision, in Cho, K.S (ed). *Caring Society*. (pp. 3-17). Institute of Strategic and International Studies.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.
- Dasar Warga Emas Negara (n.d.). Dicapai daripada <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/converted/6803/DasarWargaEmas1.pdf>
- Dasar Warga Emas Negara (n.d.). Dicapai daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=WjFUdFBURTV0Zis0N0NxYm05Qk9XQT09>

Doris Padmini Selvaratnam, Nor Aini Hj Idris, Norlaila Abu Bakar & Ong Bee Kim (2009), *Kesan peningkatan jangka hayat di Malaysia*, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV), 2 – 4 Jun 2009, 305-315.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2011). Dasar Dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (1983). Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970. Laporan am banci penduduk 1980, Jilid 1. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (1995). Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1990. Laporan am banci penduduk 1991, Jilid 1. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010.

Naraval, A. C. B. (2017). Overview of the situations of ageing population in Thailand, Malaysia, Indonesia and Cambodia. Dlm. A. Abeykoon, N. Arifin, T. N. Peng, C. Kannarath & A. C. B. Naraval (Editor). *Ageing Thailand, Malaysia, Indonesia and Cambodia: Demographic Transition, Policy and Programmatic Responses*. International Council on Management of Population Programmes (ICOMP). Dicapai daripada [http://site.icomp.org.my/Clients/icomp1/icomp-ippf-ageing\\_case-studies-for-website.pdf](http://site.icomp.org.my/Clients/icomp1/icomp-ippf-ageing_case-studies-for-website.pdf)

Pusat Aktiviti Warga Emas, (n.d.) dicapai daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=aC90Vy81SVhKTEZDcVoxRE5JRzNRZz09>

Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid (2016). Kajian kemudahan dan perkhidmatan bagi menepati keperluan warga emas menjelang 2030. Geran Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. (2010). Mengenali warga tua desa di Malaysia: Profil sosial dan pengaturan tempat kediaman. *Journal of Governance and Development*, 6, 22-39.

World Assembly on Ageing. (1982). Report on the World Assembly on Ageing, Vienna. *Australasian Journal on Ageing*, 1(4), 13-14.

World Health Organization. (2008). *Age-friendly primary health care centres toolkit*. World Health Organization.



Nur Amirah Amir  
Universiti Sains Islam Malaysia  
  
Mohd. Shahril Nizam Md. Radzi  
Universiti Malaysia Kelantan

# COVID-19: RUANG UNTUK PENGEMBANGAN POTENSI DIRI REMAJA

## PENGENALAN

Coronavirus (COVID-19) dapat didefinisikan sebagai penyakit yang disebabkan oleh coronavirus baharu yang menyebabkan sindrom pernafasan yang teruk Coronavirus 2 (SARS-CoV-2 yang sebelumnya disebut 2019-nCoV) dan kes pertama dikenal pasti di Wuhan City, Hubei Wilayah, China. Berdasarkan statistik dari Worldometer, hingga 24 Februari 2021, sekitar 219 buah negara dan wilayah di seluruh dunia telah melaporkan sejumlah 112,654,146 kes COVID-19 yang disahkan dan jumlah kematian sebanyak 2,496,749 kes. Tiga buah negara yang mempunyai kes tertinggi ialah Amerika Syarikat, India dan Brazil.

Oleh itu, pada 30 Januari 2020, Organisasi Kesihatan Dunia (WHO) mengisyiharkan wabak COVID-19 sebagai Kesihatan Awam Kecemasan Antarabangsa (PHEIC) yang menjadi wabak global. Wabak tersebut menyebabkan kesan yang teruk

kepada sektor politik dan ekonomi hampir di kebanyakan negara di dunia, sekali gus mendorong campur tangan kerajaan dalam mengawal pergerakan rakyat untuk mengurangkan risiko jangkitan ketika berinteraksi sesama mereka.

Statistik Sistem Pekerjaan (SIP) dari Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Malaysia menunjukkan hingga 10 September 2020, kira-kira 79,737 orang kehilangan pekerjaan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (Berita Harian; 12 September 2020). Manakala, Astro Awani melaporkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengeluarkan statistik bahawa 4,500 perniagaan ditutup semasa wabak ini kerana mereka tidak dapat bertahan di pasaran (Astro Awani; 29 Julai 2020).

Kecepatan dan keparahan wabak ini yang menyerang seluruh negara menimbulkan begitu banyak kesan

negatif kepada rakyat. Namun, situasi ini memberikan peluang besar kepada organisasi perniagaan yang membekalkan makanan tambahan (*supplement*) dan ubat-ubatan dek permintaan terhadap produk ini yang ketara meningkat natijah daripada kegusaran orang ramai tentang kesihatan masing-masing. Begitu juga dengan isu-isu halal yang timbul kerana orang ramai yang menyedari penggunaan produk halal toyyiban atau “halal lagi baik” akan memberi manfaat kepada kesihatan.

### Remaja dan Pandemik COVID-19

Ramai yang telah dijangkiti oleh wabak COVID-19 tanpa mengira peringkat usia. Walau bagaimanapun, sebahagian besar individu terutamanya remaja berusaha memanfaatkan peluang ini untuk mengembangkan diri dengan memulakan perniagaan baharu atau membuat hobi baharu seperti berkebun, menjadi pencipta kandungan (*content creator*) dan ada antara mereka bahkan bermain alat muzik dan disiarkan di platform media sosial. Menurut WHO, remaja boleh didefinisikan sebagai orang muda yang berumur antara 10 hingga 24 tahun. Remaja ialah tahap peralihan yang berlaku antara zaman kanak-kanak dengan dewasa. Semasa peringkat ini, remaja akan menghadapi pelbagai perubahan dalam emosi, fizikal dan intelektual mereka, yakni pada peringkat ini, mereka mula menghadapi konflik dengan persekitaran dan tingkah laku mereka sendiri.

Kajian yang dilakukan oleh Adolesc (2020), mendapati bahawa remaja menghadapi perubahan dalam dinamika hubungan dan emosi selama COVID-19, menyebabkan penurunan sokongan sosial akan menghadapi gejala tekanan, kegelisahan, dan kesunyian yang lebih besar, yang dengan demikian

menyebabkan status kesihatan mental hangat diperbincangkan dalam kalangan ahli akademik dan pengamal perubatan.

Di Malaysia, remaja pada usia ini sebahagian daripadanya masih belajar sama ada di peringkat sekolah, kolej atau universiti. Sementara sebahagian daripada mereka pula pada peringkat awal mencari pekerjaan untuk menyara kehidupan. Ketika pandemik ini melanda, golongan remaja menghadapi kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu, bergerak menuju kehidupan dewasa, sekali gus menghadapi pelbagai kekangan ketika mencari pekerjaan. Ini menyebabkan kemurungan yang besar dalam kalangan mereka yang justeru meningkatkan masalah sosial dan emosi secara langsung kerana wabak tersebut. Perubahan norma baharu bekerja dari rumah dan pendidikan dalam talian yang digalakkan oleh kerajaan tampaknya memberi kesan positif kepada remaja kerana mereka berada dalam pengawasan keluarga sepenuhnya. Namun, dari sudut lain pula sebilangan mereka menghadapi kesukaran yakni kurangnya interaksi sosial dengan orang lain dan atasan-batasan lain. Situasi ini menghalang remaja untuk lebih kreatif, bersosial dan mengembangkan potensi diri.

Setelah dua bulan melaksanakan PKP, satu tinjauan dalam talian dilakukan oleh Majlis Anak Petaling Jaya bersama dengan *Childline Foundation* mengenai “Situasi semasa kanak-kanak di Malaysia semasa PKP” dengan 259 orang responden berumur antara 15 hingga 18 tahun. Hasil daripada tinjauan menunjukkan bahawa isu utama selama pandemik yang dikenal pasti ialah akses kepada bahan makanan dan barang keperluan, kekurangan makanan, tekanan daripada keluarga, dan kesempitan kewangan (Child Helpline International, 2020). Tinjauan

turut mendapati bahawa cabaran digital seperti pembelajaran dalam talian dengan penekanan pada isu-isu seperti ‘masa skrin’ dan keselamatan dalam talian juga perlu diberikan perhatian khusus. Selain itu, tinjauan yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati bahawa Malaysia mencatatkan rekod sebanyak 465 kes cubaan membunuh diri diantara Januari dan Jun tahun ini. Faktor ini disebabkan oleh kesusahan yang dihadapi oleh penduduk di Malaysia semasa wabak melanda dan peningkatan telah berlaku sekitar bulan Julai, Ogos dan September (BH Online, 2020).

### **Mengembangkan Potensi dalam Kalangan Remaja**

Pada peringkat awal remaja, telah tumbuh pemikiran secara abstrak dan logik (MSD Manual, 2019). Mereka mula mengembangkan minat mereka sendiri dan peka terhadap perbezaan rakan sebaya. Sepanjang peringkat ini, cukup sukar bagi hubungan remaja dan ibu bapa mereka kerana pada tahap ini biasanya dipengaruhi oleh rakan sebaya dan persekitarannya dan ingin mencuba perkara baharu dan mencabar diri mereka sendiri. Rakan sebaya dan persekitaran yang baik boleh mempengaruhi mereka dengan cara positif dan sebaliknya. Inilah sebabnya mengapa ibu bapa harus selalu memimpin dan mengawasi anak mereka pada usia ini. Menurut ajaran Islam, kaedah mendidik anak boleh diklasifikasikan mengikut tiga dasar utama iaitu ikatan akidah (kepercayaan kepada tuhan), ikatan spiritual (beribadah), ikatan pemikiran (tidak memisahkan aturan agama dan negara), ikatan sosial (menanamkan kejiwaan yang mulia) dan ikatan keolahragaan (penjagaan kesihatan) (Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta’lim, 2011).

Pada tahap ini, terdapat banyak perkara yang berkembang dalam diri remaja yang bukan hanya daripada segi penampilan fizikal, tetapi juga emosi dan tingkah laku (Britannica, 2021). Pada ketika ini, komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak sangat penting untuk membantu mereka menyusun emosi mereka sehingga mereka tidak mengubah diri mereka menjadi tingkah laku berisiko (National Institute of Health, 2020).

Ibu bapa mempunyai pengaruh yang kuat untuk memberi anak mereka contoh yang baik mengenai bagaimana mereka harus bersikap terutama semasa wabak ini. Remaja juga menghadapi kesukaran selama ini dan harus selalu mendapat sokongan daripada ibu bapa untuk membantu menghadapi sebarang masalah terutamanya dalam bidang akademik dan sosial (MSD Manual, 2019). Kekurangan bimbingan daripada ibu bapa, dan harga diri yang rendah dapat menyekat perkembangan potensi mereka ketika mereka berjuang dengan diri sendiri. Potensi perkembangan dalam kalangan remaja bukan hanya merujuk kepada kemampuan anak muda untuk menjana pendapatan, tetapi juga perkembangan emosi dan tingkah laku mereka ke arah menjadi individu yang lebih baik.

### **Pertumbuhan potensi diri ketika Pandemik COVID-19**

Walaupun terdapat banyak sekatan, masalah dan batasan, masih ada beberapa sisi positif dalam mengambil pandemik ini sebagai peluang untuk pengembangan diri. Ramai remaja menghadapi kesukaran selama ini, namun masih banyak yang berjaya semasa wabak ini. Sebahagian daripada mereka mula membuka perniagaan dalam talian mereka sendiri dengan menjual banyak barang dari pakaian hingga peralatan rumah.

Seorang ikon perniagaan belia yang kini menjadi tular atau *viral* ketika gadis berusia 18 tahun ini berjaya memperoleh keuntungan sebanyak RM1 juta dengan menjual susu dengan jenama ‘vitamilk’ dalam masa dua minggu dan membeli *Ford Mustang* pertamanya semasa COVID-19. Perniagaannya berjaya dan menjadi tumpuan apabila ramai yang menjadi ahli bagi mempromosikan produknya itu sehingga berjaya melantik seramai 2,000 orang ahli bagi mempromosikan produknya di pasaran (Era Kini, 2021). Ini menunjukkan bahawa pandemik tidak menghalangnya kerana remaja ini masih dapat mengambil kesempatan ini untuk mengembangkan perniagaan mereka sendiri untuk mengurangkan masalah kemelesetan kewangan. Kebolehan untuk mengambil kesempatan dan menjadi kreatif, akan memungkinkan mendapat peluang untuk berniaga. Sebagai contoh, para remaja boleh menjana pendapatan hasil daripada barang terpakai (*preloved*), membuat servis pemasaran dengan membantu peniaga lain mempromosikan produk mereka, menjalankan kursus atas talian dan sebagainya megikut kelebihan dan kebolehan diri sendiri (Exabytes, 2020). Perniagaan seperti ini mungkin dapat mengurangkan kos serta risiko penipuan atas talian.

Selain itu, bukannya fokus untuk mendapatkan keuntungan daripada perniagaan sahaja yang menjadi tonggak utama perkembangan potensi diri. Seorang gadis bernama Wan Nur Elisa Adreena Wan Jusoh, 24 tahun yang memiliki ijazah dalam bidang seni bina dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seri Iskandar, Perak menjana wang dengan mengumpulkan sampah dari kawasan kediaman di Bandar Baru Bangi dengan harga RM1 (My Metro, 2020). Walaupun mereka tidak mendapat keuntungan tinggi atau memiliki perniagaan secara formal,

tetapi usaha dan ilhamnya membuat orang ramai sedar untuk selalu menjaga persekitaran mereka terutama semasa COVID-19. Walaupun pekerjaan yang dilakukannya, tidak menguntungkan dalam jangka pendek, tetapi remaja ini berusaha mendapatkan wang daripada sumber yang halal sambil menjaga persekitaran agar bersih dan selamat untuk didiami. Beliau merancang untuk terus melakukan kerja ini sehingga mendapat pekerjaan tetap. Semasa melakukan pekerjaan ini, membuatnya menyedari akan pentingnya menjaga kebersihan persekitaran kita dan menolong orang dengan melakukan perbuatan baik.

## Kesimpulan

Walaupun wabak masih belum menunjukkan tanda-tanda berhenti, remaja harus merebut peluang ini untuk mengembangkan potensi diri dengan memulakan aktiviti baharu di rumah atau secara dalam talian. Walaupun ada kesulitan yang dilalui dengan semua sekatan daripada segi prosedur yang dikenakan oleh kerajaan, ini bukan alasan utama bagi remaja untuk terus meninggalkan kehidupan biasa mereka kerana pendigitalan pada masa kini sangat membantu untuk mengetengahkan bakat mereka. Pembangunan yang berpotensi bukan hanya untuk memperoleh pendapatan tetapi juga membantu masyarakat menjadi sebahagian daripada pembangunan melalui emosi.

## Rujukan

- CDC. 2019 Novel Coronavirus, Wuhan, China. CDC. Available at <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/about/index.html>. January 26, 2020; Accessed: January 27, 2020.
- Iva Gregurec, Martina Tomičić Furjan, Katarina Tomičić-Pupek. (2021) The Impact of COVID-19 on Sustainable Business Models in SMEs. *Sustainability* 13:3, pages 1098.
- Fahmy A Rosli. (2020). 79,737 hilang pekerjaan tahun ini. *Berita Harian*. September 12, 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/730655/79737-hilang-pekerjaan-tahun-ini>
- Wan Syamsul Amly. (2020). COVID-19: Lebih 4,500 Perniagaan ditutup dalam empat bulan. *Astro Awani*. Julai 29, 2020. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-lebih-4500-perniagaan-ditutup-dalam-empat-bulan-253197>
- Csikszentmihalyi, Mihalyi. (2021). "Adolescence". Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/science/adolescence>.
- n.a. (2021). Facing Puberty: Emotional Preparedness For Girls. My health. <http://www.myhealth.gov.my/en/facing-puberty-emotional-preparedness-girls/>
- J Adolesc. (2020). Adolescents' Perceived Socio-Emotional Impact of COVID-19 and Implications for Mental Health: Results From a U.S.-Based Mixed-Methods Study. *National Institute of Health*. 68(1): 43–52.
- Cathryn Anila. Youth and Covid-19: Malaysia. *Child Helpline International*. <https://www.childhelplineinternational.org/youth/blog-youth/youth-and-covid-19-malaysia/>
- n.a. (2020). Government and institution measures in response to COVID-19. *KPMG*. <https://home.kpmg/xx/en/home/insights/2020/04/malaysia-government-and-institution-measures-in-response-to-covid.html>
- Suraya Roslan. (2020). Angkat Sampah RM1. *My Metro*. Jun 25, 2020. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/06/586123/angkat-sampah-rm1>
- Evan G. Gruber. (2019). Adolescent development. *MSD Manual Professional Version*. <https://www.msmanuals.com/professional/pediatrics/growth-and-development/adolescent-development>
- WHO | World Health Organization (2021). <https://www.who.int>

# PENGURUSAN HARTA MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM



Ahmad Irwan Bin Ismail  
Pejabat Penasihat Undang-  
Undang Negeri Kelantan  
Norliza Binti Mokhtar  
Jabatan Kebajikan Masyarakat  
[ahmad.irwan@agc.gov.my](mailto:ahmad.irwan@agc.gov.my)  
[liza@jkm.gov.my](mailto:liza@jkm.gov.my)

## PENGENALAN

Kemampuan membuat perancangan harta dan kewangan secara sistematik merupakan antara faktor pendorong kebahagiaan dan kesejahteraan sesebuah keluarga. Kemampuan untuk menguruskan harta untuk kehidupan seharian juga amat penting. Dalam membuat pengurusan kewangan keluarga, seseorang itu perlu mengetahui bagaimana untuk merancang perbelanjaan harian isi rumah, membuat simpanan, pelaburan, perbelanjaan insuran dan simpanan di hari tua. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi tumpuan dalam perancangan harta dan kewangan khususnya untuk jangka masa panjang. Dalam hal ini, Islam telah memberi garis panduan perancangan kewangan agar dapat memberi manfaat kepada setiap orang yang melaksanakannya.

Merancang harta dalam Islam bukan sahaja terhad kepada kaedah dan tatacara menguruskan perbelanjaan individu atau keluarga bagi kepentingan hidup di dunia sahaja. Malah ia juga merangkumi kaedah seseorang menguruskan harta dengan cara membuat perancangan yang teratur untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat (Abdul Muhammin, 2009). Sebagai salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia, harta perlu diurus dan dirancang dengan baik dan sempurna, agar ia tidak dibazirkan atau dibelanjakan dengan cara yang bertentangan dengan syarak. Istilah perancangan harta selalunya amat menggerunkan bagi sesetengah orang terutama bagi mereka yang beranggapan bahawa perancangan harta hanya untuk mereka yang berpendapatan mewah sahaja. Namun anggapan ini adalah tidak tepat kerana perancangan harta melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira jumlah pendapatan.

Pengurusan harta dapat membantu seseorang itu merancang aliran harta untuk digunakan semasa hidup dan selepas kematiannya. Perancangan ini membolehkan seseorang itu menentukan perjalanan hartanya dan kepada siapa harta tersebut patut diberikan dengan cara yang sah dari segi undang-undang sama ada sivil atau syariah. Perancangan harta yang baik dan sempurna sangat perlu bagi memastikan kehendak dan keperluan individu serta perancangan masa depan keluarga dapat dilaksanakan untuk kepentingan dunia dan akhirat. (Abdul Muhammin, 2009). Konsep pengurusan harta juga merupakan perkara yang amat penting bagi menjamin agar harta mampu bergerak cergas di dalam pelbagai sektor kehidupan bagi penggunaan yang luas dan menyeluruh. Selain itu, pengurusan harta yang baik boleh memberi galakan kepada transaksi harta agar dapat memperluaskan skop peredaran harta dan kekayaan sehingga dapat dinikmati oleh masyarakat (Rusnadewi & Nor Hisham, 2013). Oleh yang demikian, pengurusan harta secara sistematik dan teratur ini adalah penting bagi mengelakkan berlakunya masalah yang boleh melemahkan kegiatan ekonomi masyarakat dalam sesebuah negara.

### Harta Dari Perspektif Islam

Pengertian harta (*mal*) dari segi bahasa bermaksud sesuatu yang dapat diperoleh dan dikumpulkan oleh manusia dengan suatu tindakan baik seperti emas, perak, haiwan dan tumbuhan atau mempunyai manfaat seperti kenderaan, pakaian dan tempat tinggal. Manakala sesuatu yang tidak dapat dikumpulkan oleh manusia seperti burung di udara, ikan di air, pepohonan di hutan dan barang di dalam bumi, tidak dinamakan sebagai harta (Amin, 2014). Manakala pengertian harta menurut istilah, ulama Hanafi mendefinisikannya

sebagai sesuatu yang diingini manusia dan boleh disimpan lama. Definisi ini berbeza dengan pentakrifan yang dikemukakan Syafi'i dan Hanbali yang berpendapat bahawa sesuatu itu dianggap harta jika ada nilai komersial padanya sama ada ia dalam bentuk barang atau manfaat dan boleh dikenakan ganti rugi sekiranya ia dicerobohi (Abdul Muhammin, 2009). Takrifan ini membawa maksud bahawa untuk menentukan sesuatu itu sebagai harta ianya memerlukan beberapa ciri antaranya hendaklah mempunyai nilai, sama ada bentuk fizikal atau manfaat; sesuatu yang halal dan tidak najis menurut syarak; dan hendaklah sesuatu yang boleh dimiliki.

Secara ringkas, konsep harta dalam Islam mengandungi empat aspek penting seperti berikut (Sabri, 1989):

- a) konsep pemilikan sebenar;
- b) konsep hubungan manusia (Khalifah) dengan pemilik sebenar (Allah);
- c) integrasi antara nilai-nilai akhlak dengan kegiatan ekonomi; dan
- d) sikap positif terhadap kegiatan dan pembangunan ekonomi.

Justeru, Allah SWT telah menggariskan beberapa peraturan penting dalam pengurusan harta. Antaranya (Mohd Zamro, Wafaa'Yusof & Zamzuri, 2006):

- a) Penggunaan harta tidak boleh mendatangkan bahaya, kepada diri sendiri, orang lain dan alam sejagat.
- b) Manusia tidak boleh rakus untuk memiliki semua jenis harta kerana harta-harta tertentu tidak boleh dimiliki dan ia terletak dalam pemilikan awam (negara) seperti harta baitulmal, harta kerajaan dan sebagainya.
- c) Membelanjakan harta untuk hak-hak masyarakat umum seperti zakat, perbelanjaan pertahanan negara jika

perlu, infaq fakir miskin, keluarga, zakat fitrah, korban, nazar, kaffarah, dan sebagainya.

## Perancangan Harta

Harta yang dimiliki oleh manusia hanyalah sebagai alat sahaja demi untuk mencapai kehidupan akhirat kelak, kerana semua yang dilakukan akan dipertanggungjawabkan sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang maksudnya (Masrur, 2017):

*“Dari Abu Barzah Al-Aslami berkata: Rasulullah SAW, bersabda: Pada hari kiamat kelak seorang hamba tidak akan melangkahkan kakinya kecuali akan ditanya tentang empat perkara; tentang umurnya untuk apa ia habiskan, tentang ilmunya sejauh mana ia mengamalkannya, tentang hartanya darimana ia mendapatkannya dan untuk apa ia pergunakan, serta tentang semua anggota tubuhnya apa yang ia perbuat dengannya.” (Tirmizi, Jilid 2:882)*

Berdasarkan hadis ini, merancang harta merupakan perkara yang amat penting dan sangat dititikberatkan dalam Islam. Seseorang muslim pada hari kiamat tidak akan terlepas dari dipersoalkan mengenai harta, dari mana ia perolehi dan ke mana ia belanjakan. Justeru, setiap muslim perlu sentiasa prihatin untuk merancang dan menguruskan harta yang dimiliki agar ia dapat membawa kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Islam telah menentukan beberapa instrumen perancangan harta yang boleh menjamin kebahagian manusia. Instrumen pengurusan dan perancangan harta boleh dibuat dalam pelbagai bentuk misalnya melalui faraid, hibah, wakaf dan wasiat. Penggunaan setiap instrumen syariah

dalam perancangan harta, terutamanya wasiat, hibah dan wakaf adalah bergantung kepada keperluan, situasi dan kehendak pemilik harta. Manakala faraid pula merupakan arahan yang bersifat mandatori daripada Allah bagi mereka yang telah meninggal dunia dan memiliki harta setelah ditunaikan semua kewajipan lain.

## Faraid

Faraid merupakan antara instrumen perancangan harta setelah berlaku kematian. Ia adalah kaedah pembahagian pusaka di mana pembahagian ini telah ditentukan dari sudut waris dan haknya. Harta yang dibahagikan kepada ahli waris adalah baki harta yang ditinggalkan setelah ditolak segala pembiayaan pengurusan jenazah, hutang-hutang pewaris sama ada berbentuk agama (seperti zakat, nazar, dan lain-lain) atau hutang kepada manusia dan menunaikan wasiat yang dibenarkan oleh syarak. Faraid boleh dianggap sebagai pemindahan automatik dan kaedah pembahagian kekayaan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T (Ab Aziz & Nordin, 2015).

Faraid adalah bersumberkan daripada al-Quran, al-Sunnah, ijma' sahabat dan ijtihad mereka dalam masalah tertentu. Ia telah diperincikan melalui dalil yang menjelaskan mengenai pembahagian harta mengikut faraid.

Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Nisa' ayat 11 yang bermaksud:

*“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah 2/3 dari harta*

*pusaka yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah 1/2 (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati) tiap-tiap seorang dari keduanya 1/6 dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak, sedangkan yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah 1/3. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik beradik), maka bahagian ibunya ialah 1/6. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayar hutang. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa yang di antaranya lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu, (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti diterangkan ialah) ketetapan dari Allah, sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”*

Undang-undang yang sedia ada jelas menunjukkan faraid merupakan rujukan utama waris-waris orang Islam dalam pembahagian harta pusaka mereka. Antaranya, merujuk kepada Seksyen 25, Akta Undang-Undang Sivil 1956 mengkhususkan pentadbiran harta pusaka bagi orang Islam perlu merujuk undang-undang Islam iaitu sistem pewarisan faraid (Hassan & Abdul Rashid, 2014). Selain itu, Seksyen 12(7) Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 memperuntukkan pembahagian harta pusaka si mati hendaklah mengikut undang-undang terpakai kepadanya. Maka, bagi orang Islam, Pemungut atau Pentadbir pusaka perlu menentukan waris-waris, kadar bahagian-bahagian yang layak diterima dan jumlah harta berdasarkan hukum faraid (Disa, 2009). Pada masa ini masih ramai yang mengamalkan pembahagian faraid bagi tujuan pembahagian harta. Walau bagaimanapun, sekiranya kaedah

ini tidak ditadbir dengan baik, ia akan menyebabkan kezaliman kepada waris-waris (Mohd Khairy & Azwan, 2016).

## Hibah

Hibah adalah satu perkataan arab yang membawa maksud hadiah. Konsep hibah yang wujud di dalam al-Quran dan Sunnah merupakan satu bentuk pengurusan harta yang dianjurkan Islam. Menurut istilah syarak, hibah ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (*iwad*). Hibah merupakan satu pemberian daripada pemberi kepada penerima yang dibuat atas dasar kasih sayang. Secara prinsipnya, pemilik harta boleh memberikan hartanya sebagai hibah kepada sesiapa sahaja yang dikehendaknya. Hibah boleh diberikan kepada ahli waris atau bukan ahli waris. Berkuat kuasa pindah milik adalah serta merta semasa pemberian atau semasa hidup. Menurut Zalikhah Md. Nor (2002), hibah merupakan satu alternatif pengurusan harta yang membawa tujuan atau maksud yang sama dengan bentuk-bentuk sistem pewarisan harta yang lain iaitu pengagihan harta kekayaan secara adil dan boleh memupuk kasih sayang serta mencegah permusuhan.

Hukum hibah adalah sunat dan digalakkan dalam Islam terutama hibah diberikan kepada kaum keluarga terdekat. Ini adalah berdasarkan dalil-dalil seperti berikut:

Firman Allah s.w.t dalam Surah Ali Imran, ayat 92 yang bermaksud:

*“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi.”*

Juga dapat dilihat dalam firmanNya dalam Surah al-Maidah, ayat 2 yang bermaksud:

*“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwa.”*

Selain itu, dalam Surah al-Baqarah, ayat 177 yang bermaksud:

*“...dan mendermanyanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya kepada kaum kerabat.”*

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, hibah bukan sahaja telah mendapat pengiktirafan di dalam Islam tetapi juga bertindak sebagai suatu pelengkap kepada kesempurnaan sistem pengagihan harta dalam Islam. Pemberian hibah tidak dihadkan kepada sekumpulan orang tertentu sahaja seperti mana yang terdapat di dalam sistem faraid yang memberikan hak hanya kepada ahli waris-waris. Selain itu, konsep hibah amat sesuai diamalkan oleh masyarakat terutama apabila sistem pewarisan secara faraid gagal berfungsi dengan baik disebabkan masalah-masalah tertentu seperti pengabaian penyelesaian pusaka, kejahilan waris dalam memahami konsep faraid dan masalah pentadbiran.

## **Wakaf**

Wakaf merupakan suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara terang atau sindiran, di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan bagi tujuan kebaikan sama ada secara umum atau khusus. Wakaf berasal dari bahasa Arab iaitu *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*, ia mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, *waqf* memberi makna berhenti, menegah dan menahan. Ulama fiqh sepakat

mentakrifkan wakaf mengikut istilah bahasa dengan *al-habs* ertiannya menahan kerana perkataan *al-habs* itu lebih hampir kepada pengertian syarak (Asmak, 2009). Wakaf juga dikenali apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jualbeli, pewarisan, hibah dan wasiat disamping mengekalkan sumber fizikalnya (*ain*).

Mengikut konteks pengurusan harta dalam Islam, wakaf adalah memberi milik terhadap harta alih atau tak alih untuk matlamat tertentu yang perlu dipelihara dengan baik dan sebarang bentuk penggunaan atau pelupusan di luar daripada matlamat tertentu adalah ditegah. Terdapat dua jenis wakaf yang dibenarkan iaitu:

- a) Wakaf Am iaitu wakaf yang boleh dimanfaatkan kepada masyarakat dalam bentuk umum dan ditadbir oleh Pentadbir Wakaf Tunggal (Majlis Agama Islam Negeri-Negeri); dan
- b) Wakaf Khas iaitu Wakaf yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan atau fungsi-fungsi tertentu atau kepada penerima-penerima manfaat terhad dan ditadbir oleh pentadbir khusus yang dilantik bersama Pentadbir Wakaf Tunggal.

Sejarah Islam telah melakarkan pelbagai kegemilangan yang dicapai oleh umat Islam hasil daripada pembangunan harta wakaf yang kemudiannya disalurkan untuk pelbagai tujuan seperti pembangunan ekonomi, kesihatan, penyelidikan dan kebudayaan. Peranan wakaf juga sangat berpotensi dalam pengembangan pendidikan. Dalam sejarah Islam telah dilihat dengan jelas pada tahun 970 dengan terbinanya al-Azhar di Mesir. Institusi ini kemudiannya berkembang dan hasilnya dimanfaatkan untuk pendidikan. Wakaf tanah, bangunan dan tanah

pertanian dikelolakan secara produktif untuk membiayai sektor pendidikan dimulai dengan Lembaga Pendidikan Dasar dan Menengah (Al-Ma'ahid al-Azhariyah) sehingga Universiti (Jami'ah al-Azhar), dan tersebar pula di hampir setiap wilayah di Mesir (Abdurrohman, 2016). Manfaat wakaf tidak dapat dinafikan sebagai suatu kaedah perancangan harta yang baik selagi ia dimanfaatkan oleh manusia.

## Wasiat

Pengertian wasiat secara umum adalah pesan terakhir yang dikata atau ditulis oleh orang yang akan meninggal berkenaan dengan harta benda dan sebagainya. Wasiat berasal daripada perkataan Arab iaitu *wasa* yang bermaksud membuat janji. Manakala perkataan *wasiyyah* (wasiat) dalam bahasa Arab merujuk kepada sesuatu yang diwasiatkan, namun kemudiannya digunakan untuk menunjukkan perbuatan atau perilaku wasiat itu sendiri (Ibrahim et.al., t.t). Menurut Kamal Hamdi (1987), perkataan wasiat dari segi istilah fuqaha boleh dirumuskan sebagai, “pemberian hak milikan yang berkuat kuasa selepas kematian sama ada perkara yang diwasiatkan itu berupa ayn (*corpus*) atau manfaat (*usufruct*)”. Sementara Badran (1985) dalam kajianya mendapati bahawa fuqaha memberikan takrifan yang pelbagai mengenai wasiat, bahkan kepelbagaian takrifan itu juga boleh didapati dalam mazhab yang sama. Walau bagaimanapun, definisi wasiat yang boleh dianggap lengkap menurut beliau ialah, “janji tertentu yang khusus dan terlaksana selepas kematian pembuat janji”. Justeru, konsep asal wasiat adalah pemberian semasa hidup dan ia berkuat kuasa selepas kematian.

Menurut mazhab Syafie, wasiat adalah pemberian suatu hak yang boleh dilaksanakan selepas berlakunya kematian

pewasiat sama ada dengan menggunakan lafaz atau tidak (Mohd Zamro Muda, 2008). Ia juga merupakan pemindahan hak milik yang bersifat terbatas iaitu hanya sepertiga dari harta peninggalan yang dapat diwasiatkan untuk diserahkan kepada orang lain, kecuali apabila semua ahli waris yang berkelayakan secara hukum faraid menyetujui maka wasiat boleh diberikan lebih daripada nilai sepertiga itu. Sumber hukum wasiat terkandung dalam al-Quran surah Al-Baqarah, ayat 180 iaitu:

*“Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabatnya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”*

Merancang harta melalui instrumen wasiat sangat digalakkan dalam syariat Islam. Misalnya, wasiat *wajibah* dilaksanakan kepada cucu yang terhalang daripada mendapat harta pusaka datuk atau neneknya kerana bapanya meninggal dunia lebih awal atau serentak dengan datuk atau neneknya serta terhalang oleh bapa atau ibu saudara mereka. Justeru, harta peninggalan diberi kepada mereka dengan kadar dan syarat-syarat tertentu sebagai satu bentuk wasiat dan bukannya sebagai harta pusaka (Enakmen Wasiat Orang Islam Kelantan, 2009 & Manual Pengurusan Wasiat Islam, 2010). Konsep wasiat *wajibah* ini pernah dilontarkan oleh Ibn Hazm (t.t) apabila membincangkan mengenai kebijakan waris yang kematian penghubung mereka terlebih awal. Ibn Hazm berpendapat bahawa adalah menjadi tanggungjawab seseorang itu mewasiatkan sebahagian harta pusaka apabila warisnya tidak dapat mewarisi hartanya sama ada kerana perbezaan agama atau kerana terhalang oleh waris yang lebih dekat atau kerana mereka memang tidak berhak mewarisinya. Perbincangan mengenai wasiat *wajibah* ini

amat penting demi untuk menjaga kebajikan waris keturunan yang ditinggalkan.

Menurut prinsip Wasiat Islam, pembahagian sehingga sepertiga daripada aset bersih simati boleh diwasiatkan kepada bukan waris atau waris yang terdinding. Antara perkara yang perlu diambil perhatian dalam pengurusan wasiat adalah seperti digambarkan di rajah 1:



Rajah 1: Pengurusan wasiat

Walau bagaimanapun, isu berkaitan wasiat memerlukan penelitian yang lebih mendalam berdasarkan hukum dan situasi yang pelbagai serta dilaksanakan mengikut undang-undang terpakai.

## Kesimpulan

Setiap individu hendaklah mempunyai perancangan terhadap semua harta yang dimilikinya bagi memastikan manfaat harta tersebut dapat dinikmati secara berterusan sama ada untuk kepentingan dan kebajikan diri sendiri mahupun orang lain. Pelbagai unsur dan faktor yang harus difikirkan dalam mengadakan rancangan ke atas harta yang dimiliki sebelum ianya dilaksanakan bagi mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan berlandaskan kepada prinsip-prinsip hukum syarak melalui kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan dalam Islam. Oleh itu, masalah yang mungkin timbul dalam kalangan keluarga dan masyarakat Islam mampu dielakkan. Tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai kaedah perancangan harta dalam Islam mempunyai keistimewaan tersendiri serta saling melengkapi di antara satu sama lain. Ia wajar diperaktikkan dengan lebih meluas dalam membantu umat Islam merancang pengurusan harta bukan sahaja semasa hidup tetapi juga selepas kematian.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim

Ab Aziz, M. R., & Nordin, N. I., (2015). Perception towards planning of waqf, asiyyah and faraid in Islamic wealth distribution: Malaysian perspective. *Journal of Scientific Research and Development*, 2(12), 13–18.

Abdurrohman, K., (2016). *Wakaf Produktif Untuk Pendidikan: Model Pengelolaan Wakaf Produktif Al-Azhar Asy-Syarif Cairo Mesir*. Yogyakarta.

Asmak, A.R., (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.

Badran, Abu al-'Aynayn., (1985). *Al-Mawarith wa al-Wasiyyah wa al-Hibah fi al-Shariah allislamiyyah wa al-Qanun*. Iskandariyyah: Mu'assasah Syabab al-Jamiah.

Disa, M. N., (2009). Penyelarasan undang-undang pewarisan: Isu dan penyelesaiannya. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 189–215.

Enakmen Wasiat Orang Islam Kelantan, 2009

Hassan, A. S., & Abdul Rashid, R., (2014). The legal rights and duties of administrators and executors of deceased Muslims' property in Malaysia. *The Social Sciences*, 9(2), 98–101.

Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Said., (t.t.). *al-Muhalla*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibrahim Mustafa et al., (t.t.). *al-Mu'jam al-Wasit*. Jil. 2. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.

*Manual Pengurusan Wasiat Islam.*, (2010). Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR),

Jabatan Perdana Menteri. Selangor: Jabatan Perdana Menteri.

Masrur, M., (2017). Konsep Harta Dalam Al Quran dan Hadits. *Jurnal Hukum Islam*, Vol. 15, No. 1, Edisi Jun, p.105.

Mohd Khairy, K. & Azwan, A., (2016). Amalan pembahagian faraid di malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(3), 11-19.

Mohd Zamro. M., (2008). Kertas Kerja dibentangkan dalam Konvokesyen Faraid dan Hibah Kebangsaan.

Mohd Zamro. M., Wafaa'Yusof & Zamzuri. Z., (2006). *Konsep harta dan kepentingan pengurusannya menurut perspektif Islam*. Dlm. Zamzuri Zakaria, Siti Zalikhah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamro Muda, Md. Yazid Ahmad & Mohammad Zaini Yahaya (pnyt.). dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam, hlm (Vol. 10).

Qodri, A., (2014). Harta Benda Dalam Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Penelitian Universitas Jambi: Seri Humaniora*, 16(1), 43455.

Rusnadewi, A.R. & Nor Hisham, A., (2013). Pengurusan harta melalui hibah: kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 5(1), 91-104.

Sabri Salamon., (1989). *Ekonomi Islam pengenalan sistem dan kemungkinan, al-Rahmaniah*. Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia. hlm. 27.

Siti Zalikhah M.N., (2002). *Pengurusan wakaf, wasiat dan Hibah di Malaysia*. Dlm. Mohamad Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad, Anwar Fakhri Omar & Mohd Zamro Muda (pnyt.). Isu Syariah dan Undang- undang Siri 11, hlm. 1.

# COVID-19: PENGADAPTAISAN DAN RISIKO PENGGUNAAN IOT DALAM KALANGAN WARGA EMAS

Nurhanim Najiha binti Rosmadi  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Dzulkifli Mukhtar  
Universiti Malaysia Kelantan  
[dzulkifli@umk.edu.my](mailto:dzulkifli@umk.edu.my)  
[hanim.najiha@gmail.com](mailto:hanim.najiha@gmail.com)

## PENGENALAN

Koronavirus atau lebih dikenali sebagai COVID-19 ialah salah satu kumpulan virus baru yang boleh menyebabkan simptom batuk, selsema, demam dan sukar untuk bernafas bukan sahaja hanya kepada haiwan malah pada manusia juga (Suryati, 2020). Menurut pakar perubatan, kajian telah dijalankan dan mendapati bahawa COVID-19 ialah virus yang mengganggu sistem pernafasan manusia dan memberi jangkitan yang boleh dikategorikan sebagai penyakit berbahaya seperti *Extreme Acute Respiratory System* (SARS) dan *Middle East Respiratory Syndrom* (MERS) (Azizuddin & Hamid, 2020). COVID-19 ialah virus yang tidak diketahui punca dan telah bermula sejak Disember 2019 yang berasal dari Wuhan, China. (Suhaimi, 2020). Pada Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan COVID-19 sebagai wabak pandemik. Menurut kronologi yang dilaporkan oleh Berita Harian (2020), virus ini mula tersebar ke Malaysia pada 25 Januari 2020 oleh warganegara China yang memasuki Malaysia dari Singapura.

Pada ketika itu, jumlah kes COVID-19 masih lagi terkawal dan dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun, pada Mac 2020, kluster tempatan mula tersebar dalam hanya beberapa minggu sahaja sekaligus menjadikan Malaysia antara negara yang mempunyai kes tertinggi di Asia Tenggara. Pada akhir Mac 2020, kes telah mencapai angka 2,000 dan mula menyebabkan KKM bertindak untuk melakukan persediaan dengan menyediakan peralatan perubatan kritikal yang akan digunakan untuk mengawal kes COVID-19 seperti topeng muka dan sarung tangan getah (Elengoe, 2020). Kini, meskipun premis perniagaan telah banyak dibuka semula namun perlu mematuhi menjaga Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat (Rahman, 2020). Dalam usaha menurunkan kes, SOP mestilah dipatuhi dengan amalan norma baru seperti memakai topeng muka ketika keluar dari rumah di samping menjaga penjarakan sosial di premis yang dibuka. Wabak ini secara langsung telah mengubah kehidupan harian dan menyumbang kepada pertumbuhan

perniagaan yang lain seperti perniagaan dalam talian atau e-dagang seperti Shopee dan Lazada (Mohamed, 2020). Walaupun perniagaan dalam talian berkembang pesat, golongan warga emas masih tidak mahir menggunakan Internet dan Internet of Thing (IoT) tetapi perlu mengadaptasikan penggunaannya di kala pandemik dalam kehidupan harian (Mohamed, 2020).

### Apa itu IoT?

Pada era pandemik ini, penggunaan telefon bimbit dan internet penting dalam kehidupan harian tanpa mengira profil pengguna. Hal ini demikian kerana pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membataskan pergerakan rakyat. Oleh kerana pandemik COVID-19 yang melanda, penggunaan internet menjadi satu keperluan harian dalam urusan jual beli, pembelajaran dan bekerja dari rumah (Sabran, 2020). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), pada 10 April 2020 sehingga 1 Mei 2020 di mana fasa kedua PKP, sebanyak 4,094 buah syarikat telah terkesan akibat pandemik COVID-19 dan 33.5 peratus daripadanya mengamalkan bekerja dari rumah untuk mengelakkan penularan wabak ini. Pekerja mula berkerja secara dalam talian dan boleh datang ke tempat kerja sekiranya berkeperluan dan perlulah direkodkan. Kerajaan Malaysia juga mengambil inisiatif mencipta aplikasi MySejahtera untuk memudahkan urusan kebolehkesanannya sekiranya sesuatu tempat dicemari dengan wabak COVID-19 (Roslan, 2020).

Walau bagaimanapun, ada segelintir masyarakat yang masih tidak mahir menggunakan telefon bimbit dan internet terutamanya golongan warga emas. Hal ini menyukarkan mereka untuk bergerak keluar dari rumah kerana

imbasan kod MySejahtera sudah menjadi satu kemestian untuk memasuki mana-mana premis (Adnan, 2021). Selain itu, sebahagian besar premis perniagaan juga hanya menerima pembayaran tanpa tunai menggunakan kad bank atau pemindahan dalam talian (Tayep, 2021). Pembelian dalam talian mendapat permintaan yang tinggi semasa (PKP) dijalankan dan menjadikan perubahan yang besar bagi industri e-dagang. Aplikasi pembelian dalam talian seperti Shopee dan Lazada merekodkan kenaikan pendapatan sebanyak 80 peratus semasa PKP. Tidak ketinggalan 1.3 peratus daripada pembeli adalah warga emas (Ho, 2020). Justeru, ia wujud keperluan bagi golongan warga emas untuk lebih meneroka aspek ini sekaligus mengadaptasi norma baharu ini. Ia merupakan satu bentuk kemajuan teknologi internet di mana semua maklumat dan data boleh didapati di internet (Yusuf & Tahir, 2017). Ia juga dapat memberikan maklumat dan pengetahuan yang baru sekaligus meningkatkan kecekapan dan kualiti hidup. Banyak perniagaan telah menggunakan IoT sebagai platform untuk menghubungkan mereka dengan teknologi yang berbeza seperti e-hailing, e-wallet dan juga e-zakat (Ibrahim, 2016).

Hal ini membolehkan mereka menerima, menghantar dan saling berinteraksi antara satu sama lain dalam kehidupan harian dengan norma baharu. Menurut Columbus (2018) pada tahun 2018 kapasiti IoT telah meningkat kepada RM 21 trilion dimana ia meningkat dua kali ganda berbanding pada 2017 disebabkan oleh peningkatan transaksi dalam talian. Di Malaysia, IoT mempunyai peluang besar dalam sektor ekonomi. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan dijangka IoT akan mengumpul sebanyak RM890 bilion pendapatan negara yang mana RM6,100 bilion pendapatan dari dalam Malaysia dengan kadar kenaikan

34.1 peratus di Asia Pasifik. Selain itu, Bernama, (2021), turut melaporkan bahawa Malaysia juga telah dikategorikan sebagai tempat yang baik untuk merebut peluang ekonomi dengan pertumbuhan pesat dalam bidang IoT. Sebagai pendekatan dinamik, IoT merangkumi semua bahagian di internet termasuk analitik, perisian dan lain-lain penggunaan telefon bimbit. IoT bukan satu perkara yang mudah bagi golongan warga emas kerana mereka jarang menggunakan ataupun tidak pernah menggunakan (Sazili, 2015). Apabila mula memasuki usia yang lewat, mungkin segelintir masyarakat memikirkan bahawa ia bukanlah satu keperluan untuk menyertai kegiatan yang di luar zon mereka seperti penggunaan telefon bimbit, internet dan sosial media.

### Golongan Warga Emas dan IoT

Dasar Warga Emas Negara (2011) mendefinisikan warga emas sebagai individu yang berumur 60 tahun ke atas seperti yang diterima pakai dalam *United Nation World Assembly on Ageing* di Vienna (PBB, 1982) dan dalam kalangan negara-negara ASEAN. Namun, di negara yang membangun seperti Brazil, China dan Qatar mereka menggolongkan golongan warga emas bermula dari usia 65 tahun dan ke atas yang mana dilihat dari segi kestabilan ekonomi (Xiang, 2019). Tahap pendidikan dan jangka hayat yang lebih lama juga diambil kira sebagai kayu ukur untuk menentukan definisi warga emas berbanding negara-negara lain. Definisi ini telah ditentukan berdasarkan kalender bertepatan dengan umur mereka. Di Malaysia perkataan “tua” tidak lagi digunakan untuk mendefinisikan golongan warga emas kerana terma tua itu lebih rumit dan merujuk kepada aspek neurologi, biologi dan fungsi (Bahari, Madlan & Wider, 2017). Istilah tua atau muda telah digunakan secara meluas dan

bagi orang-orang yang berumur 65 tahun hingga 75 tahun dikategorikan sebagai warga emas (Sulaiman, 2020).

Menurut Dasar Warga Emas Negara (2011), definisi pgunaan boleh dibahagikan kepada lima (5) kategori iaitu pgunaan positif, pgunaan aktif, pgunaan produktif dan pgunaan menyokong. Bagi pgunaan positif ia dapat didefinisikan sebagai usaha ke arah gaya hidup sihat dan membentuk sistem kesihatan yang lebih baik serta mewujudkan persekitaran dan komuniti yang mengutamakan kesihatan. Manakala pgunaan positif dapat ditakrifkan sebagai pegangan kepercayaan dan nilai positif yang menjadi tunjang kehidupan dan jati diri warga emas sebagai panduan dalam kehidupan serta sikap dan pandangan positif terhadap pgunaan. Istilah tua juga boleh dipecahkan dengan terma pgunaan aktif yang merujuk kepada proses mengoptimalkan peluang dan penglibatan warga emas dalam keluarga dan masyarakat ke arah mendayaupayakan warga emas untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Aspek ini merangkumi kuantiti, kualiti dan skop jaringan sosial, peranan timbal balik dan hubungan antara generasi yang wujud sepanjang hayat. Pgunaan produktif merujuk kepada kapasiti penglibatan warga emas untuk menyumbang dalam bentuk aktiviti kerja bergaji atau sukarela yang dapat memberi makna dan kepuasan dan pgunaan menyokong merujuk kepada persekitaran dalaman dan luaran yang mesra warga emas bagi membolehkan warga emas berfungsi dengan baik. Persekitaran yang memboleh dan membantu dapat mengurangkan ketidakupayaan yang dialami individu dan akan menggalakkan penglibatan warga emas dalam masyarakat. Aspek ini juga mengambil kira penggunaan teknologi bagi membantu warga emas hidup berdikari.

Jadual 1: Peratusan penduduk warga emas di Malaysia pada tahun 2017 sehingga 2019.

Tahun	Jumlah (Orang)	Peratusan
2017	2,001,600	7.28%
2018	2,094,700	6.47%
2019	2,186,100	6.71%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

Jadual 1: Peratusan penduduk warga emas di Malaysia pada tahun 2017 sehingga 2019 menunjukkan penurunan pada tahun 2018 dan peningkatan pada tahun 2019. Berikutan dengan kes COVID-19 yang kian meningkat dan semakin merebak, ini sangat merisaukan terutamanya bagi golongan warga emas kerana mereka mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti (Ellin, 2020). Oleh itu, pihak Kerajaan Malaysia menyediakan kemudahan aplikasi MySejahtera yang sedikit sebanyak juga membantu warga emas untuk meneruskan kehidupan harian di musim pandemik ini dengan pantauan jarak jauh oleh ahli keluarga. Dengan menggunakan aplikasi MySejahtera yang telah disediakan oleh Kerajaan Malaysia, ahli keluarga dapat memantau samada kawasan yang diduduki oleh warga emas itu adalah dikategorikan sebagai zon hijau, kuning atau merah. Selain itu, aplikasi MySejahtera juga membantu melaporkan peningkatan kes di kawasan yang berdekatan (Ellin, 2020). Dari segi untuk memastikan warga emas atau penjaga mereka mendapat bekalan makanan yang cukup, ahli keluarga boleh membuat pesanan melalui aplikasi Grab Food atau Food Panda yang mana juga dikategorikan sebagai perniagaan e-dagang. Dalam hal ini, ahli keluarga dapat memastikan warga emas masih mempunyai bekalan makanan walaupun dalam jarak jauh (BERNAMA, 2020).

Walaupun penggunaan internet sangat jarang berlaku dalam kalangan warga emas, masih ada lagi warga emas yang merasakan IoT adalah penting dalam kehidupan sebagai peluang mengembangkan diri. Ramai warga emas merasakan kesukaran menggunakan internet namun masih ada yang menggunakannya dalam kehidupan harian terutamanya semasa wabak ini. Sebahagian daripada mereka menjadikan IoT sebagai medium untuk menghubungkan mereka dengan keluarga dan saudara kerana tidak dapat berjumpa ketika dalam tempoh PKP (Saini, 2019).

Kisah Puan Rahimah yang telah dilaporkan di dalam Berita Harian (2019) walaupun usianya hampir mencécah 66 tahun, beliau masih berusaha untuk belajar menggunakan aplikasi WhatsApp dan Facebook kerana baginya aplikasi itu adalah medium beliau mendapat maklumat dan berita (Saini, 2019). Sekiranya dahulu, warga emas suka membaca berita melalui surat khabar Puan Rahimah kini cuba mengadaptasikan penggunaan telefon bimbit untuk membaca berita. Beliau juga pernah menghadiri beberapa kursus mengenai IoT seperti penggunaan media sosial seperti Facebook dan Youtube anjuran Akademi Warga Emas Nasional Berhad. Pada mulanya dia berasa kekok untuk menyesuaikan diri. Menurutnya lagi, Facebook juga dapat menghubungkan beliau bersama rakannya yang telah lama terpisah sejak 40 tahun yang lalu. Beliau membuktikan bahawa golongan warga emas juga boleh mengadaptasi penggunaan IoT dalam kehidupan harian.

*“Saya juga belajar menggunakan aplikasi seperti WhatsApp. Ini semua membantu saya dalam kehidupan harian seperti mencari lokasi destinasi, mencari maklumat terkini, dan mendapatkan berita terkini. Tapi lebih penting lagi, aplikasi seperti Facebook dan WhatsApp, menghubungkan saya dengan sahabat lama, selain anggota keluarga,” -Puan Rahimah.-*

Melihat kepada situasi ketika pandemik ini, tindakan oleh Puan Rahimah tersebut merupakan suatu bentuk anjakan yang bagus untuk dirinya supaya boleh mengadaptasi dengan norma baharu ini dengan lebih baik. Beliau turut melibatkan diri dengan urusan-urusan transaksi atas talian untuk memenuhi keperluan peribadinya. Walau bagaimanapun, kajian mengenai warga emas dan IoT bukanlah sesuatu yang baru, ia juga acapkali dilakukan meskipun seringkali difokuskan kepada golongan remaja dan belia (Xie, 2007).

Walau bagaimanapun, penggunaan IoT ini perlu juga dikawal penggunaannya dalam golongan warga emas kerana ada segelintir masyarakat yang cuba mengambil kesempatan untuk menipu wang mereka. Seperti yang telah dilaporkan di Sinar Harian (2020), pada Disember 2020 seorang warga emas yang berusia 67 tahun mengalami kerugian sebanyak RM1.8 juta yang disyaki terpedaya dengan sindiket Macau Scam (Ismail, 2020). Siasatan mendapat bahawa lelaki yang disyaki dalam kes penipuan ini menyamar sebagai kakitangan Pos Laju dan anggota polis dan mendakwa terdapat bungkusan atas nama mangsa yang mengandungi kad mesin juruwang automatik dan MyKad. Kerana takut dengan ugutan mangsa bertindak mengikut segala arahan dan memindahkan wang simpanan. Menurut beliau, pemindahan dibuat secara berperingkat kepada 29 akaun bank yang berlainan (Ismail, 2020).

Pada September 2020, telah dilaporkan juga seorang warga emas berusia 90 tahun mengalami kerugian sebanyak RM3.83 juta akibat daripada penipuan sindiket yang sama. Modus operandi yang digunakan adalah sama dengan menyamar sebagai kakitangan Pos Laju dan anggota polis. Kerana ugutan dan tanpa pemantauan, mangsa menyerahkan semua simpanannya kepada mereka (BERNAMA, 2020). Melihat kepada situasi itu, biarpun kebaikan IoT tidak dapat dinafikan, penggunaan IoT oleh warga emas perlu dipantau kerana mereka mudah terpedaya dengan sogokan dan ugutan.

## Kesimpulan

Di musim wabak ini, penggunaan IoT sangat penting bagi setiap lapisan masyarakat hatta warga emas sekalipun. Ini telah memberi banyak kesedaran bahawa teknologi mampu membantu memudahkan sebahagian daripada urusan-urusan kehidupan harian. Amalan pembelian dalam talian dan mengimbas kod MySejahtera perlu diteruskan agar kesihatan golongan warga emas sentiasa dijamin. Walaupun wabak masih belum menunjukkan tanda berhenti, remaja harus merebut peluang ini untuk mengembangkan potensi diri dengan memulakan aktiviti baru di rumah atau melalui dalam talian. Walaupun ada kesulitan yang dilalui dengan semua sekatan dari segi prosedur yang dikenakan oleh kerajaan, ini bukan alasan utama untuk membelakangkan warga emas dengan penggunaan IoT. Penilaian berkaitan keberkesanan IoT terhadap warga emas perlu dijalankan agar ia tidak merugikan mana-mana sumber sebagai contoh menyediakan IoT kepada golongan warga emas walhal mereka tidak mahir menggunakaninya. Walaupun penggunaan IoT sering difokuskan kepada golongan remaja dan belia, tidak dinafikan ia juga

penting buat golongan warga emas khususnya kepada mereka yang jauh daripada ahli keluarga. Penggunaan IoT oleh warga emas perlulah dipantau oleh ahli keluarga yang lain untuk mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa penipuan. IoT ini sangat berpotensi bukan sahaja membantu menghubungkan hubungan yang jauh tetapi juga memudahkan urusan mereka yang tidak berkemampuan untuk melaksanakannya secara sendirian. Pembangunan yang berpotensi bukan hanya untuk memperoleh pendapatan tetapi juga membantu masyarakat menjadi sebahagian daripada pembangunan dari segi emosi.

## Rujukan

- Abidin, M. Z. Z., & Firdaus, A. S. (2016). Cabaran Dan Pengadaptasian Warga Emas Dalam Persekutaran Jaringan Digital. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1).
- Adnan, A. S. (2021, Februari 9). Penggunaan My Sejahtera diwajibkan di Kawasan capaian internet meluas.
- Azizuddin, M. A. & Hamid, I. J. (2020, Oktober 12). 9 Fakta Mengenai COVID-19 Bernama. (2020, Mac 21). Perkhidmatan penghantaran bantu pengusaha restoran, orang ramai.
- Bernama. (2020, September 7). Warga emas 90 tahun rugi 3.83 juta diperdaya Macau Scam.
- Bustamam, U. S (2020). Stay At Home: We Will Care For You...
- Columbus, L. (2018). IoT market predicted to double by 2021, reaching \$520 billion. <https://www.bloomberg.com/professional/blog/iot-market-predicted-double-2021-reaching-520-billion/>
- Department of Statistic Malaysia. Summary of findings: special survey effects of COVID-19 on economy and companies. Retrieved from <https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Infographic.pdf?fbclid=IwAR2Aylkk6Gb5AKaQ9-UwO0o9ozcivFQseOlFKRuTbw5EoglyqJBDszolgk>
- Department of Statistics Malaysia. (2020) Current population Estimates, Malaysia, 2016-2020.
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia. *Osong public health and research perspectives*, 11(3), 93–100. <https://doi.org/10.24171/j.phrp.2020.11.3.08>
- Ellin, M. R. (2020, Oktober 5). Komuniti perlu bantu warga emas, penjaga harungi wabak. Berita Harian Online.
- Ibrahim, S. (2006). Sistem perniagaan internet: Anggunasia. com (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Idris, R. & Muzamir, M. Y. (2020. Disember 2). COVID-19: KPWKM sedia pelbagai perlindungan, bantuan kepada waraga emas. Berita Harian.

Ilias, K., & Ladin, C. A. (2018). Pengetahuan dan kesediaan Revolusi Industri 4.0 dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. O-JIE: Online Journal of Islamic Education, 6(2), 18-26.

Ismail, A. I. (2020, Disember 19). Warga emas rugi RM 1.8 juta diperdaya Macau Scam. Sinar Harian.

MIMOS. (2014). National Internet of Things (IoT) Strategic Roadmap  
[http://www.mimos.my/iot/National\\_IoT\\_Strategic\\_Roadmap\\_Book.pdf](http://www.mimos.my/iot/National_IoT_Strategic_Roadmap_Book.pdf)

Mohamad, H. F. (2020, Mei 17). COVID-19 Ionjak penggunaan e-dagang. Berita Harian Online.

Nor. S. M. (2020, April 27). Risau dijangkiti wabak merbahaya? Ketahui perbezaan demam biasa dan gejala COVID-19.

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). <https://penjana.treasury.gov.my>

Rahman, H. Y (2020, Oktober 8). Ayuh Kembali bersoladiriti perangi COVID-19. Berita Harian Online.

Roslan, A. (2020, Mei 4). Rakyat Malaysia disaran muat turun aplikasi MySejahtera dan MyTrace.

Sazili, S. (2015, September 17). Memartabatkan warga emas. Berita Harian Online.

Suhaimi, K. (2020, Januari 25). Apa itu koronavirus di China dan perkara yang anda perlu tahu tentangnya.


Sulaiman, N. A. (2020, Disember 19). Definisi umur warga emas 65 tahun hanya cadangan JKM. Berita Harian Online.

Tayep, M. S. (2021, Februari 17). Empat saluran pembayaran tanpa tunai popular di Malaysia.

World Health Organization. (2020). WHO announces COVID-19 outbreak a pandemic.  
<https://www.euro.who.int/en/health-topics/health-emergencies/coronavirus-covid19/news/news/2020/3/who-announces-covid-19-outbreak-a-pandemic#:~:text=COVID%2D19%20can%20be,growing%20number%20of%20countries>

Yusof, M. N. M., & Tahir, Z. (2017). Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. e-BANGI, 12(3), 1-10.

Zuki. N, M. (2020, Oktober 24). Trend beli-belah online meningkat.



# **PERBEZAAN CABARAN PDPR DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH SERTA KESANNYA TERHADAP PEMBINAAN KARAKTER KANAK-KANAK**

**Abdul Rahim Abd. Jalil**  
Universiti Sains Islam Malaysia

**Mohd Zulkifli Muhammad**  
Universiti Malaysia Kelantan

## **PENGENALAN**

Tiada siapa sangka tahun 2020 akan menjadi tahun yang paling memeritkan bagi semua tidak kira siapa dan di mana kita berada. Fenomena yang berpunca daripada virus COVID-19 yang berasal dari China ini bukan hanya berbahaya kepada kesihatan malah juga memudaratkan ekonomi. Impak daripada COVID-19 ini amat dirasai di negara kita apabila 305,880 orang rakyat telah dijangkiti virus ini dan 1,148 orang yang telah menjadi korban mengikut data yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga Mac 2021 (KKM,2021). Dan yang lebih menyedihkan adalah terdapat lebih 800 ribu orang rakyat Malaysia yang telah kehilangan pekerjaan (Nasaruddin, Luqman, 2020). Malah Jabatan Perangkaan Negara juga

melaporkan bahawa hampir 773,000 orang telah menjadi penganggur, dan kadar itu telah meningkat kepada 4.8 peratus pada Disember 2020 (Najib, 2021). Selain itu, pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah merekodkan bahawa lebih daripada 4,500 buah perniagaan telah ditutup sepanjang tempoh penularan pandemik yang disebabkan COVID-19 ini (Syamsul, 2020). Walaupun vaksin untuk penyakit ini sudah ditemui, akan tetapi penyebaran virus ini masih belum dapat diatasi sepenuhnya berikutan masih ramai lagi yang belum mendapat suntikan vaksin tersebut. Justeru, buat masa ini penjarakan sosial masih lagi menjadi cara utama untuk memutuskan rantai COVID-19.

Dalam mendepani krisis COVID-19 ini, sektor pendidikan juga tidak terkecuali daripada terkena impak daripada COVID-19. Terdapat banyak keluhan ibu bapa yang amat risau akan keselamatan anak-anak mereka ketika berada di sekolah (Bernama, 2020). Meskipun guru sentiasa memantau pelajar-pelajar mereka, namun, sikap kanak-kanak yang suka bermain bersama teman-teman mereka memberikan kesukaran untuk guru-guru dalam memastikan penjarakan sosial dan prosedur operasi standard sentiasa dipatuhi oleh pelajar-pelajar mereka (Fakhrull, 2020).

Justeru, antara cadangan daripada pihak kerajaan adalah meneruskan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) bagi memastikan tidak wujudnya rangkaian atau kluster baharu dalam kalangan pelajar dan guru di sekolah. Malah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan sentiasa memperhalusi dan menambah baik kaedah pembelajaran itu (Faris, 2021). Tidak dinafikan, sama ada proses pembelajaran di sekolah ataupun PdPR, kedua-duanya ada cabarannya yang tersendiri. Namun begitu, buat masa ini, PdPR adalah antara jalan terbaik bagi memutuskan rantaian COVID-19 kerana para pelajar tidak perlu keluar dari rumah untuk belajar (UmaVathi, 2020). Oleh itu, dalam artikel pada kali ini, penulis akan membincangkan perbezaan cabaran PdPR dan di sekolah serta kesannya dalam pembentukan karakter kanak-kanak.

#### **Perbezaan Cabaran PdPR dan Pembelajaran di sekolah**

Antara cabaran PdPR dan di sekolah ialah proses pemantauan kehadiran pelajar ke dalam kelas. Menurut Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), jumlah pelajar yang mengikuti kelas PdPR hanya sekitar 20 hingga 30 peratus sahaja

(Anwar, 2020). Perkara seperti ini amat mendukacitakanparaguruberikutjumlah kehadiran pelajar ke kelas atas talian yang kurang memberangsangkan (Bernama, 2021). Malah, menjadi kerisauan buat para guru sekiranya anak murid mereka mereka alasan tentang ketidakhadiran mereka ke kelas adalah kerana tiada capaian Internet atau tiada gajet untuk kelas dalam talian bagi menipu guru mereka.

Manakala untuk proses pembelajaran yang dilakukan di sekolah pula, walaupun masih terdapat pelajar yang tidak hadir ke sekolah, namun tidaklah sebanyak yang berlaku kepada PdPR dan guru dapat memantau kehadiran pelajar ke sekolah. Malah, jika mereka tidak hadir sekalipun, para guru dapat mengenal pasti masalah ketidakhadiran pelajar tersebut di sekolah. Sekiranya masalah tersebut berlaku berulang kali, pihak sekolah boleh membuat laporan kepada ibu bapa mereka selain mengenakan tindakan tatatertib kepada pelajar tersebut.

Selain itu, perkara yang menjadi cabaran buat guru adalah untuk memantau dan membentuk akhlak serta sahsiah pelajar-pelajar. Menerusi PdPR, guru-guru tidak lagi dapat memantau kelakuan dan adab pelajar-pelajar mereka. Seperti yang kita sedia maklum, sekolah bukan sahaja tempat untuk belajar ilmu akademik, malah sekolah juga adalah tempat pembentukan sahsiah murid-murid seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Khairi, 2010). Perkara ini menjadi cabaran terbesar bagi guru, kerana dalam pembentukan sahsiah murid, guru-guru perlu mengajar mereka secara praktikal, dan tidak cukup hanya teori. Guru-guru berperanan untuk menunjukkan contoh teladan yang baik kepada murid-murid khususnya kepada kanak-kanak supaya perkara itu boleh dicontohi oleh mereka (Latifah, 2012).

Malah, yang lebih menyediakan adalah telah tular isu-isu yang tidak menyenangkan berhubung dengan adab pelajar ketika berada di kelas dalam talian baru-baru ini. Seorang pelajar tingkatan satu telah mengganggu proses PdPR dengan menayangkan video lucu (Sinar Harian, 2021). Perkara seperti ini telah merunsingkan para guru tentang bagaimana cara untuk menerapkan adab dalam diri pelajar menerusi PdPR.

Manakala, cabaran untuk membentuk sahsiah murid-murid ketika berada di sekolah adalah kurang sedikit berbanding PdPR. Hal ini kerana, apabila berada di sekolah guru-guru dapat memantau adab dan akhlak para pelajar dengan lebih jelas dan sekiranya mereka melakukan kesalahan mereka akan ditegur atau didenda oleh pihak sekolah. Akan tetapi, cabaran yang perlu dihadapi ketika itu adalah apabila ada pelajar-pelajar yang kurang hormat kepada guru. Segala teguran guru itu langsung tidak diambil peduli bahkan ada di antara mereka yang berani untuk melawan guru (Jalil, 2019).

Dalam pada itu, untuk mengekalkan fokus dan tumpuan pelajar juga menjadi cabaran kepada guru-guru. Memberikan tumpuan ketika di dalam kelas ialah sesuatu yang penting kerana sekiranya pelajar hilang tumpuan, prestasi pelajaran mereka akan merosot (Aziz, 2014). Seperti yang kita sedia maklum, untuk mengekalkan tumpuan pelajar secara 100 peratus ketika berada di dalam kelas ialah sesuatu perkara yang mustahil. Sifat anak-anak yang mudah terganggu atau cepat bosan dan suka bermain adalah sesuatu yang normal (Zaleha, 2017). Akan tetapi, cabaran ini bertambah berpuluhan kali ganda di dalam PdPR. Apatah lagi, sekiranya capaian Internet tidak kuat dan video menjadi perlahan, ini sangat mengganggu fokus pelajar dan menambahkan kebosanan mereka.

Justeru, mereka lebih rela untuk bermain daripada teruskan belajar (Kamariah, 2021). Bagi pembelajaran di sekolah pula, cabaran yang perlu dihadapi adalah bagaimana hendak untuk mengekalkan tumpuan pelajar sepanjang mereka di dalam kelas. Walaupun pada permulaan kelas pelajar tersebut boleh memberikan tumpuan sepenuhnya, akan tetapi sekiranya tidak diatasi dengan baik, pelajar itu akan kehilangan tumpuan seiring kelas berjalan (Bestari, 2017).

Cabaran seterusnya adalah, untuk memastikan murid memahami apa yang diajar ketika di kelas. Menerusi PdPR, perkara seperti ini amat sukar untuk dilakukan. Seperti yang kita sedia maklum, menerusi kelas dalam talian, para pelajar lebih gemar mendiamkan diri dan menutup video mereka. Malah, tugas yang diberikan oleh guru juga masih ada yang tidak menghantarkannya untuk disemak oleh guru atas sebab-sebab tertentu (Marlinda, 2021).

Oleh itu, guru-guru tidak tahu sama ada pelajarnya faham atau tidak tentang apa yang mereka telah ajarkan. Untuk pembelajaran di sekolah pula, guru-guru boleh memastikan sama ada pelajarnya faham atau tidak apa-apa yang diajarkan melalui riak wajah yang tunjukkan oleh para pelajar mereka dan mereka juga boleh pergi berjumpa seorang demi seorang, dan bertanya mereka sendiri adakah kemusykilan yang bermain di minda mereka, dan sekiranya ada, guru tersebut boleh menjawab secara langsung. Akan tetapi, ada sebilangan pelajar yang tidak faham dan tidak mahu bertanya yang menyebabkan guru runting untuk memikirkan bagaimana caranya untuk memastikan pelajar tanya tentang soalan yang bermain di fikiran mereka (Husham, 2016).

## **Kesan PdPR terhadap pembinaan sikap kanak-kanak**

Antara kesan PdPR terhadap pembinaan sikap kanak-kanak adalah pertama, kurang menghormati guru yang sedang mengajar. Hal ini kerana, amat sukar untuk guru memantau kelakuan pelajar mereka yang berada di rumah dan perkara ini menyebabkan kebanyakan pelajar mengambil remeh dan tidak mengendahkan tugas yang diberikan kepada mereka. Oleh itu, walaupun terdapat rungutan daripada pihak ibu bapa yang mengatakan mereka tertekan dan tidak mampu untuk memantau PdPR anak-anak mereka, akan tetapi, mereka terpaksa dan mestilah melakukan pemantauan terhadap anak-anak mereka (Fazlizai, 2021).

Hal ini kerana, dikhuatiri jika tidak diberi pengawasan yang ketat oleh ibu bapa, akan ada potensi untuk menjadikan kanak-kanak itu kurang beradab sopan terhadap guru mereka. Selain itu, ibu bapa juga perlu menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak mereka dengan menjaga tutur kata ketika bercakap di telefon mahupun menulis di media sosial (Bibi, 2021). Anak-anak ialah cerminan ibu bapa, sekiranya baik ibu bapa maka anak akan terbentuk dengan baik.

Kesan seterusnya ialah kanak-kanak sukar untuk memberikan tumpuan di dalam kelas. Umum mengetahui bahawa kanak-kanak amat mudah terganggu dan gemar untuk bermain. Apatah lagi pada masa kini, kanak-kanak telah diajar atau diberikan gajet sewaktu usia mereka masih kecil lagi. Perkara ini menambahkan lagi kesulitan mereka untuk memberikan tumpuan sepenuhnya di dalam kelas kerana dalam pemikiran mereka gajet ialah tempat untuk bermain permainan atas talian. Namun, dalam PdPR mereka ‘terpaksa’ menukarkan gajet dalam alat permainan menjadi alat bantuan pembelajaran. Isu seperti ini yang

menjadi kerisauan buat kebanyakan ibu bapa di luar sana dan tidak terkecuali guru yang mengajar (Bernama, 2021).

## **Kesimpulan**

Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran sama ada melalui PdPR maupun di sekolah mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Namun, maslahat menjaga nyawa bagi memutuskan rantaian wabak perlu diberikan keutamaan meskipun ianya memberikan kesan-kesan lain dari aspek fizikal dan insaniah untuk PdPR yang mesti dihadapi oleh rakyat Malaysia. Justeru, semua pihak perlu memberikan kerjasama untuk memastikan cabaran ini dapat diatasi dengan baik sekali gus membentuk pelajar-pelajar yang bukan sahaja cemerlang daripada segi akademik, bahkan cemerlang juga daripada segi sahsiah.

Ibu bapa perlu bertanggungjawab untuk menjadi pengawas dan juga guru disiplin anak-anak dengan memastikan kehadiran dan juga kelakuan mereka baik sepanjang PdPR berlangsung. Hal ini kerana, sewaktu PdPR, pihak guru dan juga sekolah tidak mampu untuk melakukan semua itu. Justeru, ibu bapa perlu memainkan peranan untuk mendidik dan juga menghukum anak-anak mereka sekiranya mereka melakukan kesalahan.

Selain itu, guru-guru perlu lebih kreatif dalam penyampaian mereka dan melakukan aktiviti yang menarik minat pelajar untuk terus memberikan tumpuan sepanjang PdPR berlangsung untuk memastikan pengajaran mereka dapat difahami dengan baik oleh pelajar-pelajar mereka. Para pelajar juga perlu memainkan peranan mereka secara aktif, dengan menghadiri setiap kelas PdPR yang diadakan, sentiasa menjaga tutur kata dan menghormati guru serta bertanya kepada guru sekiranya terdapat perkara yang tidak difahami sepanjang guru mengajar.

## Rujukan

- Anwar, N. (23 June, 2020). *Hanya 20-30 peratus murid ikuti PdP dalam talian*. Retrieved from Berita Harian : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703364/hanya-20-30-peratus-murid-ikuti-pdp-dalam-talian>
- Aziz. (2014). *Faktor, kesan dan strategi menangani permasalahan kurang tumpuan pelajar sekolah menengah di dalam kelas: suatu*. Tanjung Malim: Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia.,
- Bernama. (14 July, 2020). *Normal baharu persekolahan jaminan keselamatan murid*. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/92078/BERITA/Nasional/Normal-baharu-persekolah-jaminan-keselamatan-murid>
- Bernama. (24 January, 2021). *Pdpr: Cabaran guru, pelajar dan ibu bapa*. Retrieved from Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/667475/pdpr-cabaran-guru-pelajar-dan-ibu-bapa>
- Bestari. (4 September, 2017). *Hilang fokus dalam kelas*. Retrieved from Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/bestari/2017/09/260331/hilang-fokus-dalam-kelas>
- Bibi, T. (8 February , 2021). *Jaga adab, sopan berkomunikasi ketika PdPR*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/renanca/minda-pembaca/2021/02/784137/jaga-adab-sopan-berkomunikasi-ketika-pdpr>
- Fakhrull, R. (3 June, 2020). *Buka sekolah: Cikgu bersedia, tapi bimbang penjarakan sosial pelajar*. Retrieved from MalaysiaKini: <https://www.malaysiakini.com/news/528527>
- Faris. (11 February, 2021). *KPM sentiasa perhalusi, teliti kaedah PdPR*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/785205/kpm-sentiasa-perhalusi-teliti-kaedah-pdpr>
- Fazlizai. (17 January, 2021). *Segelintir ibu bapa tertekan PdPR, tidak mampu pantau terpaksa bekerja*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/segelintir-ibu-bapa-tertekan-pdpr-tidak-mampu-pantau-terpaksa-bekerja-278300>
- Husham. (5 August , 2016). *Malu biar bertempat*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/08/180057/malu-biar-bertempat>
- Jalil. (27 June , 2019). *Apabila murid berani menghina cikgu...* Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/34586/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Apabila-murid-berani-menghina-cikgu>
- Kamariah. (26 January, 2021). *PdPR : Susahnya Internet ‘slow’, belajar pun tak fokus*. Retrieved from Malaysia Gazette: <https://malaysiagazette.com/2021/01/26/pdpr-susahnya-internet-slow-belajar-pun-tak-fokus/>

- Khairi, A. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM - SEA Journal of General Studies II*, 118.
- KKM. (3 March , 2021). Retrieved from <http://COVID-19.moh.gov.my/>
- Latifah, N. H. (2012). PENERAPAN NILAI MURNI DAN PEMBENTUKAN. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 52-53.
- Marlinda. (1 February, 2021). *Guru, ibu bapa dan pelajar berdepan cabaran PdPR*. Retrieved from Utusan Borneo: <https://www.utusanborneo.com.my/2021/02/01/guru-ibu-bapa-dan-pelajar-berdepan-cabaran-pdpr>
- Najib. (8 February, 2021). *Hampir 773,000 menganggur setakat Disember 2020 - Jabatan Perangkaan*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hampir-773000-menganggur-setakat-disember-2020-jabatan-perangkaan-281899>
- Nasaruddin, Luqman. (2020). 800,000 hilang kerja sejak COVID-19 melanda. *Berita Harian*.
- Syamsul. (29 July, 2020). *COVID-19: Lebih 4,500 perniagaan ditutup dalam empat bulan*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-lebih-4500-perniagaan-ditutup-dalam-empat-bulan-253197>
- UmaVathi. (26 March, 2020). *Tidak keluar rumah pilihan terbaik putuskan rantaian COVID-19 - Tun M*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-keluar-rumah-pilihan-terbaik-putuskan-rantaian-covid19-tun-m-235364>
- Zaleha. (2017). PERKEMBANGAN MAIN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK. *Jurnal Sains Sosial*, 144.



# **COVID-19: REALITI PELBAGAI PERANAN WANITA UNTUK MENGIMBANGI KEHIDUPAN-KERJAYA**

**Abdul Rahim Abd. Jalil**  
Universiti Sains Islam Malaysia

**Mohd Zulkifli Muhammad**  
Universiti Malaysia Kelantan

## **PENGENALAN**

Proses industrialisasi dan urbanisasi telah meninggalkan kesan yang paling penting ke atas status dan pelbagai peranan kaum wanita. Akibat daripada kedua-dua proses itu, terdapat ramai kaum wanita yang telah menceburkan diri dalam pekerjaan di luar rumah (Adnan, 2017). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa peluang pekerjaan yang ada telah memindahkan wanita dari ruang domestik ke ruang awam di mana mereka memegang pelbagai jawatan dalam sektor tertentu (Bakar, 2012). Justeru itu, terdapat beberapa pekerjaan profesional di negara Malaysia seperti pakar sakit puan, doktor perubatan, peguam, akauntan dan doktor gigi telah didominasi oleh kaum wanita (Sidek, 2017). Tambahan pula, kini lebih ramai golongan wanita memainkan peranan penting bukan sahaja dalam keluarga tetapi juga sebagai penggubal dan pelaksana dasar di semua negara dalam dunia ini (Apdal, 2020).

Penularan wabak COVID-19 juga telah memberi impak yang besar dan telah mengubah corak kehidupan manusia serta merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik. Pelbagai sektor yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ini, antaranya adalah industri makanan dan minuman, industri pembinaan dan pembuatan (Hin, 2020). Menurut (KKM, 2021), sehingga 22 Januari 2021 sejumlah 350 kluster baharu telah dilaporkan dan sebanyak 225 kluster (64.3%) merupakan kluster berkaitan tempat kerja. Menurut (Abdullah, 2021) juga, terdapat 10 kluster baharu telah dikenal pasti pada 26 Februari dan lapan daripada 10 kluster baharu tersebut adalah berpuncak daripada tempat kerja. Oleh sebab itu, bagi pekerja yang masih mempunyai pekerjaan, kerajaan telah melakukan satu inisiatif iaitu dengan mengarahkan majikan bagi membenarkan pekerja mereka untuk bekerja dari rumah

(BDR) dan membuat jadual kerja bergilir-gilir bagi mengekang pandemik COVID-19 ini daripada terus menular. Justeru itu, hal ini akan memberi impak dan kesan terhadap wanita bagi mengimbangi pelbagai peranan kehidupan serta kerjaya mereka dalam tempoh pandemik ini. Tambahan pula, menurut Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia merekodkan 2.6 peratus wanita menghadapi masalah kemurungan berbanding lelaki, 2.0 peratus. Oleh sebab itu, daripada data ini jelaslah bahawa kaum wanita lebih banyak menghadapi masalah kemurungan serta tekanan berbanding lelaki dan kemungkinan besar data tersebut akan terus meningkat tambah lagi dengan situasi pandemik kini yang banyak membuatkan wanita mengalami tekanan dengan kepelbagaian peranan mereka ketika ini.

### Ulasan Karya

Bahagian ini akan menerangkan hasil-hasil penulisan terdahulu mengenai wanita dan keseimbangan serta wanita dan kerjaya dalam konteks sosial khususnya di Malaysia.

### Wanita dan Keseimbangan

Wanita boleh didefinisikan sebagai makhluk yang lembut dan penyayang kerana perasaannya yang halus (Husna et al., 2017). Wanita juga mempunyai tanggungjawab serta peranan yang penting dalam mencorak masa depan negara dan pembangunan keluarga serta masyarakat. Justeru itu, tanggapan negatif terhadap wanita seperti mereka hanya layak untuk duduk di rumah dan perlu menyiapkan semua urusan rumah haruslah dikikis. Islam juga memerintahkan umatnya untuk memuliakan wanita, baik sebagai

ibu, isteri ataupun anak perempuan (Hafidah, 2020). Suatu ketika dahulu, wanita memang tidak kelihatan menonjol sebagai pemimpin masyarakat sama ada dalam urusan politik, ekonomi, keagamaan atau lain-lain lagi (Ismail, 1995). Justeru itu, pada hakikatnya, wanita mempunyai peranan penting dan merupakan antara makhluk yang mendapat rahmat daripada kelahiran Islam. Wanita juga didefinisikan sebagai seorang isteri, kaum ibu ataupun anak perempuan tidak kira mereka bersifat lemah lembut ataupun tidak, juga tidak kira sama ada cantik rupa parasnya atau tidak (Husna et al., 2017). Wanita pada zaman dahulu seperti yang digambarkan di dalam al-Quran, Surah An-Nahl 16: ayat 58-59 yang membawa maksud:

*Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa dia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang dia menahan perasaan marahnya dalam hati.*

*Dia bersembunyi dari orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang dia beroleh anak perempuan; sambil dia berfikir): Adakah dia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina atau dia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! Sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu.*

Sebelum muncul dan berkembangnya agama Islam, status wanita ketika itu adalah mereka tidak mempunyai hak dan tempat yang layak dalam kalangan masyarakat (Siti Nur Husna Abd Rahman, 2017). Namun kini, dapat dilihat bahawa wanita sebenarnya memainkan peranan yang penting serta besar terutamanya dalam sebuah organisasi kekeluargaan (Nurhafilah Musa, 2018). Hal ini bertepatan dengan sebuah hadis sahih riwayat al-

Bukhari: 4789 (Bukhārī, 2004), yang bermaksud:

*“Seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya dan ia akan dimintai pertanggungjawabannya. Seorang wanita adalah pemimpin atas rumah suaminya, dan ia pun akan dimintai pertanggungjawabannya.”*

Hadis ini menunjukkan bahawa suami dan isteri bertanggungjawab antara satu sama lain dalam memastikan sesebuah institusi kekeluargaan tersebut berada dalam keadaan yang aman dan harmoni. Justeru itu, semua tugas haruslah menjadi tanggungjawab bersama antara suami dan isteri. Hal ini adalah kerana, untuk menjamin kebahagiaan yang berpanjangan dalam sesebuah institusi keluarga, suami dan isteri perlulah memikul tanggungjawab ini bersama-sama. Hal ini dapat dilihat daripada contoh Nabi Muhammad S.A.W yang membantu isterinya Aisyah R.A mengemas rumah, melipat kain dan menjahit baju koyak (Nuraini, 2012). Oleh sebab itu, wanita juga mempunyai peranan yang penting terutamanya dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan bukannya seperti zaman *jahiliyyah* dahulu yang menganggap bahawa wanita ini tidak layak dan tidak sesuai untuk berada bersama dalam kalangan masyarakat.

Namun kini, dengan peredaran masa dan zaman, peranan wanita sangat penting serta mereka juga mempunyai pelbagai peranan. Peranan wanita yang dikenali sebagai isteri, ibu, serta anak perempuan bukan sahaja hanya terhad di dalam rumah bahkan, mereka juga mempunyai pelbagai peranan yang lain. Hal ini adalah kerana pada masa kini, kos sara hidup yang semakin tinggi membuatkan wanita turut bekerja bagi menyara kehidupan mereka. Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) melaporkan statistik tenaga buruh

pada suku pertama tahun 2020 iaitu bulan Januari sehingga bulan Mac terdiri daripada 61.0 peratus lelaki (9.63 juta) dan 39.0 peratus perempuan (6.16 juta). Pada suku pertama tahun 2020 iaitu bulan Januari sehingga 18 Mac adalah sebelum berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. Oleh hal yang demikian, bermula 18 Mac 2020 kakitangan awam perlu Bekerja Dari Rumah (BDR) (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2020). Oleh sebab itu, bagi wanita yang menjalani tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di rumah, mereka terutamanya yang BDR terpaksa menghadapi beberapa cabaran. Hal ini adalah kerana, wanita yang berkeluarga dan bekerjaya ini perlu menguruskan anak-anak yang masih kecil dan juga perlu menguruskan pembelajaran secara atas talian untuk anak-anak lain yang masih bersekolah.

Justeru itu, wanita perlu pandai dan tahu dalam mencari keseimbangan antara kehidupan dan kerjaya mereka dalam tempoh pandemik ini. Keseimbangan ini dapat dicapai apabila seseorang wanita itu memberikan sumber mental, fizikal dan emosi yang agak terhad dengan cara yang sesuai bagi mencapai matlamat yang diinginkan (Gani, 2019). Seterusnya Gani (2019) menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat beranggapan bahawa keseimbangan antara kehidupan dan kerjaya yang dimaksudkan adalah 50% kehidupan dan 50% kerjaya. Fahaman beginilah yang menjadikan seseorang individu itu berasa bersalah apabila melebihkan masa di tempat kerja berbanding di rumah atau sebaliknya. Pada hakikatnya, keseimbangan bagi setiap individu itu berbeza, hanya diri atau individu itu sendiri yang mengetahui dan dapat menetapkan keutamaan dalam hidup mereka supaya keseimbangan itu dapat dicapai.

## **Wanita dan Kerjaya**

Menurut Myrdal dan Klein (1956) dalam Beeche (1983) ketika melakukan kajian di negara Britain, fokus kajian mereka adalah mengenai perbezaan corak penglibatan wanita dalam pasaran kerja. Beberapa faktor yang mempengaruhi perbezaan tersebut iaitu (i) perubahan saiz dan struktur keluarga, dan pengurangan tempoh melaksanakan tugas seorang ibu. Seterusnya (ii) ketidakpastian melalui kehidupan berkahwin, yang dimaksudkan adalah, mungkin akan menjadi seorang bala atau janda pada satu hari nanti; dan (iii) jangkaan hayat hidup yang lebih panjang. Faktor dari sudut perubahan sosial dan ekonomi juga mempengaruhi (Bakar, 2012). Dalam kajian yang sama turut menyatakan beberapa faktor yang menghalang wanita daripada menyertai dalam pasaran kerja seperti daripada pandangan tradisi masyarakat yang menganggap bahawa wanita sesuai dan layak menguruskan hal ehwal rumah tangga sahaja. Seterusnya, wanita yang bekerja turut memberikan pandangan yang negatif kepada majikan. Hal ini adalah kerana, wanita yang berkahwin dan bekerja pada masa yang sama kebiasaananya akan sering meminta cuti atau tidak melakukan kerja pada waktu-waktu tertentu seperti melahirkan anak dan menjaga anak yang masih bayi. Bagaimanapun, ada juga dalam kalangan majikan yang bersikap positif terhadap wanita yang bekerja. Mereka menyediakan banyak kemudahan bagi membantu lebih ramai wanita menyertai pasaran buruh seperti kerja separuh-masa dan kemudahan penjagaan anak-anak.

Berkaitan dengan wanita yang bekerjaya, Leary (1997) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan cara ukuran kerjaya di antara lelaki dan wanita. Lelaki lebih cenderung untuk menggunakan ukuran objektif seperti gaji, pangkat atau

kenaikan pangkat bagi menerima dan mencari sesuatu pekerjaan. Menurut Powell & Mainiero (1992), manakala bagi wanita, mereka lebih cenderung menggunakan ukuran subjektif seperti kepuasan peribadi atau kepuasan profesional, kualiti yang dirasakan ataupun melalui pertumbuhan atau perkembangan daripada pekerjaan tersebut terhadap diri mereka. Wanita yang ingin mencapai pencapaian yang tinggi, mereka akan lebih memilih dan mementingkan kepuasan kerja mereka terlebih dahulu dalam sesuatu pekerjaan walaupun mencabar, daripada terus maju ke puncak hierarki organisasi (White et al., 1992).

## **Tiga Kisah**

Kisah 1, Suria (bukan nama sebenar) berusia 35 tahun dan beliau merupakan pakar ekuiti teknologi mengadu selalu keletihan. Suaminya seorang pegawai bank tidak berperanan secara aktif dalam kehidupan rumah tangga mereka. Suaminya tidak memasak, membersihkan rumah, pergi membeli barang runcit ataupun membantu dalam soal membesarkan anak-anak. Suria berterus terang punca keletihannya adalah di rumah, dan bukan dengan majikannya. Kebanyakan kerja di rumah diuruskan oleh beliau. Anak-anak beliau berada pada lingkungan umur persekolahan; iaitu xx bersekolah rendah dan xx bersekolah menengah. Tambahan pula sewaktu pandemik ini, semua sekolah diarahkan untuk penutupan sementara masih dan mereka perlu belajar secara dalam talian. Perkara ini memerlukan perhatian serta pemantauan daripada ibu bapa.

Kisah 2, Dayana (bukan nama sebenar) berusia 40 tahun dan beliau merupakan salah seorang petugas barisan hadapan di salah sebuah pejabat kesihatan di Negeri Sembilan. Tugasan beliau tatkala

negara dilanda pandemik COVID-19 pastinya jauh berbeza daripada sebelum ini apabila beliau diperlukan untuk bekerja 12 jam setiap hari tanpa mengira waktu selain mengorbankan cuti hujung minggu. Beliau, yang bertugas di Unit Inspektorat dan Perundangan, bagaimanapun, perkataan putus asa tidak pernah tertulis dalam kamus hidupnya memandangkan ia pengalaman berharga bersama rakan sejawatan dalam membantu negara menangani wabak ini. Walaupun masa beliau bersama keluarga terhad kerana bekerja tanpa mengira waktu, suami beliau sedikit sebanyak membantu dalam meringankan tugas rumah. Menurut beliau, sebagai seorang ibu kepada dua orang anak dan dalam masa yang sama seorang petugas barisan hadapan, dengan waktu yang terhad ini beliau akan pastikan setiap hari akan berbual bersama keluarga dan memastikan anak menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru kelas mereka sepanjang tempoh PKP.

Kisah 3, Amira (bukan nama sebenar) berusia 27 tahun dan berstatus bujang. Beliau bekerja sebagai pembantu tadbir di sebuah syarikat swasta di Damansara dan tinggal bersama ibu beliau yang boleh dikategorikan sebagai warga emas serta tidak boleh menguruskan diri sendiri. Ketika penularan pandemik COVID-19, kerajaan telah mengeluarkan kenyataan kepada semua majikan bahawa kelonggaran BDR perlulah diberikan kepada pekerja yang menjaga warga emas. Namun, ini berbeza dengan nasib yang dialami oleh Amira. Hal ini adalah kerana, majikan beliau tidak membenarkan pekerja-pekerja mereka untuk BDR walau apa jua alasan yang diberikan. Oleh sebab itu, beliau terpaksa juga untuk pergi ke kerja seperti biasa dan meninggalkan ibu beliau yang uzur di rumah keseorangan. Hal ini adalah kerana, pusat jagaan harian yang kebiasaananya diantar oleh beliau sebelum ini ditutup

ketika waktu pandemik ini kerana bimbang akan penularan penyakit tersebut kepada warga emas yang lain. Oleh sebab itu, beliau perlu memikirkan inisiatif lain seperti perlu pulang ke rumah setiap kali waktu rehat untuk memberi makan dan menukar lampin ibu beliau.

### **Analisis Kandungan Tiga Kisah**

Perbincangan tentang analisis kandungan berikut adalah merujuk kepada tiga kisah yang telah dibentangkan dalam bahagian sebelum ini. Justeru itu, terdapat tiga peranan utama yang dapat dilihat dengan jelas berdasarkan persepsi sosial untuk ketiga-tiga wanita yang bekerjaya dan pelbagai peranan mereka iaitu Suria, Dayana dan Amira dalam mengimbangi kehidupan serta kerjaya mereka ketika tempoh pandemik ini iaitu peranan sebagai seorang ibu, peranan sebagai seorang pekerja dan peranan sebagai seorang anak.

#### *Peranan seorang ibu*

Ketika waktu pandemik ini, tugas seorang wanita yang bekerjaya dan bergelar ibu bukanlah mudah seperti yang disangka. Berdasarkan kisah 1 dan 2 iaitu Suria dan Dayana dapat dilihat bahawa mereka merupakan seorang pekerja dan pada masa yang sama seorang ibu serta perlu menjaga anak-anak mereka ketika waktu BDR. Pada waktu pandemik ini, tambahan pula pada waktu PKP, semua institusi pendidikan ditutup dan pelajar melaksanakan pembelajaran mereka sepenuhnya secara dalam talian. Oleh hal yang demikian, ini menyebabkan para wanita terutamanya ibu memainkan peranan penting dan perlu memberikan perhatian yang penuh bagi memantau dan memastikan bahawa anak-anak mereka mengikuti kelas secara dalam talian

tersebut serta menyiapkan tugas yang diberikan.. Maka jelaslah, para wanita yang bergelar ibu perlu memainkan peranan mendidik anak-anak sekadar termampu agar anak-anak mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran dalam waktu pandemik ini (Nobaya dan Haslinda, 2013).

#### *Peranan seorang pekerja*

Sewaktu tempoh pandemik ini, terutamanya para wanita yang berkerjaya serta berkeluarga mempunyai kesukaran masing-masing dalam mengimbangi kehidupan dan kerjaya mereka. Hal ini dapat dilihat dan dirujuk dalam ketiga-tiga kisah di atas. Namun, kisah yang paling berkaitan dapat dilihat di dalam kisah 2 iaitu Dayana yang merupakan salah seorang petugas barisan hadapan. Beliau mendepani saat-saat sukar apabila beliau tidak dapat berjumpa dengan ahli keluarganya dalam tempoh yang lama akibat pandemik COVID-19 tersebut. Tambahan pula, bidang perubatan adalah merupakan bidang yang paling diperlukan ketika ini. Justeru, wanita yang bekerja di dalam lapangan kerja perubatan memainkan peranan yang sangat penting sebagai seorang pekerja. Para jururawat, doktor dan pegawai perubatan wanita terutamanya perlu memainkan peranan masing-masing sebagai seorang pekerja dengan memberikan rawatan, menguruskan pesakit dan memantau setiap pesakit yang berada di dalam hospital. Justeru itu, wanita yang bekerja dalam bidang perubatan terutamanya perlulah fokus kepada tugas dan peranan mereka sebagai seorang pekerja terlebih dahulu ketika tempoh pandemik ini.

#### *Peranan seorang anak*

Peranan wanita sebagai seorang anak ialah wajib berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Seperti di dalam firman Allah di

dalam al-Quran, potongan ayat 14 Surah Al-Luqman yang bermaksud:

*Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya;*

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa seorang anak wajib menyayangi dan menjaga akan keadaan ibu bapa mereka. Justeru itu, ketika pandemik ini, para wanita yang bekerja mungkin mengalami kesukaran apabila perlu membuat kerja serta menjaga ibu bapa mereka yang sedang uzur di rumah. Hal ini adalah kerana penutupan pusat jagaan orang tua harian disebabkan situasi pandemik. Penutupan pusat jagaan orang tua harian ini telah menimbulkan kesukaran bagi Amira (Kisah 3) dalam melaksanakan peranannya sebagai pekerja dan menjaga ibunya. Tetapi beliau mengambil inisiatif dengan pulang ketika waktu rehat bagi memberi ibunya makan serta meminta pertolongan jiran untuk memantau ibu semasa ketiadaannya. Beliau juga berperanan untuk mengelakkan ibu beliau daripada terkena virus ini dengan melakukan sanitasi setiap kali berjumpa. Hal ini adalah kerana warga emas mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapat jangkitan Covid-19 berbanding orang muda. Oleh sebab itu, seorang anak perlulah menyantuni dan menjaga ibu bapa mereka dalam apa jua situasi serta memikirkan solusi jika terdapat permasalahan berkaitan ibu bapa yang timbul.

### **Kesimpulan**

Wanita mempunyai pelbagai peranan dalam mengimbangi kehidupan dan kerjaya dalam situasi penularan pandemik wabak COVID-19 ini. Peranan mereka sebagai ibu, anak dan pekerja dalam situasi pandemik ini haruslah diseimbangkan. Namun, keseimbangan antara pekerjaan

dan kehidupan bukanlah satu konsep yang mudah dan sempurna. Oleh sebab itu, kepelbagaiannya peranan wanita dan cara mereka bagi mengimbangi kehidupan dan kerjaya tersebut perlulah diberikan perhatian. Keseimbangan ini haruslah dilihat dalam skop yang lebih lebar dan luas agar perkara ini bukanlah satu keperluan kepada mereka yang telah berkahwin semata-mata bahkan penting kepada wanita yang belum berkahwin.

Justeru itu, segala konflik keseimbangan antara kerja dan kehidupan boleh diatasi dengan sikap individu sendiri serta semangat kerjasama dan kepekaan dari pelbagai pihak bagi membantu wanita dalam mengimbangi kehidupan dan kerjaya mereka dalam tempoh pandemik ini. Antara solusinya adalah, individu wanita itu sendiri perlulah mencari inisiatif lain bagi menyelesaikan masalah yang

dihadapi mereka sendiri dengan menulis dan membuat perancangan harian bagi menyeimbangkan antara kehidupan dan kerjaya mereka. Seterusnya, wanita juga memerlukan bantuan daripada pelbagai pihak, seperti suami, perlulah membantu isteri melakukan kerja-kerja rumah walaupun sedikit jika mereka tiada perkara penting lain yang perlu diselesaikan. Selain itu, dalam situasi pandemik ini, sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, masyarakat yang juga sebagai jiran tetangga perlulah saling membantu di antara jiran jika mereka memerlukan bantuan. Seorang majikan juga perlulah memikirkan dan menjaga kebaikan pekerja mereka dengan memberi kelonggaran kepada pekerja mereka yang menjaga warga emas dalam situasi pandemik ini serta sekaligus dapat membantu mengelakkan daripada penularan wabak virus tersebut kepada golongan yang berisiko tinggi ini.

## Rujukan

Al-Quran.

- Abdullah, N. H. (2021, February 26). *8 dari 10 kluster baru hari ini babitkan tempat kerja*. Retrieved from Free Malaysia Today: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/02/26/8-dari-10-kluster-baru-hari-ini-babitkan-tempat-kerja/>
- Ali, F. (1996). Pandangan Islam terhadap wanita bekerja. *Jurnal Usuluddin*, 157-190.
- Apdal, D. S. (2020, March 9). *Peranan wanita kini lebih penting dalam pelbagai sektor*. Retrieved from Utusan Borneo: <https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/09/peranan-wanita-kini-lebih-penting-dalam-pelbagai-sektor>
- Bakar, N. R. (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga (working women and the management of family). *Geografi*, 8(7), 155-162.
- Barbara White, C. C. (1992). *Women's career development: A study of high flyers*. Oxford: Balckwell Business.
- Borneo, U. (2020, May 10). *Salam dan pujian kepada para ibu di barisan hadapan semasa pandemik COVID-19*. Retrieved from Utusan Borneo Online: <https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/10/salam-dan-pujian-kepada-para-ibu-di-barisan-hadapan-semasa-pandemik-covid-19>

Gani, F. A. (2019, July 22). *Keseimbangan dalam pekerjaan dan kehidupan: Realiti atau fantasi?* Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keseimbangan-dalam-pekerjaan-dan-kehidupan-realiti-atau-fantasi-213205>

Gary N. Powell, L. A. (1992). Cross-Currents in the River of Time: Conceptualizing the Complexities of Women's Careers. *Journal of Management*, 18(2), 215-237.

Hafidah, S. (2020, November 28). *Islam gariskan panduan jaga kehormatan wanita.* Retrieved from Ismaweb: <https://ismaweb.net/2020/11/28/islam-gariskan-panduan-jaga-kehormatan-wanita/>

Halid, S. (2020, April 24). *Cabaran ibu bekerja dari rumah.* Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2020/04/680966/cabaran-ibu-bekerja-dari-rumah>

Hassan, A. A. (1996). Islam dan Wanita. *Jurnal Usuluddin*, 105-116.

Hin, P. D. (2020, November 30). *Kesan COVID-19 kepada manusia dan alam.* Retrieved from UMS: <https://www.ums.edu.my/vc/en/collections/news-cutting/40-vcs-page/articles/798-kesan-covid-19-kepada-manusia-dan-alam>

Ismail, A. A. (1995). *Tindak Balas Wanita Dalam Rumah Tangga.* Kuala Lumpur: MajuJaya Indah Sdn. Bhd.

KKM. (2021, January 23). *PENINGKATAN KLUSTER-KLUSTER BERKAITAN TEMPAT KERJA YANG MEMBIMBANGKAN.* Retrieved from COVID-19: <http://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/01/peningkatan-kluster-tempat-kerja-23012021>

Leary, O. (1997). Developing a new mindset: the 'career-ambitious' individual. *Women in Management Review*, 12(3), 91.

Majid, N. H. (2009, May 7). Mengimbangi Peranan Wanita: *Isteri, Ibu dan Pekerja.* Retrieved from Scribd: <https://www.scribd.com/doc/15054666/peranan-wanita-sebagai-isteri-pekerja-dan-ibu>

Malaysia, J. P. (2020, May 8). *STATISTIK UTAMA TENAGA BURUH, MALAYSIA, SUKU PERTAMA (S1).* Retrieved from DOSM: <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=cDMxVXItS09wUm1uNzQvY2k0bzZ4UT09>

Malaysia, J. P. (2020, Mac 17). *Urusan Pengurusan Sumber Manusia Selaras Dengan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Mulai 18 Mac 2020 sehingga Tarikh yang Ditetapkan oleh Pihak Kerajaan.* Retrieved from Jabatan Perkhidmatan Awam: [https://docs.jpa.gov.my/docs/se/2020/soalan\\_lazimse1732020.pdf](https://docs.jpa.gov.my/docs/se/2020/soalan_lazimse1732020.pdf)

Nobaya Ahmad, H. A. (2013). Malaysian women and their role as the sandwiched generation. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 147-162. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/28249/1/13%20Page%20147-162.pdf>

Nor, L. M. (2020, June 17). *Benarkan penjaga warga emas bekerja dari rumah*. Retrieved from Universiti Putra Malaysia: [https://myageing.upm.edu.my/artikel/benarkan\\_penjaga\\_warga\\_emas\\_bekerja\\_dari\\_rumah-57115](https://myageing.upm.edu.my/artikel/benarkan_penjaga_warga_emas_bekerja_dari_rumah-57115)

Nuraini, N. (2012, February 27). *Rasulullah Membantu Melakukan Kerja Rumah*. Retrieved from Wordpress: <https://nasbunnuraini.wordpress.com/2012/02/27/rasulullah-membantu-melakukan-kerja-rumah/>

Rahman, A. H. (2010). Peranan Wanita dalam Pembangunan Keluarga dari Perspektif Fi Zilal AlQuran. *Journal of Governance and Development*, 6, 14-21. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/42979275.pdf>

Sibai, M. (1988). *Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden*. Selangor: Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.


Siti Nur Husna Abd Rahman, M. I. (2017). Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal oF Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-16.

Suria, A. (2020, October 21). *Covid-19 ubah peranan wanita dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia*. Retrieved from Malaysia Now: <https://www.malaysianow.com/berita/2020/10/21/covid-19-ubah-peranan-wanita-dalam-pertumbuhan-ekonomi-malaysia/>

Teik, C. K. (2020, November 25). *Kenapa kes Covid-19 masih tinggi walaupun PKPB?* Retrieved from Malaysia Kini: <https://www.malaysiakini.com/news/552433>

V, B. (1983). *The changing experience of women*. Milton Keynes: Open University Press.

Yahaya, A. (2008). *Sejarah Sikap Pemeliharaan Kanak-Kanak: Stail Kekeluargaan, Pendidikan Kekeluargaan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/6032/1/bukukeluarga.pdf>



# **KEUTAMAAN ASET BAGI IBU TUNGGAL KETIKA PANDEMIK COVID-19**

**Siti Fateha Zulkifli**  
**Universiti Sains Islam Malaysia**  
**Ahmad Ridhuwan Abdullah**  
**Universiti Malaysia Kelantan**

## **PENGENALAN**

Tanpa diduga, dunia pada hari ini dikejutkan dengan penularan wabak COVID-19 yang merupakan krisis kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Wabak itu semakin parah dengan mengakibatkan kematian seramai 1076 orang di Malaysia (Google, 2021). Senario ini memaksa kerajaan Malaysia melancarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Pergerakan Kawalan Pemulihan (PKPP) bagi mengurangkan risiko penularan. Datuk Seri Dr Muhd Uzir Muhibin (Sinar Harian, 2021) menjelaskan bahawa sejak pandemik melanda, banyak sektor lumpuh dan ekonomi merosot, sekali gus menyaksikan banyak sektor terpaksa menggunakan tenaga pekerja yang sedikit bagi mengurangkan pelbagai kos. Hal ini menyebabkan kadar pengangguran musim COVID-19 melanda melonjak tinggi.

Fakta kadar peningkatan pengangguran akibat wabak pembunuh ini membawa kepada pentingnya pemilikan aset dalam kehidupan. Umum mengetahui pandemik COVID-19 telah mengehadkan peluang pekerjaan kepada semua individu, dan tidak terkecuali golongan ibu tunggal. Golongan ini terpaksa memikirkan bebanan kewangan dan tanggungjawab keluarga yang dipikulnya seorang diri. Kekurangan sumber pendapatan dan aset kehidupan boleh mengundang kesan negatif kepada kehidupan ibu tunggal dan keluarganya terutama ketika musim COVID-19. Persoalan berkaitan kenapa ibu tunggal perlu memiliki aset terutama ketika pandemik ini? Bagi menjawab persoalan tersebut, rencana ini akan mengupas keutamaan aset bagi ibu tunggal ketika pandemik COVID-19.

## **Ulasan karya**

Memetik fakta daripada *United Nation Development Program* (Nor Aini et al., 2012), ibu tunggal didefinisikan sebagai individu yang berperanan melengkapkan isi rumah dan memiliki anak. Golongan ini diklasifikasikan kepada enam kategori:

- i) wanita yang telah bercerai dan bertanggungjawab mencari punca pendapatan utama keluarga;
- ii) wanita yang masih dalam perkahwinan yang sah tetapi berpisah dengan suami;
- iii) wanita yang berpoligami dan bertanggungjawab mencari punca pendapatan utama keluarga;
- iv) wanita mempunyai anak angkat tetapi tidak berkahwin;
- v) wanita berkahwin dan bertanggungjawab mencari punca pendapatan utama keluarga; dan
- vi) wanita yang mempunyai hak penjagaan anak tetapi bukan anaknya sendiri.

Siti Marziah et al. (2018) menerusi penulisan mereka mengetengahkan pelbagai jenis cabaran dan isu yang dialami oleh kebanyakan warga ibu tunggal. Cabaran yang terpaksa golongan ini tempuh ialah cabaran kewangan, urusan mahkamah, isu tuntut nafkah anak-anak, hubungan anak-anak dengan bekas suami, cabaran kesihatan, cabaran membesarkan anak-anak dan stigma negatif masyarakat. Tambahan pula, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendedahkan data kemas kini bertarikh 25 Januari 2021 menyaksikan sebanyak 161,227 orang ibu tunggal telah berdaftar. Selangor merupakan negeri tertinggi yang mencatatkan seramai 21,067 orang ibu tunggal berdaftar diikuti negeri Johor seramai 19,863 orang. Ibu tunggal yang memegang dua tanggungjawab dalam satu masa untuk mentadbir dan menguruskan institusi keluarga di samping menjadi sumber utama dalam keberlangsungan

ekonomi keluarga bukanlah suatu tugas yang mudah (Ida Rahayu et al., 2019). Tidak dinafikan kehidupan seorang ibu tunggal amat mencabar dalam era globalisasi ini, dan lebih-lebih lagi ketika mewabak pandemik COVID-19.

## **Ekonomi ibu tunggal**

Dapatan kajian Muzalwana et al. (2020) mendapati pendapatan golongan ibu tunggal di Semenanjung Malaysia adalah tersenarai di bawah golongan B40. Sebanyak 56 peratus daripada golongan B40 ini adalah di tahap kemiskinan. Hal ini sangat membimbangkan jika dilihat dari sudut tanggungan ibu tunggal. Fakta tersebut disokong dengan penyelidikan daripada Nor Aini et al. (2012), di mana mereka berada di tahap kemiskinan adalah berpunca daripada faktor bilangan tanggungan yang ramai, tidak bekerja, tidak melakukan kerja sampingan, umur yang sudah lanjut usia dan tidak sihat, memiliki pendidikan yang rendah dan bekerja di sektor tidak formal yang tidak menjana pendapatan yang tinggi.

Perkara demikian yang membelenggu kehidupan wanita ini dalam menggalas tanggungjawab sebagai ketua isi rumah. Walaupun dalam keadaan “normal”, iaitu sebelum wabak COVID-19 melanda, golongan ibu tunggal berjuang untuk mencari nafkah dari pelbagai sudut untuk diri dan keluarga. Jadi, tidak hairanlah golongan ibu tunggal lebih berusaha dan berjuang di kala pandemik.

## **Program dan Bantuan Khusus Ibu Tunggal**

Bagi meringankan beban golongan ibu tunggal dalam membentuk keluarga yang mencapai keseimbangan kehidupan yang optimum, pelbagai program telah

dijalankan oleh pelbagai pihak. Umumnya, Diyana *et al.* (2009) menjelaskan bahawa kedudukan dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara dari pelbagai sektor seperti pertanian, pembuatan dan sebagainya sudah lama diiktiraf dan diambil kira oleh kerajaan Malaysia. Pelbagai program dan perkhidmatan sokongan untuk wanita khususnya untuk golongan ibu tunggal diperkuuhkan melalui pendekatan pelan tindakan strategik yang memfokuskan program pendidikan dan latihan serta program penjanaan pendapatan.

Wabak COVID-19 telah mencorakkan suatu norma baharu dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi kalangan ibu tunggal. Demi kelangsungan kehidupan dan adaptasi norma baharu, sektor korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) berganding bahu meringankan beban golongan yang terkesan ini. Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin (HM Online, 2020) melancarkan Inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi yang menyediakan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) sebagai suatu usaha menjaga kelangsungan hidup ibu tunggal dan ahli keluarga. Tidak dilupakan usaha sama daripada pihak badan NGO dalam membendung masalah kemelesetan ekonomi yang melanda golongan yang tidak bernasib baik ini. Usaha dapat dilihat melalui syarikat tempatan seperti Petro Flanges and Fitting Sdn Bhd, Kelab Usahawan Muslim Profesional yang tampil membantu golongan ibu tunggal (Astro Awani, 2021; Latifah, 2020).

### Aset dalam Konteks Ibu Tunggal

Dalam konteks aset, Khan (2019) menjelaskan bahawa terdapat dua jenis aset yang penting untuk individu. Aset pertama ialah yang boleh dilihat dan disentuh seperti wang, manakala aset

yang kedua ialah pengetahuan dan skil. Individu yang memiliki kedua-dua aset ini sudah pasti akan terjamin kehidupannya kerana menguasai sesuatu yang dinilai dengan mata wang dan sesuatu yang boleh diaplikasikan untuk menjana mata wang. Kedua-dua aset ini dilihat sangat penting untuk kelangsungan hidup. Khan telah mendedahkan individu yang menyimpan atau membuat tabungan pada awalnya lebih cenderung dapat menampung kehidupan mereka kelak dan aset memainkan peranan yang kuat dapat mempengaruhi peluang hidup seseorang.

Datuk Dr. Roslan Mahmood (2020) menulis menerusi *BH Online* telah mengenal pasti punca kemiskinan berlaku adalah daripada kekurangan keperluan asas, pendapatan diperoleh tidak mencukupi, tiada daya pengeluaran untuk menjana pendapatan berterusan, penggantungan hanya kepada seorang individu sahaja untuk menampung keluarga, ramai tanggungan dan ketiadaan pemilikan harta. Ramai individu yang berhijrah ke kota disebabkan perubahan proses urbanisasi dan modenisasi. Situasi ini ialah situasi yang memberangsangkan, namun begitu, sebahagian besar individu ini tidak mempunyai kemahiran dan kelulusan yang diperlukan untuk menjawat jawatan di bandar sehingga menyebabkan mereka dibayar rendah, sedangkan kos sara hidup di kota tinggi. Hal ini juga diambil kira sebagai satu daripada punca kemiskinan.

Peranan ibu tunggal sangat mencabar dalam mengendalikan keluarga dan menjaga ekonomi keluarga. Perkara negatif sering dikaitkan dengan perihal ibu tunggal dalam apa jua yang dimiliki oleh mereka. Pemilikan aset sangat penting bagi golongan wanita ini menangani segala macam isu dan konflik lebih-lebih lagi ketika penularan COVID-19 ini. Benar, pelbagai jenis program dan bantuan dihulurkan

secara komprehensif dalam kalangan ibu tunggal sejak dahulu lagi sehingga ketika musim pandemik ini. Hal ini adalah sebenarnya satu ikhtiar pelbagai pihak untuk menaikkan nilai aset ibu tunggal dari pelbagai sudut. Kepentingan aset bagi ibu tunggal ketika pandemik dapat dilihat melalui tiga sebab dan akan diperhalusi satu demi satu.

Keutamaan aset bagi ibu tunggal terutama ketika pandemik dapat dilihat menerusi tanggungjawab wanita ini terhadap ekonomi keluarga. Mereka merupakan tulang belakang dalam membiayai segala perbelanjaan keluarga sama ada dari sudut bil, keperluan hidup, perbelanjaan atau pendidikan dan sebagainya. Pemilikan aset sangat penting untuk golongan ibu tunggal bagi memenuhi segala pembentukan tanpa membebangkan pihak luar. Ada kalanya wanita ini terpaksa meminjam semata-mata untuk memenuhi keperluan dan ada yang terpaksa meminta bantuan ahli keluarga lain untuk mengawal selia keluarganya ketika ibu tunggal ini mencari rezeki (Hertz *et al.*, 2020). Pemilikan aset bukan sahaja dari sudut harta benda, namun ibu tunggal juga mempunyai peluang untuk membina aset sendiri iaitu melengkapkan diri dengan kemahiran. Sektor yang paling mendapat sambutan ketika wabak COVID-19 ini ialah perniagaan.

Tokoh wanita Islam yang disanjung dalam bidang perniagaan iaitu Siti Khadijah r.a., ialah seorang peniaga yang berketerampilan dan juga merupakan ibu tunggal kepada empat orang anak sebelum berkahwin dengan Rasulullah S.A.W. Bagi memenuhi kelangsungan hidup bersama anak-anak, beliau menjalankan perniagaan dan mengaplikasikan kemahiran niaganya untuk menjana pendapatan. Golongan ibu tunggal hendaklah menjadikan tokoh wanita Islam ini sebagai pembakar semangat untuk memperkasakan diri

memiliki aset demi kelangsungan hidup. Menurut Free Malaysia Today (Fong, 2020), seorang ibu tunggal sanggup mengorbankan masa dan tenaga bagi mengikuti kursus kemahiran untuk memperoleh sesuatu yang boleh dimanfaatkan untuk teruskan hidup bersama anak-anak. Walaupun masih memiliki simpanan, beliau tetap berusaha untuk masa depan keluarga.

Keutamaan aset juga dapat dilihat dalam membantu perkembangan dan pertumbuhan anak-anak. Teori Maslow mengetengahkan bahawa keperluan fisiologi kanak-kanak ialah peringkat pertama yang perlu dipenuhi (Muhammad *et al.*, n.d). Keperluan ini dapat dipenuhi selari dengan kestabilan ekonomi keluarga. Diyana *et al.* (2009) menjelaskan keluarga yang mampu memenuhi keperluan fisiologi dapat menjamin perkembangan dan pertumbuhan mental dan fizikal anak-anak. Namun demikian, bagi keluarga yang dikategorikan miskin, mereka cenderung gagal memenuhi keperluan fisiologi disebabkan kurang penyediaan pemakanan berzat terhadap anak-anak. Hal ini boleh mendorong kemerosotan perkembangan dan pertumbuhan anak-anak daripada segi fizikal dan mental. Di samping itu, COVID-19 yang melanda mencetuskan tekanan psikologi kepada semua peringkat umur.

Satu kajian dilaksanakan oleh Profesor Madya Ts. Dr. Nor Haslina dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Berita UTHM, 2020), norma baharu berikutnya daripada penularan pandemik ini telah membangkitkan tekanan psikologi yang mengakibatkan individu berfikiran negatif. Antara punca tekanan ialah kehilangan pekerjaan yang menyebabkan kesempitan hidup. Justeru, dapat dilihat pemilikan aset memainkan peranan penting dalam menstabilkan emosi semua pihak. Suasana keluarga yang tiada permasalahan

kewangan boleh merangsang pertumbuhan dan perkembangan anak-anak dan dalam masa yang sama mengurangkan tekanan emosi semua ahli keluarga. Bekalan ilmu kemahiran dan kewangan amat penting bagi membentuk suasana persekitaran yang kondusif.

Dalam hidup bermasyarakat, pelbagai stigma negatif dilemparkan kepada ibu tunggal. Tanggapan buruk sentiasa berlegar bagi mereka yang bergelar janda. Majoriti ibu tunggal mengelak daripada menghadiri perjumpaan sosial dan mengubah gaya kehidupan mereka berikutan tekanan mental yang dihadapinya (Kotwal & Prabhakar, 2009). Ini merupakan hambatan psikologi untuk mereka bergerak bebas dalam masyarakat.

Sehubungan dengan isu kemiskinan yang terpalit dengan keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal (Siti Marziah et al., 2018), kehidupan golongan wanita ini seolah-olah tiada ketenangannya. Dengan memiliki aset, ibu tunggal mampu menangani pandangan negatif masyarakat sekali gus mengikis stigma berkenaan ketidakbolehan ibu tunggal memberikan kesenangan kepada keluarga. Golongan wanita ini yang berkemahiran boleh mengaplikasikan kemahirannya untuk menjana pendapatan menyara keluarga terutama ketika COVID-19. Meskipun banyak sektor lumpuh dan peluang pekerjaan terhad, ibu tunggal boleh menghadiri kursus kemahiran dan mengasah bakat untuk membuka ruang pendapatan tanpa bergantung kepada sesiapa. Misalnya, seperti yang dilaporkan oleh Sinar Harian (2020), ibu tunggal yang menghadiri kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP) diberikan tunjuk ajar dalam penjagaan kanak-kanak sekali gus melahirkan usahawan dalam bidang penjagaan kanak-kanak.

Usaha di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang dilancarkan oleh kerajaan pada Jun 2020 itu ialah susulanusaha penjanaan semula ekonomi rakyat dan negara berikutan akibat wabak COVID-19. Berbekalkan ilmu dan kemahiran, golongan ibu tunggal mampu menjalankan pusat asuhan secara persendirian ataupun berpusat bagi membantu menguruskan anak-anak individu yang terlibat dengan tugas barisan hadapan terutamanya, di samping mampu menjana pendapatan bagi menampung keluarga. Daripada aspek kebendaan, ibu tunggal yang mampu menyediakan keperluan untuk memudahkan menjalani kehidupan seperti kenderaan, penyediaan telefon pintar untuk pembelajaran anak-anak dan sebagainya akan sedikit sebanyak mampu menangkis stigma buruk masyarakat.

## Kesimpulan

Semua peringkat lapisan masyarakat perlu berganding bahu menghulurkan bantuan antara satu sama lain, bukan hanya untuk golongan ibu tunggal malah turut bekerjasama membantu individu lain yang kurang bernasib baik bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud,

*“Orang yang membantu janda dan orang-orang miskin adalah sama seperti pejuang pada jalan Allah atau seperti orang yang sentiasa bersembahyang pada waktu malam dan berpuasa di siang hari”*

Berdasarkan hadis ini, individu Muslim yang membantu golongan ibu tunggal dan golongan miskin dikurniakan pahala sama seperti individu yang berjihad atau individu yang sentiasa bertahajud dan berpuasa kerana pertolongan yang dihulurkan memerlukan kekuatan dan kesanggupan membelanjakan harta

untuk orang lain. Ketika penularan COVID-19 yang telah merencatkan segala pertumbuhan ekonomi, mengganggu gugat kesejahteraan manusia dan memberi kesan kepada kelangsungan hidup manusia, sudah pasti golongan kurang bernasib baik seperti ibu tunggal sangat memerlukan bantuan bagi meneruskan kehidupan.

Usaha segelintir kalangan ibu tunggal dalam meningkatkan pemilikan aset terutama ketika pandemik ini amat

dipuji. Keutamaan aset bagi golongan ini dapat dikesani melalui peranan ibu tunggal dalam menstabilkan ekonomi keluarga, membantu pertumbuhan dan perkembangan anak-anak serta mengikis stigma masyarakat. Bukanlah suatu hal yang mustahil bagi ibu tunggal memiliki aset jika masing-masing memainkan peranan dalam menghulurkan bantuan dan menyokong usaha golongan ini. Justeru, pepatah “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” perlu disematkan dalam hati setiap individu.

## Rujukan

- Astro Awani. (2021). *NGO bekerjasama dengan JKM bantu golongan OKU dan ibu tunggal*. Astroawani.Com. <https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/ngo-bekerjasama-dengan-jkm-bantu-golongan-oku-dan-ibu-tunggal-283396%3Famp=1>
- Data.gov. (2021). *Bilangan Ibu Tunggal Berdaftar dengan JPW*. Data.Gov.My. [https://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/bilangan-ibu-tunggal-berdaftar-dengan-jabatan-pembangunan-wanita-mengikut-negeri-dan-kumpulan-etnik/resource/e049f254-f78a-4a9b-abed-4bc68a31f071](https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-ibu-tunggal-berdaftar-dengan-jabatan-pembangunan-wanita-mengikut-negeri-dan-kumpulan-etnik/resource/e049f254-f78a-4a9b-abed-4bc68a31f071)
- Diyana, I., Selvaratnam, D. P., & Nor Aini, H. I. (2009). Isu dan Cabaran Ibu Tunggal dalam Menghadapi Perubahan Persekutaran Global. *PROSIDING PERKEM IV*, 324–335. <https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemIV/PERKEM2009-1-21.pdf>
- Fong, D. R. (2020, November 1). *Ibu tunggal bergelut sara keluarga akibat pandemik*. Free Malaysia Today (FMT). <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2020/11/01/ibu-tunggal-bergelut-sara-keluarga-akibat-pandemik/>
- Hertz, R., Mattes, J., & Shook, A. (2020). When Paid Work Invades the Family: Single Mothers in the COVID-19 Pandemic. *Journal of Family Issues*, 0192513X2096142. <https://doi.org/10.1177/0192513x20961420>
- Ida Rahayu, M., Nurjanah, M., Mimi Sofiah, A. M., & Wan Musyirah, W. I. (2019). Empowering Single Mothers through Implementation and Recognition of Law in Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, 7, 53–59. [https://www.ijcwed.com/wp-content/uploads/2019/08/IJCWED7\\_030.pdf](https://www.ijcwed.com/wp-content/uploads/2019/08/IJCWED7_030.pdf)
- Khan, O. (2009, December). *Why Do Assets Matter? Assets, Equality and Ethnicity – Building towards Financial Inclusion*. Runnymede. <https://www.runnymedetrust.org/uploads/publications/pdfs/WhyDoAssetsMatterv8.pdf>
- Kotwal, N., & Prabhakar, B. (2009). Problems Faced by Single Mothers. *Journal of Social Sciences*, 21(3), 197–204. <https://doi.org/10.1080/09718923.2009.11892771>

- Latifah, A. (2020, August 6). *Survival wanita hadapi cabaran norma baharu*. Berita Harian. <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/wanita/lain-lain/2020/08/718503/survival-wanita-hadapi-cabaran-norma-baharu>
- Mahmood, R. (2020, June 29). *Perubahan struktural, metodologi tangani isu kemiskinan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/06/705287/perubahan-struktural-metodologi-tangani-isu-kemiskinan>
- Muhammad, N., Aliya, K., & Aisha, S. (n.d.). Maslow Theory of Human Development and Emergence of Street Children Phenomenon in Pakistan. *Pakistan Vision*, 15, 99–120. [http://pu.edu.pk/images/journal/studies/PDF-FILES/Artical-5\\_v15\\_no2\\_14.pdf](http://pu.edu.pk/images/journal/studies/PDF-FILES/Artical-5_v15_no2_14.pdf)
- n.a. (2020, August 21). *KPWKM sasar 10,000 peserta ambil KAP sehingga hujung tahun ini*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/97634/BERITA/Nasional/KPWKM-sasar-10000-peserta-ambil-KAP-sehingga-hujung-tahun-ini>
- n.a. (2021, January 11). *Kadar pengangguran meningkat kepada 4.8 peratus pada November 2020*. Sinarharian. <https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/118520>
- Nor Aini, H. I., & Selvaratnam, D. P. (2012). Program Pembasmian Kemiskinan dalam Kalangan Ibu Tunggal: Analisis Penyertaan dan Keberkesanannya. *PROSIDING PERKEM VII*, 248–259. [https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012\\_1D7.pdf](https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_1D7.pdf)
- Nuur Syafiqah, A., & Najah Nadiah, A. (2020). Kestabilan Emosi dan Cabaran Kehidupan Golongan Armalah. *Jurnal Al-Turath*, 5, 11–21. <http://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/106>
- Muzalwana, A. T., Noor Khaleeda, A. M., Dr Sharifah Muhairah, S., & Adzmel, M. (2020). Household Income and Life Satisfaction of Single Mothers in Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, 9, 75–83. [https://www.ijcwed.com/wp-content/uploads/2020/04/PICCWED9\\_17.pdf](https://www.ijcwed.com/wp-content/uploads/2020/04/PICCWED9_17.pdf)
- Semua berperanan lindungi keluarga daripada COVID-19.* (2020, November 7). HM Online. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/639100/sempat-berperanan-lindungi-keluarga-daripada-COVID-19>
- Siti Marziah, Z., Nurul Shafini, S., Noremy, M. A., Suzana, M. H., Jamiah, M., & Noor Hassline, M. (2018). Kesejahteraan Emosi Golongan Ibu Tunggal: Cabaran Hidup Sebagai Ibu Tunggal. *Asian Association of Indigenous and Cultural Psychology (AAICP) International Conference*, 1–21. [https://www.researchgate.net/publication/340683992\\_KESEJAHTERAAN\\_EMOSI\\_GOLONGAN\\_IBU\\_TUNGGAL\\_CABARAN\\_HIDUP\\_SEBAGAI\\_IBU\\_TUNGGAL](https://www.researchgate.net/publication/340683992_KESEJAHTERAAN_EMOSI_GOLONGAN_IBU_TUNGGAL_CABARAN_HIDUP_SEBAGAI_IBU_TUNGGAL)
- Tekanan psikologikal sewaktu COVID-19: Emosi, usaha membendung dan konsep tawakal.* (2020). Berita UTHM. <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/06/tekanan-psikologikal-sewaktu-COVID-19-emosi-usaha-membendung-dan-konsep-tawakal/>



# PANDUAN PENGGUNAAN KONSEP-KONSEP DALAM WACANA TENTANG KELUARGA

Fatimah Abdullah

## PENGENALAN

Isu berkaitan dengan keluarga sentiasa menjadi fokus perbincangan dalam pelbagai disiplin seperti psikologi, kerja sosial, pendidikan, undang-undang, kesihatan dan perubatan, ekonomi, sastera dan bahasa, agama dan politik. Konsep-konsep penting berkaitan dengan keluarga yang digunakan itu lazimnya tidak sama dengan makna yang digunakan dalam disiplin akademik, khususnya sosiologi keluarga dan sub-bidang dalam antropologi iaitu perkahwinan dan kekerabatan. Sesetengah konsep yang diambil daripada bahasa Inggeris pula kerap disalah guna, disama erti kata dengan konsep lain atau dieja dalam bahasa Melayu.

Penggunaan konsep yang tepat sebagaimana yang digunakan dalam disiplin-disiplin akademik sangat penting bagi mengelakkan kekeliruan atau salah faham. Ini bermakna walau apapun tujuan perbincangan atau penulisan yang dibuat

mengenai keluarga seseorang itu haruslah faham dan jelas makna sebenar konsep-konsep yang digunakan. Kesilapan dalam menulis laporan khususnya daripada penyelidikan tentang keluarga kerana menyamakan konsep “keluarga” dan “isi rumah” contohnya boleh meninggalkan implikasi yang penting dalam hal-hal berkaitan dengan perancangan sosial amnya dan perancangan untuk keluarga khasnya.

Makalah ini menghuraikan beberapa konsep penting yang kerap digunakan dalam wacana dan penulisan berkait dengan perkahwinan dan keluarga. Konsep penting yang kerap disama erti ialah keluarga dan isi rumah. Selain itu konsep berkaitan dengan perkahwinan seperti poligami juga kerap disalah tafsirkan atau disamakan dengan konsep poligini. Ada kalanya konsep-konsep dari bahasa Inggeris seperti *family*, *role*, *extended family* dikeluarkan dengan hanya mengubah ejaan. Konsep seperti

fungsi dan peranan serta kerja dan kerjaya juga digunakan silih berganti seolah-olah sama maknanya. Begitu juga dengan perkataan perhubungan, interaksi dan komunikasi dalam keluarga dilihat sebagai sama maknanya. Konsep nuklear juga kerap ditulis sebagai nukleus. Sementara itu beberapa konsep penting dalam kajian kependudukan dan gerontologi seperti warga tua juga kerap diubah kerana dilihat perkataan itu membawa konotasi negatif.

### Keluarga atau isi rumah

Takrifan keluarga bukan sahaja berbagai tetapi berubah-ubah mengikut masa dan perspektif teori. Burgess seorang tokoh penting dalam teori interaksi mendefinisi keluarga sebagai “kesepaduan daripada beberapa personaliti yang saling wujud dan berinteraksi dengan tujuan utama untuk membangun dan saling memenuhi kepuasan ahli-ahlinya.....hubungan itu berkekalan disebabkan oleh ikatan yang erat antara ahli-ahlinya dan bukan kerana desakan daripada luar” (Burgess 1926: 3). Murdock pula melihat keluarga dalam konteks fungsi iaitu, “satu kumpulan sosial yang terbentuk apabila orang dewasa berlainan jantina dan sekurang-kurangnya dua daripada mereka tinggal bersama, mengekalkan perhubungan seks sebagaimana yang disahkan oleh masyarakat, mempunyai seorang atau beberapa orang anak sendiri hasil daripada perhubungan tersebut atau mengambil anak angkat” (Murdock 1949).

Tegasnya, keluarga ialah “satu kumpulan individu yang dihubungkan melalui ikatan perkahwinan, hubungan darah dan/atau pengangkatan. Kesemua ahli ahli keluarga lazimnya tinggal bersama di bawah satu bumbung”. Definisi semasa tentang keluarga mencakupi aspek lebih luas. Sebagai contoh, Kenyon et al. (2003: 571) memasukkan “ibu dan bapa

tunggal, pasangan berlainan ras/etnik, keluarga bercampur (blended families), individu yang tidak ada hubungan kerabat yang bekerjasama dan tinggal bersama, pasangan homoseks serta yang lain juga sebagai keluarga.” Takrifan semasa tentang keluarga menjadi lebih liberal kerana mengiktiraf pasangan bersekedudukan, pasangan gay dan lesbian sebagai keluarga.

Takrifan tentang keluarga ini penting diketahui oleh para penyelidik khasnya. Ini kerana mereka mesti tahu keluarga bentuk apa yang mereka mahu teliti, adakah keluarga luas, keluarga nuklear dan bentuk-bentuk yang lain. Menentukan jenis keluarga yang ingin dikaji penting kerana jenis atau bentuk keluarga yang berbeza mempunyai kekuatan dan masalah yang berbeza pula.

Isi rumah adalah konsep yang digunakan dalam banci penduduk. Ia merujuk kepada individu yang tinggal dalam unit kediaman. Unit kediaman itu boleh jadi sebuah rumah (banglo, berkembar dua, teres dua tingkat dan teres satu tingkat), apartmen, rumah bergerak (mobile home atau karavan), atau khemah.

Banci penduduk membahagikan isi rumah kepada dua jenis yang utama. Isi rumah keluarga ialah kediaman yang dihuni oleh ahli-ahli yang mempunyai pertalian darah atau perkahwinan. Isi rumah bukan keluarga pula ialah mana-mana kediaman yang penghuninya bukan ahli keluarga. Individu yang tinggal bersendiri atau bersama kawan-kawan-kawan adalah termasuk dalam kategori isi rumah bukan keluarga.

Sebuah isi rumah akan mengandungi ketua isi rumah dan ahli-ahlinya. Dalam isi rumah keluarga, suami atau bapa adalah ketua isi rumah. Dalam isi rumah keluarga luas, ketua keluarga

boleh jadi datuk. Sementara itu dalam isi rumah keluarga ibu tunggal, ketua isi rumah adalah perempuan iaitu ibu, akan tetapi ketua keluarga mungkin dipegang oleh anak lelaki sulong atau datuk. Dalam isi rumah bukan keluarga pula, ketua isi rumah mungkin dilantik dari kalangan ahli isi dalam rumah berkenaan. Ahli-ahli yang tinggal mungkin merupakan penyewa dan ketua isi rumah lazimnya bertanggung jawab mengurus hal-hal berkaitan dengan penyelenggaraan rumah kediaman tersebut seperti mengutip sewa dan bayaran untuk bil air, letrik dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu sesiapa yang ingin mengkaji dan menulis mengenai keluarga haruslah menentukan apa yang hendak dikaji. Adakah dia ingin mengkaji keluarga atau isi rumah; atau keduanya. Selain itu pengkaji juga harus ingat bahawa dalam sebuah isi rumah boleh jadi ada dua keluarga, iaitu keluarga orientasi dan keluarga prokreasi. Keluarga orientasi ialah keluarga di mana seseorang itu dilahirkan sementara keluarga prokreasi ialah keluarga individu bersama pasangannya dan anak-anak yang lahir daripada perkahwinan mereka. Ada kalanya sebuah keluarga tinggal dalam dua isi rumah. Hal ini berlaku apabila suami atau isteri tinggal di kediaman berasingan dari pasangan dan anak-anaknya disebabkan dia bekerja di tempat yang jauh dan sukar untuk berulang alik setiap hari.

## Konsep-konsep Khusus tentang Keluarga

### a. Perkahwinan poligini atau poligami

Kebanyakan perkahwinan yang ditemui ialah di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan, iaitu disebut monogami. Terdapat juga masyarakat yang membenarkan perkahwinan poligami yakni setiap orang dibenarkan mempunyai lebih daripada satu pasangan.

Perkahwinan poligami terbahagi kepada dua iaitu poligini di mana seorang lelaki ada beberapa orang perempuan. poligini ialah apabila lelaki mempunyai lebih daripada seorang isteri pada satu-satu masa. Sekiranya seorang perempuan mempunyai lebih daripada seorang suami pada satu-satu masa maka perkahwinan itu disebut sebagai perkahwinan poliandri. Kebanyakan tulisan yang ada berkaitan dengan perkahwinan seorang lelaki dengan beberapa orang isteri menyebut perkahwinan itu sebagai poligami. Sebagaimana yang disebut di atas, penggunaan itu adalah salah sama sekali. Akan tetapi memandangkan konsep itu sudah digunakan sejak sekian lama maka tentulah tidak mudah untuk mengubahnya. Walau bagaimanapun mereka dari dunia akademik dan yang terlibat dalam pentadbiran seharusnya menggunakan konsep yang lebih tepat iaitu dengan menggantikan perkataan poligami kepada poligini.

### b. Fungsi atau peranan

Konsep fungsi dan peranan yang digunakan dalam wacana tentang perkahwinan dan keluarga kerap disama ertikan dan diguna silih ganti. Fungsi adalah terjemahan kepada perkataan Inggeris *function*, sementara peranan adalah terjemahan kepada perkataan *role* juga dari perkataan Inggeris. Walaupun konsep fungsi dan peranan berkait rapat tetapi adalah lebih baik jika penggunaannya dilakukan dalam konteks yang khusus agar tidak mengelirukan.

Konsep fungsi digunakan kepada institusi keluarga, dan khusus merujuk kepada jangkaan dalam budaya dan masyarakat mengenai apa yang diharapkan daripada keluarga bagi kesinambungan masyarakat. Dalam kebanyakan masyarakat keluarga dijangka melaksanakan sekurang-kurangnya

empat fungsi penting iaitu kerjasama ekonomi, mengatur perhubungan seks dan reproduksi, sosialisasi anak-anak dan menyediakan penjagaan serta perlindungan untuk ahli-ahlinya.

Konsep peranan pula digunakan bagi merujuk kepada tugas, tanggungjawab atau “kerja” yang dilakukan oleh setiap orang yang menjadi ahli keluarga. Kebanyakan masyarakat menetapkan peranan mengikut jantina dan umur. Ini bermakna ada tugas tertentu yang dikhatusukan untuk perempuan sementara tugas lain untuk lelaki. Tugas itu juga ada kalanya berbeza mengikut umur. Contohnya orang perempuan membuat kerja-kerja dalam lingkungan rumah dan keluarga seperti mengasuh anak, masak dan mengurus rumah tangga, sementara lelaki pula keluar bekerja mencari rezeki agar dapat menyara hidup ahli keluarganya. Anak-anak diberi kerja yang ringan berbanding orang dewasa. Apabila mencapai usia tua, warga tua tidak lagi diharapkan membuat kerja berat kerana tugas itu akan diambil alih oleh anak-anak dewasa.

Melalui peranan setiap ahli keluarga, khususnya ibu bapa untuk mengasuh dan mendidik anak-anak maka fungsi keluarga dalam sosialisasi anak-anak dijangka tercapai. Apabila suami keluar bekerja mencari nafkah sementara isteri melaksanakan peranan reproduktif maka peranan mereka berdua itu dilihat sebagai salah satu bentuk kerjasama ekonomi dan ia penting bagi kesinambungan keluarga. Fungsi keluarga sebagai institusi penjagaan dan perlindungan juga dipenuhi apabila ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak mereka. Malah bapa sebagai ketua keluarga turut dilihat sebagai pelindung kepada kesemua ahli di bawah tanggungannya daripada diganggu oleh orang lain di luar keluarganya. Bapa bertanggungjawab menyediakan tempat

tinggal untuk ahlinya bukan sahaja daripada hujan dan panas tetapi juga daripada gangguan atau diceroboh oleh orang lain.

### c. Perhubungan, interaksi, dan komunikasi

Selain daripada sosiologi dan antropologi, kajian dan penulisan dalam bidang psikologi, kaunseling, kerja sosial, komunikasi massa dan pendidikan kerap menggunakan konsep perhubungan, interaksi dan komunikasi. Komunikasi adalah terjemahan kepada perkataan *communication*. Interaksi pula adalah daripada perkataan *interaction*. Penulisan popular baik di akhbar atau media sosial atau wacana di televisyen turut menggunakan konsep tersebut. Konsep itu terbit dalam perbincangan akhbar, media sosial atau wacana di televisyen mengenai isu berkaitan sosialisasi kanak-kanak, perkahwinan dan perceraian serta penderaan. Konsep-konsep itu kelihatan seperti sama oleh itu kerap digunakan silih ganti sebagaimana konsep-konsep yang disebut sebelum ini juga.

Sungguhpun tidaklah mudah untuk membezakan di antara konsep-konsep itu, akan tetapi usaha mengupasnya dengan teliti penting bagi memastikan agar dinamika dalam keluarga dapat difahami dengan lebih jelas. Secara mudah, perhubungan adalah daripada akar kata “hubung” yang bermaksud “sambung” atau “temukan”. Dalam konteks keluarga, ia merujuk kepada perbuatan menyambungkan atau menemukan dua pihak. Proses “menghubung”, “menyambung” atau “menemukan” itu boleh berlaku secara fizikal atau atau melalui ucapan, pertuturan atau gerak geri. Ini bermakna perhubungan mencakupi interaksi dan komunikasi. Atau dengan kata lain interaksi dan komunikasi adalah aspek penting dalam perhubungan.

Dalam kajian tentang perkahwian, keluarga dan kekerabatan konsep perhubungan kerap digunakan. Ia mencakupi perhubungan antara suami isteri, antara ibu bapa dan anak-anak, antara adik beradik atau antara datuk nenek dan cucu serta dengan sanak saudara yang lain. Perhubungan boleh berlaku dalam bentuk kunjung mengunjung, telefon atau surat, pemberian wang atau barang-barang serta juga pertolongan dan nasihat. Keakraban perhubungan antara dua pihak boleh dilihat melalui interaksi antara mereka sama ada secara formal atau tidak, secara sehala atau daripada kedua-dua pihak, berkekalan atau sekali sekala. Dalam interaksi itu pula bolehlah diperhatikan gaya pertuturan, bahasa (lisan) yang digunakan, gerak geri dan wajah mereka yang terlibat iaitu aspek penting dalam komunikasi interpersonal.

#### d. Kerja atau kerjaya

Konsep “kerja” dan “kerjaya” kerap digunakan dalam penulisan berkaitan dengan pekerjaan (formal) yang diceburi oleh perempuan (dan juga lelaki). Ramai di antara mereka yang menulis mengenai penglibatan perempuan dalam pekerjaan menggunakan perkataan “kerja” dan “kerjaya” itu silih berganti. Jadi tidak hairanlah kita kerap bertemu dengan perkataan berikut: “isteri berkerjaya”, “pasangan berkerjaya” atau “pasangan dua kerjaya”. Hakikatnya, “kerja” dan “kerjaya” adalah dua perkataan yang berbeza. Ini kerana walaupun ramai orang yang “bekerja” tetapi belum tentu “kerja” mereka itu boleh dikategorikan sebagai “kerjaya”.

Individu yang “berkerjaya” adalah individu yang terlibat dalam bidang kerja profesional. Individu berkaitan telah menerima pendidikan dan latihan profesional hingga ke tahap pendidikan kolej atau universiti. Dia dikehendaki

melalui satu tempoh pengajian dan latihan yang telah ditetapkan mengikut profesion yang dipilih. Malah setelah bekerja pun dia masih diperlukan untuk mengikuti latihan yang berkaitan dengan bidang yang mereka ceburi dari masa ke semasa. Masa kerja dia juga agak panjang, dia terlibat dengan proses perancangan, membuat keputusan dan penilaian. Lazimnya pendapatan yang diterima adalah tinggi sesuai dengan pendidikan tempoh yang diterima dan komitmennya terhadap kerja yang diceburi.

Menyamakan kedua bidang kerja profesional dan bukan profesional adalah tidak tepat. Ini kerana kedua-dua bidang kerja itu menetapkan tempoh belajar dan masa menjalani latihan yang berbeza. Oleh itu, faedah yang diperoleh daripada pekerjaan itu juga tidak sama. Malah tekanan dan cabaran yang dihadapi oleh individu yang terlibat dalam dua bidang kerja ini juga berbeza. Kelainan tersebut pula boleh meninggalkan implikasi yang berbeza kepada perhubungan dalam keluarga, pengurusan rumah tangga, penjagaan anak, malah kebahagiaan, konflik dan kesejahteraan kepada mereka seluruh ahli keluarga mereka.

#### e. Perempuan atau wanita

Kebanyakan penulisan lebih cenderung menggunakan perkataan wanita bagi merujuk kepada populasi perempuan baik dalam hal berkaitan dengan status dan peranan mereka dalam keluarga dan masyarakat. Sungguhpun kedua-dua perkataan itu kerap dilihat sebagai sama akan tetapi ia sebenarnya berbeza.

Perkataan “perempuan” lebih merujuk kepada ciri-ciri biologi. Oleh sebab itu dalam banci penduduk, dua kategori jantina digunakan iaitu lelaki dan perempuan. Sementara itu perkataan “wanita” biasanya sarat dengan nilai.

Terkait dengan perkataan “wanita” ialah peranannya sebagai isteri dan ibu yang dijangkakan mempunyai sifat lemah lembut, pengasih dan penyayang, patuh kepada ibu bapa atau suaminya.

Kedua-dua perkataan itu kerap digunakan silih ganti dan tidak memperlihatkan kesalahan yang besar. Akan tetapi bagi merujuk kepada ciri-ciri biologi atau fizikal, maka perkataan perempuan lebih sesuai. Sebagai contoh: kanak-kanak perempuan, perempuan tua, perempuan dewasa, perempuan bujang. Bagi merujuk kepada hal-hal berkaitan dengan status sosioekonomi dan budaya, perkataan wanita mungkin lebih sesuai memandangkan nilai yang “dilekatkan” kepada perkataan itu. Contohnya “wanita bekerja”, “wanita profesional”, “wanita bandar”, “wanita desa”, “wanita moden”, “wanita tradisional”. Mempunyai pekerjaan, ahli profesional, tinggal di bandar, atau di desa, moden atau tradisional, itu dikaitkan dengan “nilai” atau mempunyai “nilainya”, iaitu apabila dilihat mempunyai kelebihan atau kekurangan dan nilai itu biasanya “diberi” oleh masyarakat dan berada “di luar” individu. Bekerja dan menjadi ahli profesional itu mempunyai kelebihan dan batasannya sendiri. Sementara itu tempat tinggal pula dilihat mempengaruhi pandangan hidup (*world view*) seseorang. Mereka yang tinggal di desa mungkin masih terikat dengan nilai tradisi berkaitan dengan pembahagian peranan antara suami isteri dalam keluarga.

Sungguhpun tidaklah salah penggunaan kedua-dua perkataan itu bersilih ganti, akan tetapi dalam konteks perangkaan kependudukan, Jabatan Perangkaan sejak dahulu menggunakan perkataan perempuan dan bukannya wanita bagi merujuk kepada aspek biologi seseorang. Oleh itu dalam menulis jadual berdasarkan data penyelidikan maka disarankan mengikut apa yang telah

dilakukan oleh Jabatan Perangkaan iaitu lelaki dan perempuan bukannya wanita dan lelaki.

### **Konsep dalam bahasa Inggeris dan Melayu**

Banyak perkataan dalam bahasa Inggeris telah diterjemahkan dengan sewenang-wenangnya. Hakikatnya sudah banyak perkataan yang ada dalam perbendaharaan kata Bahasa Melayu. Oleh itu tentulah lebih elok jika perkataan yang sedia ada digunakan dan tidak ditukar ejaannya menjadi Melayu.

#### **a. Keluarga atau famili**

Sejak sekian lama perkataan “keluarga” dalam bahasa Melayu telah diguna pakai apabila menulis atau berbicara tentang keluarga. Walau bagaimanapun sejak lebih dua puluh tahun yang lalu, perkataan “keluarga” dan “famili” (*family*) telah digunakan silih berganti. Tidaklah dapat dipastikan sama ada ia merupakan pengaruh daripada bahasa Melayu Indonesia.

Memandangkan keluarga mengatur dan mengurus aktiviti sepanjang masa maka keluarga juga dilihat seperti sebuah organisasi. Hubungan antara ahli keluarga berterusan sepanjang hayat mereka dan setiap ahli keluarga ada peranan masing-masing sesuai dengan status mereka. Memandangkan sebahagian daripada apa yang berlaku dalam keluarga itu boleh dilihat dalam organisasi formal maka organisasi tempat kerja selalu dilihat sebagai “satu keluarga”. Oleh itu tidak hairanlah jika organisasi menganjurkan hari keluarga atau apa juu aktiviti yang boleh menjamin keutuhan organisasi.

Jika perkataan “keluarga” digantikan dengan “famili” maka “hari

keluarga” akan menjadi “hari famili”. Akan tetapi “Hari Keluarga ISM” atau “Hari Keluarga JKM” itu tentulah lebih sesuai digunakan berbanding “Hari Famili ISM” atau “Hari Famili JKM”. Isu yang penting dalam perbincangan di sini sangat berkait rapat dengan usaha memartabatkan Bahasa Melayu melalui penggunaan bahasa Melayu yang betul khususnya dalam hal-hal berkaitan dengan konsep-konsep penting tentang keluarga.

### b. Nuklear atau nukleus

Dalam sosiologi keluarga atau kajian tentang perkahwinan dan kekerabatan dalam antropologi, konsep keluarga nuklear diguna bagi merujuk kepada struktur keluarga yang mengandungi pasangan suami isteri serta anak-anak mereka termasuk anak angkat dan kesemua anak itu belum berkahwin. Sesetengah penulis menggunakan konsep keluarga asas dan konsep itu mempunyai erti yang sama. Akan tetapi ada penulis yang menggunakan perkataan “nukleus” bagi merujuk kepada keluarga nuklear dan menganggap “nuklear” dan “nukleus” itu sama maknanya. Sebenarnya tidak ada keluarga nukleus tapi yang ada keluarga nuklear.

“Nukleus” (nucleus) adalah konsep penting dalam sains seperti fizik, biologi, dan perubatan. Konsep itu diguna bagi merujuk kepada lembaga atau entiti yang berada di tengah-tengah sesuatu sel hidup (haiwan) atau bahagian tengah atom yang terdiri daripada proton dan neutron. Nuklear (nuclear) pula berkait rapat dengan nukleus atom dalam bidang kimia atau nukleus bagi sesuatu sel dalam bidang biologi. Adakalanya ia dikaitkan dengan tenaga apabila *nuclei* atom dilepaskan. Oleh sebab itu konsep nuklear kerap dikaitkan dengan tenaga nuklear atau bom nuklear.

Konsep “nukleus” yang digunakan kepada keluarga adalah lebih sesuai dalam konteks lain dan bukan konteks struktur keluarga. Apabila “nukleus” diguna untuk merujuk kepada “pemusat” atau “penumpuan” maka huraian begini mungkin lebih sesuai: “ibu bapa menjadi nukleus kepada institusi keluarga”. Huraian itu menerangkan tentang kedudukan ibu bapa sebagai elemen yang terpenting dalam keluarga. Contoh lain adalah: “nukleus (atau pemusat) perhubungan dalam keluarga adalah suami isteri/ibu bapa dan anak-anak/adikberadik”.

### c. Keluarga ekstended, keluarga luas atau keluarga besar

Keluarga yang mengandungi pasangan suami isteri, anak-anak yang belum berkahwin serta yang sudah berkahwin termasuk menantu, cucu, serta sanak saudara yang lain disebut sebagai keluarga luas. Konsep itu adalah terjemahan daripada perkataan *extended family* dalam bahasa Inggeris. Ada juga pihak yang menyebut keluarga ekstended, iaitu dengan menukarajaan perkataan *extended* menjadi *ekstended*. Walau bagaimanapun Majlis Bahasa Brunei, Indonesia, Malaysia (MABBIM) telah memutuskan konsep *extended family* diterjemahkan sebagai keluarga luas dan bukan keluarga lanjutan.

Keluarga luas juga kerap disebut sebagai keluarga besar. Walau bagaimanapun, konsep keluarga besar tidaklah sama maksudnya dengan keluarga luas. Ini kerana perkataan “besar” itu lebih sesuai digunakan bagi merujuk kepada saiz keluarga. Dalam keadaan tertentu keluarga nuklear boleh dianggap keluarga besar jika pasangan suami isteri mempunyai ramai anak. Sebaliknya keluarga luas mungkin kecil saisnya jika yang ada di dalam keluarga berkenaan hanya datuk dan nenek, seorang anak yang telah berkahwin serta pasangannya

dan seorang cucu.

Konsep keluarga luas didapati lebih sesuai sebagai terjemahan kepada *extended family* memandangkan ia ada kaitan dengan “peluasan” generasi iaitu daripada generasi ibu bapa dan anak-anak kepada generasi cucu dan keturunan berikutnya. Apabila keluarga nuklear berkembang disebabkan anak-anak berkahwin dan pasangan suami isteri menerima menantu dan cucu maka keluarga nuklear berubah menjadi keluarga luas. Lazimnya keluarga luas mengandungi ahli-ahli daripada tiga generasi (*stem family*), iaitu generasi ibu bapa, generasi anak-anak dan generasi cucu. Struktur begini kerap ditemui dalam keluarga tradisional orang Cina. Walau bagaimanapun terdapat juga keluarga luas dua generasi yakni apabila adik beradik yang telah berkahwin serta anak-anak mereka tinggal bersama dan pola begini ditemui dalam keluarga gabungan (*joint family*) dalam kalangan orang India.

### **Konsep-konsep lain yang berkaitan**

#### **a. Keluarga ibu tunggal/bapa tunggal atau keluarga induk tunggal**

Apabila pasangan suami isteri bercerai atau salah seorang daripada mereka meninggal dunia, maka anak-anak akan tinggal bersama ibu atau bersama bapa. Di dalam bahasa Inggeris struktur keluarga sedemikian disebut sebagai *single parent family*. Sungguhpun *parent* itu bermaksud ibu bapa, tetapi menamakan keluarga berkenaan sebagai keluarga ibu bapa tunggal tidaklah sesuai memandangkan hanya salah seorang daripada mereka sahaja (ibu atau bapa) yang ada.

Kerap ditemui konsep *single parent family* diterjemahkan sebagai “keluarga induk tunggal”. Akan tetapi makna “induk”

menurut *Kamus Dewan* (Edisi Ke-3), adalah ibu kepada lembu, kambing atau apa jua binatang (1994: 489-490). Jadi dengan makna tersebut maka perkataan “induk” bagi merujuk kepada “keluarga manusia” tentulah tidak sesuai. Oleh itu konsep yang lebih sesuai digunakan ialah sama ada “keluarga ibu tunggal” atau “keluarga bapa tunggal” dan bukan “keluarga induk tunggal” atau “keluarga tunggal”. Mengkhususkan atau merujuk kepada ibu dan/atau bapa itu juga penting memandangkan kedua-dua keluarga ibu tunggal dan keluarga bapa tunggal itu berhadapan dengan masalah, cabaran dan kelebihan atau kekuatan yang berbeza.

#### **b. Warga tua atau warga emas**

Tua adalah satu tahap dalam edaran hidup manusia (*human life cycle*). Menjadi tua adalah suatu yang tabii. Usia tua boleh ditakrifkan secara kronologi, fisiologi, psikologi, sosiologi dan budaya. Daripada segi kronologi, orang “tua” didefinisikan sebagai seorang yang telah hidup dalam satu jangkamasa tertentu. Tua adalah satu konsep yang relatif. Kanak-kanak 12 tahun mungkin menganggap abangnya yang berusia 19 tahun sebagai telah tua. “Remaja” menganggap diri mereka sebagai “muda” sementara ibu bapa mereka sebagai “tua”.

Umur kronologi penting bagi kegunaan seharian dalam organisasi birokrasi dan program-program sosial dan ini penting dalam memastikan hak dan tanggung-jawab sosial seseorang; sama ada dia boleh mendapat lesen memandu, berkahwin, mengundi atau menerima perlindungan sosial (*social security*), serta bersara. Sesetengah pekerjaan kerja menentukan had umur bersara wajib sehingga 65 tahun. Di negeri-negeri di Afrika contohnya jangka hayat penduduknya adalah sekitar 45 tahun, jadi mereka yang berusia 40 tahun sudah dianggap tua. Di Jepun, pula jangka hayat

melebihi 80 tahun jadi mereka yang berusia 70 tahun dan lebih sahaja dianggap tua.

Dalam konteks fisiologi, seseorang menjadi tua apabila pendengaran, penglihatan, pernafasan dan keupayaan kognitifnya merosot. Mereka yang memerlukan penjagaan sepanjang masa untuk makan dan minum, mandi, mengambil ubat dengan betul dan ditempatkan di rumah penjagaan (*nursing home*) dianggap sebagai warga tua. Orang tua lazimnya mengalami pelbagai masalah kesihatan, oleh itu mereka perlu “bergantung” kepada orang lain. Orang yang muda boleh dianggap “tua” jika menderita sakit seperti arthritis, sakit jantung atau diabetes. Sungguhpun demikian, kejayaan dalam bidang perubatan menyebabkan definisi tua daripada segi fisiologikal telah berubah dan orang dapat hidup lebih lama sebelum dapat dianggap “tua”.

Daripada segi psikologi pula, konsep kendiri sangat penting dalam menafsirkan usia tua seseorang. Kajian-kajian mendapati bahawa mereka yang berusia sekitar 75 tahun kurang bersikap positif terhadap rupa paras yang cantik. Sebaliknya orang muda yang berusia dalam lingkungan 20 tahun lebih bersikap positif dalam hal tersebut.

Dalam sosiologi, seseorang dilihat “tua” apabila dapat mengisi peranan sosial yang dikaitkan dengan orang tua. Sebagai contoh perempuan yang berusia 15 tahun yang telah berkahwin dan mempunyai anak sudah dianggap oleh masyarakat sebagai “orang tua” jika dibandingkan dengan rakannya yang sama usia atau berumur tiga puluhan tetapi masih bujang. Ini bermakna menjadi ibu-bapa dan datuk-nenek adalah antara peranan yang dikaitkan dengan orang tua. Tua adalah konstruk sosial. Budaya dalam sesebuah masyarakatlah yang mendefinisikan seseorang itu sama ada boleh dikategorikan sebagai tua atau

sebaliknya. Cara pentafsiran dalam budaya berhubung dengan bagaimana orang tua dijaga dan dilayan juga berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain.

Sungguhpun “tua” boleh dilihat daripada beberapa sudut tetapi imej warga tua baik lelaki dan perempuan yang dipaparkan dalam drama dan filem turut memperlihatkan mereka sebagai beban kepada keluarga kerana kekurangan dan kelemahan berkait dengan fisiologi dan psikologi. Sumbangan mereka pada negara semasa muda seperti tidak diambil kira atau dikenang langsung. Malah kerana “tua” mereka dilihat sebagai membebankan keluarga dan negara. Mungkin atas sebab itu maka ada pihak yang merasakan bahawa gelaran warga tua dianggap tidak sesuai serta tidak adil. Oleh itu perkataan tersebut harus diganti dengan konsep yang lebih “mesra” dan “positif” iaitu “warga emas”.

Menggunakan perkataan “warga emas” sebagai satu panggilan kepada kumpulan penduduk yang telah tua tidak ada salahnya kerana panggilan itu dikaitkan dengan rasa hormat serta penghargaan kepada kategori penduduk berkenaan. Walau bagaimanapun, di dalam perbincangan akademik, khususnya berkaitan dengan perkembangan manusia (*human development*), konsep “tua”, “usia tua”, atau “warga tua” tidaklah boleh diganti menjadi emas, usia emas atau warga emas. Ini kerana “tua” adalah satu konsep yang penting terutamanya dalam fisiologi dan kronologi.

Untuk tujuan perubatan, bantuan kebijikan, penyelidikan, dan perbincangan akademik, konsep “warga tua” lebih wajar digunakan. Malah dalam kajian kependudukan dan banci penduduk konsep warga tua terus digunakan. Tambahan pula konsep-konsep seperti *aging* dan *aged* antaranya perlulah

dikekalkan dengan terjemahan asal iaitu penuaan (*aging*) dan orang tua atau menjadi tua (*aged*).

## Kesimpulan

Makalah ini telah membincang beberapa konsep berkaitan dengan perkahwinan dan keluarga yang kerap diguna dalam penulisan serta wacana yang berkaitan. Penulis berpendirian bahawa ada konsep yang disalah guna atau tidak diterjemah dengan tepat. Ada kalanya penggunaan perkataan dalam bahasa Inggeris telah diMelayukan sedangkan padanan dalam perbendaharaan kata Melayu memang sudah ada. Sebagaimana yang

dihuraikan, konsep keluarga tidaklah sama dengan konsep isi rumah walaupun ada kalanya kedua konsep itu bertindih. Selain itu menggunakan konsep yang diberikan takrifan yang salah juga boleh meninggalkan implikasi penting dalam hal-hal berkaitan dengan perancangan sosioekonomi. Oleh itu kesilapan tersebut perlu diperbaiki atau diperbetulkan. Ini kerana jika kesalahan sedemikian berterusan maka pemahaman mengenai bidang-bidang yang berkaitan dengan perkahwinan dan keluarga juga akan turut salah. Kesalahan itu tentulah lebih mengecewakan jika orang yang mengajar bidang berkaitan, atau yang menulis mengenai perkahwinan dan keluarga menggunakan konsep yang salah.

## Senarai Rujukan

- Dewan Bahasa dan Pustaka & Universiti Sains Malaysia. 1990. *Tesaurus Umum Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Abdullah. 2006. Konsep keluarga ibu dan bapa tunggal. *Rampak Serantau* Bil. 13.
- Johnson, A. G. 1995. *The Blackwell Dictionary of Sociology*. Oxford: Blackwell.
- Kamus Terjemahan Inggeris-Melayu English-Malay Translation Dictionary* (1996: 523)
- Kamus Dewan Edisi Ke-3 1994.
- Sulaiman Masri. 1995. *Tatabahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burgess, E. W. "The Family as a Unity of Interacting Personalities." dlm. *The Family* Vol. 7, 1926 hlm. 3-9.
- Murdock, G. P. 1949. *Social Structure*. New York: Macmillan.
- Kenyon, G. L. Chong, K., Enkoff-Sage, M., Hill, C., Mays, C., & Rochelle, L. 2003. "Public adoption by gay and lesbian parents in North Carolina: Policy and Practice" *Family in Society*, 84, 4. Hal. 571-575.
- Parsons, T. 1964. *Social Structure and Personality*. New York: Free Press.

# BUNUH DIRI: TERPAKSA ATAU DIPAKSA?

Nurul Hafizah Mohd. Yasin  
Siti Zamanira Mat Zaib  
Universiti Malaysia Kelantan  
[hafizah.my@umk.edu.my](mailto:hafizah.my@umk.edu.my)  
[zamanira@umk.edu.my](mailto:zamanira@umk.edu.my)

## PENGENALAN

Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman melaporkan bahawa untuk tempoh yang sama Januari hingga Mei pada tahun 2019 melibatkan 609 kes, 631 bagi tahun 2020 dan 498 bagi tahun ini untuk Januari hingga Mei lalu yang melibatkan 1,427 wanita dan 281 lelaki (Nuraina Hanis, 2021). Kaedah membunuh diri berdasarkan sumber yang sama adalah gantung diri (75.1 peratus), terjun bangunan (13.6 peratus) dan makan racun (5.7 peratus). Seterusnya, masalah kewangan telah dikenalpasti sebagai ipunya kedua tertinggi bagi kes-kes tersebut. Adlinahani (2020) menerusi artikelnya turut menyentuh tentang tekanan akibat COVID-19 turut mendorong terhadap percubaan membunuh diri. Ramai yang terpaksa berhadapan dengan situasi getir seperti kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan, ketakutan serta stigma yang mengakibatkan kemurungan yang teruk. Secara tidak langsung memberi gambaran bahawa pandemik ini benar-benar

memberi kesan terhadap kesihatan mental tanpa mengira latar belakang individu sehingga sanggup membuat keputusan untuk mengorbankan nyawa sendiri.

## Konsep Bunuh Diri

Artikel tulisan Turecki et al. (2019) merumuskan pelbagai istilah dan definisi yang digunakan secara meluas dalam kajian-kajian berhubung bunuh diri. Antaranya adalah bunuh diri, tingkahlaku bunuh diri, percubaan bunuh diri, idea untuk membunuh diri, mencederakan diri sendiri dan kecederaan diri yang bukan bunuh diri. Setiap daripadanya mempunyai definisi tersendiri dan perbezaan tahap niat ke arah kecenderungan melakukan perbuatan tersebut.

Setiap kematian bunuh diri mewakili tragedi bagi setiap individu dan

secara tidak langsung memberi kesan kepada ramai individu, termasuk keluarga, rakan dan komuniti (Cerel et al., 2019). Umumnya, antara pengaruh-pengaruh dalam corak bunuh diri termasuk ketika tahap peningkatan kemelesetan ekonomi (Chang et al., 2013; Stuckler et al., 2009), perubahan terhadap akses kaedah bunuh diri (Gunnell et al., 2007) dan laporan media tentang kematian bunuh diri artis (Niederkrotenthaler, 2012).

### Contoh Situasi

Seorang ahli perniagaan, Armin yang berusia 43 tahun berada dalam kerunsingan dek panggilan telefon dari dua institusi perbankan tempatan semenjak pertengahan bulan Januari 2021. Panggilan ini diterima oleh Armin kerana beliau telah tidak melunaskan bayaran bulanan bagi dua buah kereta mewahnya, dan sebuah kondominium yang didudukinya sekarang. Beliau terpaksa menangguhkan bayaran-bayaran tersebut kerana jualan produk jam tangan yang diusahakannya kini setelah tiga tahun berada dalam pasaran, kurang mendapat sambutan. Corak jualan dan keuntungan menurun 10-15 peratus setiap bulan semenjak bulan September 2020. Dari 15 agen, kini tinggal enam sahaja agen yang aktif berbanding tahun-tahun lalu. Entah di mana silapnya.

### Analisis Kes

Berdasarkan kepada contoh situasi di atas berikut merupakan beberapa perspektif iaitu kontek ekonomi dan sosial yang boleh dilihat untuk melihat sejauhmana tekanan ke atas individu mampu memunculkan niat bunuh diri.

### Konteks Ekonomi

